Perkembangan Ekonomi

Tinjauan Keseluruhan

Pada tahun 2000, aktiviti ekonomi di Malaysia berkembang kukuh dirangsang oleh pertumbuhan eksport yang teguh di samping peningkatan perbelanjaan dalam negeri. Keluaran dalam negara kasar meningkat sebanyak 8.5%, iaitu kadar pertumbuhan yang lebih pesat daripada unjuran terdahulu dan jauh mengatasi pertumbuhan 5.8% yang dicapai pada tahun 1999. Berikutan itu, nilai keluaran sebenar telah melebihi paras pra-krisis manakala pendapatan per kapita nominal meningkat dengan kukuh sebanyak 8.6% kepada RM13,361 (AS$3,516).

Tahun 2000 juga menandakan berakhirnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000 dan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), 1996-2000. Walaupun berlaku krisis serantau, Malaysia berjaya mencapai sasaran pertumbuhan KDNK sebanyak 7% untuk RRJP2. Semasa tempoh RMT, ekonomi Malaysia merekodkan purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 4.7%, melebihi unjuran pertumbuhan yang disemak semula sebanyak 3% yang disasarkan untuk Rancangan tersebut. Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang tinggi adalah hasil tindak balas polisi yang pantas dan penyelarasan sektor perbankan. Keadaan ini telah membolehkan ekonomi Malaysia menjadi bertambah teguh dan berdaya tahan pada tahun 2000. Ini dicapai dalam persekitaran pasaran kewangan yang stabil. Sementara kadar pertukaran ringgit dianggar susut nilai sedikit pada awal tahun 2000, ianya beransur-ansur meningkat dan menghampiri paras keseimbangan menjelang akhir tahun. Kekuatan dan kepesatan dalam kadar pemulihan ekonomi dan sistem kewangan yang lebih kukuh serta pasaran yang stabil jelas menunjukkan keteguhan asas ekonomi negara. Ini telah memberikan lebih ruang dalam perlaksanaan polisi bagi menangani kejutan-kejutan luaran ke atas sistem ekonomi.

Graf 1.1

Ekonomi Tahun 2000 (pada harga tahun 1987)

Penawaran barangan dan perkhidmatan bukan faktor (RM431.4 bilion)



Permintaan barangan dan perkhidmatan bukan faktor (RM431.4 bilion)



[1] Termasuk stok

Graf 1.2
Pertumbuhan Pengeluaran yang Kukuh



Graf 1.3
Pertumbuhan KNK dan KNK per Kapita Semasa



Keluaran benar berkembang dengan teguh sebanyak 10% pada separuh tahun pertama tahun 2000 dan kekal kukuh pada 7.2% pada separuh tahun kedua. Eksport barangan perkilangan meningkat dengan nyata sebanyak 19.1% pada separuh tahun pertama hasil daripada jumlah dan harga eksport yang lebih tinggi (masing-masing pada 12.9% dan 5.5%). Kemantapan eksport ini disebabkan oleh permintaan yang masih kukuh untuk barangan elektronik dan elektrik keluaran Malaysia serta perkembangan pesat dalam eksport berasaskan minyak, iaitu keluaran petroleum dan kimia. Meskipun pertumbuhan global terutamanya di Amerika Syarikat, menyederhana pada separuh tahun kedua, permintaan eksport Malaysia terus mapan pada kadar yang lebih tinggi pada suku tahun ketiga, dengan eksport barangan perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 23.9%. Namun, eksport perkilangan menyederhana kepada 7% pada suku tahun keempat.

Menjelang akhir tahun 2000, aktiviti ekonomi global mulai menjadi perlahan, terutamanya di Amerika Syarikat. Ini telah membawa kepada kesan negatif ke atas eksport, terutamanya eksport separa konduktor. Namun, syarikat-syarikat Malaysia telah berupaya menggunakan kepelbagaian produk mereka dan mengambil peluang daripada permintaan sektor-sektor pertumbuhan seperti telekomunikasi dan aplikasi tanpa wayar, untuk mengimbangi penyederhanaan dalam eksport separa konduktor. Bagi keseluruhan tahun 2000, eksport kasar meningkat sebanyak 16.1% dan akaun dagangan mencatat lebihan sebanyak RM60.9 bilion atau AS$16 bilion. Malaysia juga turut mendapat faedah daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi dan hasilnya, pendapatan daripada eksport minyak mentah meningkat sungguhpun pengeluaran minyak adalah lebih rendah. Pendapatan daripada eksport minyak mencakupi 9.5% daripada kenaikan dalam hasil eksport.

Graf 1.4
Pertumbuhan Permintaan Dalam dan Luar Negeri Kekal Kukuh



Graf 1.5
Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK Benar: Permintaan dalam Negeri dan Eksport Bersih



Jadual 1.1: Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	1998	1999	2000*a*	2001*r* [1]
Bilangan penduduk (juta orang)	22.1	22.7	23.3	23.8
Tenaga buruh (juta orang)	8.8	9.2	9.6	9.9
Guna tenaga (juta orang)	8.6	8.9	9.3	9.6
Pengganguran (% daripada tenaga buruh)	3.2	3.4	3.1	3.1
KDNK per kapita (RM)	12,135	12,305	13,361	13,618
(AS$)	3,093	3,238	3,516	3,584
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar	–7.4	5.8	8.5	5.0 - 6.0
(RM bilion)	182.2	192.8	209.3	219.8 - 221.8
Pertanian, perhutanan dan perikanan	–3.3	3.8	0.4	1.1
Perlombongan dan kuari	0.8	–3.1	–0.5	1.4
Perkilangan	–13.4	13.5	21.0	8.5
Pembinaan	–23.0	–5.6	1.1	1.0
Perkhidmatan	–0.7	3.3	4.7	3.6
KNK nominal	0.9	3.8	11.2	4.4
(RM bilion)	269.2	279.5	310.8	324.4
KNK benar	–5.2	3.7	6.3	5.4
(RM bilion)	172.8	179.2	190.5	200.8
Permintaan agregat dalam negeri benar[1]	–25.2	1.7	14.6	8.4
Perbelanjaan swasta[2]	–30.3	–3.9	15.7	7.5
Penggunaan	–10.8	3.1	12.4	7.0
Pelaburan	–55.2	–21.8	26.7	9.2
Perbelanjaan awam[2]	–7.6	16.1	12.3	10.4
Penggunaan	–6.6	16.3	1.7	12.3
Pelaburan	–8.4	15.9	21.7	8.9
Tabungan negara kasar (% daripada KNK)	42.0	41.1	39.5	36.5
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan dagangan	69.2	86.5	79.5	71.2
Eksport (f.o.b.)	281.7	318.9	372.8	389.2
Import (f.o.b.)	212.5	232.4	293.3	318.0
Imbangan perkhidmatan	–22.2	–32.1	–40.6	–41.3
(% daripada KNK)	*–8.3*	*–11.5*	*–13.1*	*–12.7*
Pindahan, bersih	–9.6	–6.5	–7.7	–7.8
Imbangan akaun semasa	37.4	47.9	31.2	22.1
(% daripada KNK)	*13.9*	*17.1*	*10.0*	*6.8*
Rizab antarabangsa bersih BNM [3]	99.4	117.2	113.5	–
(sebagai bulan import tertangguh)	*5.7*	*5.9*	*4.5*	–
HARGA (% perubahan)				
IHPG (2000=100)	5.3	2.8	1.6	1.5 - 2.0
IHPK (1989=100)	10.7	–3.3	3.1	–1.8
Upah benar bagi seorang pekerja di sektor perkilangan (% perubahan)	–2.4	3.0	4.6	–

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan.

[1] Ramalan bagi sektor berdasarkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5%.
[2] Tidak termasuk stok.
[3] Berikutan penetapan kadar pertukaran ringgit/dolar AS pada bulan September 1998, semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambilkira dalam akaun Bank pada tahun semasa.

a Awalan
r Ramalan

Jadual 1.2: Malaysia - Penunjuk Monetari dan Kewangan

	1998	1999	2000*a*
KEWANGAN KERAJAAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)			
Hasil	56.7	58.7	61.9
Perbelanjaan mengurus	44.6	46.7	56.5
Perbelanjaan pembangunan bersih	17.1	21.5	25.0
Imbangan keseluruhan	–5.0	–9.5	–19.7
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	–1.8	–3.2	–5.8
Jumlah perbelanjaan pembangunan bersih sektor kerajaan	46.8	48.5	59.0
Imbangan keseluruhan sektor kerajaan (% daripada KDNK)	–1.3	0.7	–2.9
HUTANG LUAR NEGERI			
Jumlah hutang (RM bilion)	163.0	161.6	157.0
Hutang jangka sederhana dan panjang	130.9	138.7	139.4
Hutang jangka pendek	32.1	22.9	17.5
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	6.7	6.0	5.0
Hutang jangka sederhana dan panjang	6.0	5.5	4.7

	Perubahan 1998		Perubahan 1999		Perubahan 2000	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
WANG DAN PERBANKAN						
Bekalan wang M1	–9.2	–14.6	19.3	35.7	4.7	6.5
M2	4.3	1.5	40.7	13.7	17.5	5.2
M3	10.6	2.7	33.1	8.3	21.9	5.0
Deposit sistem perbankan	–1.3	-0.3	20.4	4.7	14.6	3.2
Pinjaman sistem perbankan	5.4	1.3	1.1	0.3	23.2	5.4
Perkilangan	1.9	2.9	0.5	0.7	2.2	3.4
Sektor harta benda yang luas	9.6	6.8	4.0	2.6	8.0	5.2
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	1.8	5.0	–3.8	–10.1	0.4	1.3
Nisbah pinjaman-deposit (purata pada akhir tahun)	91.4		83.2		84.4	

	1998 %	1999 %	2000 %
Kadar faedah (purata pada akhir tahun)			
Antara bank 3 bulan	6.46	3.18	3.25
Bank perdagangan			
Deposit tetap: 3 bulan	5.83	3.33	3.47
12 bulan	5.74	3.95	4.08
Deposit tabungan	3.87	2.76	2.72
Kadar berian pinjaman asas *(BLR)*	8.04	6.79	6.78
Syarikat kewangan			
Deposit tetap: 3 bulan	6.43	3.49	3.52
12 bulan	6.57	4.13	4.21
Deposit tabungan	5.01	3.50	3.44
Kadar berian pinjaman asas *(BLR)*	9.50	7.95	7.95
Bil Perbendaharaan (3 bulan)	5.31	2.71	2.98
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	5.79	3.37	3.36
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	6.66	5.21	4.80

	1998 %	1999 %	2000 %
Perkembangan Ringgit (pada akhir tahun)			
Perubahan berbanding komposit	–0.2	–1.3	3.2
Perubahan berbanding SDR	–1.8	2.7	5.2
Perubahan berbanding AS$[1]	2.3	0.0	0.0

[1] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=AS$1 pada 2 September 1998.
a Awalan

Operasi fiskal merupakan satu lagi sumber rangsangan yang penting kepada pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2000. Keadaan ekonomi dan kewangan yang stabil memberi kelonggaran kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk melaksanakan polisi monetari yang akomodatif bagi menyokong proses pertumbuhan. Hasil daripada faktor-faktor yang saling mendorong – permintaan luaran yang semakin teguh, dorongan fiskal yang lebih kukuh dan persekitaran kadar faedah yang rendah – aktiviti sektor swasta mengukuh dengan nyata pada tahun 2000. Penggunaan swasta kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.4% apabila corak perbelanjaan dipengaruhi oleh kesan pendapatan berikutan jaminan pekerjaan, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi serta persekitaran kadar faedah yang rendah. Sementara itu, pertumbuhan dalam pelaburan swasta yang kurang menggalakan pada tahun 1999, berkembang dengan pesat pada tahun 2000. Perbelanjaan pelaburan sektor swasta yang mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun 1999 mengukuh dengan nyata pada kadar positif 26.7% pada tahun 2000. Khususnya, pelaburan swasta yang lebih tinggi telah dicatat oleh industri-industri di sektor perkilangan dan perkhidmatan berikutan peningkatan dalam kapasiti dan pelaburan baru yang dilaksanakan untuk memenuhi permintaan yang meningkat.

Permintaan luaran yang teguh, operasi fiskal yang mengembang dan pasaran kewangan yang stabil telah menyebabkan peningkatan nyata dalam aktiviti sektor swasta. Pertumbuhan dicapai ketika asas-asas ekonomi semakin mengukuh.

Dengan aktiviti pelaburan yang semakin kukuh, potensi pengeluaran, iaitu paras optima pengeluaran berasaskan stok modal dan tenaga buruh yang sedia ada dalam ekonomi, telah kembali ke arah aliran pertumbuhan dan berkembang sebanyak 2.9% pada tahun 2000. Sungguhpun begitu, jurang pengeluaran telah mengecil kepada hanya 1.3% daripada potensi pengeluaran pada tahun 2000, memandangkan pengeluaran sebenar berkembang pada kadar yang lebih pantas. Jurang pengeluaran ini yang mengukur paras kapasiti lebihan dalam ekonomi adalah paling ketara pada suku tahun ketiga 1998 iaitu sebanyak 12.3% daripada potensi pengeluaran (butiran terperinci terdapat pada Kotak Putih).

Sungguhpun harga minyak melambung tinggi dan terdapat penurunan dalam lebihan kapasiti serta keadaan permintaan dan pekerjaan yang teguh, tekanan inflasi telah dapat dibendung. Indeks Harga Pengguna hanya meningkat sebanyak 1.6% berikutan kadar pertukaran yang stabil dan inflasi yang rendah di luar negara. Punca utama kenaikan dalam harga adalah berikutan beberapa perubahan yang bersifat sekali sahaja, termasuk kenaikan dalam tambang bas, harga petrol dan gas serta kadar cukai yang lebih tinggi ke atas minuman beralkohol dan tembakau. Inflasi bukan makanan adalah lebih rendah pada 1.3% (1999: 1.6%).

Sementara itu, tahun 2000 juga turut menyaksikan keadaan pasaran buruh pulih dengan nyata. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan di samping mengurangkan jumlah pemberhentian pekerja. Oleh yang demikian, kadar pengangguran dianggar menyusut kepada 3.1% (1999: 3.4%), jauh di bawah kadar guna tenaga penuh sebanyak 4%. Dari segi upah, pihak majikan telah dapat menaikkan gaji para pekerja berikutan pemulihan dalam keuntungan. Walau bagaimanapun, pemulihan dalam produktiviti pada amnya adalah lebih tinggi daripada kenaikan dalam upah. Namun, tekanan inflasi akibat kenaikan upah kekal rendah.

Dari segi penawaran pula, pertumbuhan dalam pengeluaran disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Terdapat peningkatan yang nyata dalam pengeluaran dan kapasiti penggunaan, mencapai tahap melebihi 80% di beberapa industri (contohnya industri elektronik, barangan elektrik, kimia dan keluaran petroleum). Purata kapasiti penggunaan adalah 77% pada tahun 2000 berbanding 75.5% pada tahun 1999. Tidak termasuk industri pemprosesan di luar estet, purata penggunaan kapasiti adalah lebih tinggi pada 83% (1999: 80%). Di sektor perkilangan, nilai ditambah meningkat dengan kukuh sebanyak 21%, dengan peningkatan yang nyata dalam pengeluaran industri berorientasikan eksport

Potensi Pengeluaran Ekonomi Malaysia

Unjuran terbaru BNM bagi potensi pengeluaran menunjukkan yang ianya telah kembali semula ke arah aliran pertumbuhan dan menjadi lebih kukuh pada tahun 2000. Jadual di bawah menunjukkan potensi pengeluaran berkembang sebanyak 1.8% dalam tempoh 1999–2000, berbanding pertumbuhan KDNK sebanyak 7.2% yang dicatatkan pada tempoh yang sama. Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kedua-dua pelaburan dan guna tenaga iaitu masing-masing sebanyak 8% dan 1.7% dalam tempoh 1999-2000, berbanding 14.1% dan 3.9% masing-masing dalam tempoh 1992-1997.

Jadual 1.3
Keluaran Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK benar	Keluaran potensi	Pelaburan	Tenaga buruh
	Perubahan tahunan dalam %			
1992-1997	9.2	8.3	14.1	3.9
1998	–7.4	0.7	–43.0	–1.7
1999	5.8	0.8	–5.9	1.5
2000	8.5	2.9	24.1	2.0
1999-2000	7.2	1.8	8.0	1.7

Memandangkan pengeluaran benar telah berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding potensi pengeluaran, jurang pengeluaran terus mengecil pada tahun 2000. KDNK benar meningkat sebanyak 8.5% pada tahun 2000 berbanding kenaikan sebanyak 2.9% dalam potensi pengeluaran, justeru menjadikan jurang pengeluaran menguncup kepada 1.3% daripada potensi pengeluaran pada tahun 2000. Jurang pengeluaran adalah amat ketara pada suku tahun ketiga tahun 1998 iaitu pada 12.3% daripada potensi pengeluaran.

Selaras dengan unjuran terdahulu, keanjalan jangka pendek buruh terus mengatasi keanjalan modal. Dengan yang demikian, firma-firma dapat mencapai tahap pengeluaran yang lebih tinggi dalam jangka pendek dengan mengupah lebih ramai tenaga kerja tanpa menambah pelaburan modal. Keanjalan modal yang rendah dalam jangka masa pendek adalah disebabkan oleh pelaburan yang besar dalam projek infrastruktur yang mempunyai tempoh penyiapan yang panjang sebelum memberikan pulangan hasil.

Graf 1.6
KDNK Benar, Keluaran Potensi dan Jurang Keluaran



Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, keanjalan modal jauh lebih tinggi daripada unjuran terdahulu yakni lebih kurang 0.4 (unjuran dahulu kira-kira 0.2), menunjukkan bahawa pulangan modal adalah lebih tinggi pada tahun 2000. Perkembangan ini disokong oleh peningkatan dalam kadar kapasiti penggunaan di mana pelaburan dalam infrastruktur pada tahun 1990an mula menyumbang kepada pengeluaran yang lebih tinggi.

(31.6%) dan industri berorientasikan pasaran tempatan (17.2%). Tanpa mengenepikan faktor pemulihan dalam kadar pertumbuhan pada tahun 1999, satu rekod baru telah dicapai dalam pengeluaran perkilangan pada tahun 2000.

Mencerminkan pertumbuhan keseluruhan ekonomi, nilai ditambah sektor perkhidmatan terus meningkat sebanyak 4.7%. Perkembangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan yang berterusan terutamanya dalam subsektor utiliti; pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi; dan perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran. Pertumbuhan ini telah disokong oleh permintaan dalam negeri di samping peningkatan yang nyata dalam jumlah ketibaan pelancong.

Nilai ditambah sektor pembinaan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.1% (-5.6% pada 1999). Pemulihan dalam aktiviti pembinaan ini didorong oleh perbelanjaan Kerajaan di bawah program dasar fiskal dan peningkatan aktiviti dalam projek-projek infrastruktur di samping kekukuhan aktiviti dalam subsektor rumah kediaman yang didorong oleh asas permintaan yang teguh, terutamanya terhadap rumah kediaman pada harga yang mampu dimiliki. Lebihan bekalan sektor harta tanah kekal tinggi terutama bagi sektor ruang pejabat dan runcit walaupun kadar penghunian ruang pejabat menjadi stabil sementara ruang runcit meningkat sedikit pada sembilan bulan pertama tahun 2000.

Di sektor pertanian, nilai ditambah meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.4% disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih perlahan bagi minyak sawit mentah dan juga oleh kemerosotan dalam pengeluaran getah dan koko yang berterusan. Sementara itu, nilai ditambah sektor perlombongan juga merosot, tetapi pada kadar yang lebih sederhana. Pengeluaran minyak mentah menurun sebanyak 0.9%. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah hanya berkurangan sedikit daripada sasaran pengeluaran sebanyak 610,000 tong sehari untuk tahun 2000. Ekoran permintaan dari dalam dan luar negeri yang lebih tinggi, pengeluaran gas asli meningkat pada tahun 2000 (9.7%).

Kedudukan imbangan pembayaran kekal memuaskan pada tahun 2000. Lebihan akaun semasa yang besar telah dapat menampung aliran keluar untuk pembayaran semula hutang dan pelaburan luar negeri oleh rakyat Malaysia, justeru menghasilkan lebihan dalam imbangan asas (akaun semasa dan akaun modal jangka panjang). Untuk tahun 2000 secara keseluruhannya, terdapat aliran keluar bersih dana jangka pendek.

Akaun dagangan mencatat lebihan sebanyak RM79.5 bilion atau AS$20.9 bilion untuk mengimbangi defisit akaun perkhidmatan dan pindahan. Seterusnya, akaun semasa dianggar mencatat lebihan sebanyak RM31.2 bilion (AS$8.2 bilion) atau 10% daripada KNK (1999: 17.1% daripada KNK). Sementara itu, pembayaran semula pinjaman luar negeri dan pelaburan di luar negara oleh rakyat Malaysia meningkat pada tahun 2000 dengan kemasukan berterusan pelaburan langsung asing berikutan pelaburan baru di sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak. Akaun modal jangka pendek dianggar terus mencatat aliran keluar bersih yang besar sebanyak RM36 bilion pada tahun 2000, disebabkan oleh peningkatan dalam aset luaran bank komersil, pembayaran semula pinjaman jangka pendek oleh bank komersil dan sektor swasta bukan bank, peningkatan kredit perdagangan dan mudah tunai serta penghantaran balik dana oleh para pelabur portfolio pada separuh tahun kedua.

Secara keseluruhan, imbangan dagangan dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang teguh di samping pengeluaran daripada pinjaman asing telah memberikan kedudukan yang selesa bagi menampung aliran keluar modal jangka pendek. Seterusnya, rizab antarabangsa bersih BNM kekal kukuh dan berjumlah AS$29.9 bilion pada akhir tahun 2000, cukup untuk membiayai

Jadual 1.4
Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	1998	1999	2000
Modal			
Nisbah modal utama (%)	8.7	10.1	10.5
Nisbah modal berwajaran risiko *(RWCR)* (%)	11.8	12.5	12.4
Pinjaman Tidak Berbayar Bersih *(NPL)*			
(Klasifikasi 3 bulan)			
Sistem perbankan (%)	13.6	11.0	9.6
Sistem perbankan (RM juta)	52,927	40,631	37,463
(Klasifikasi 6 bulan)			
Sistem perbankan (%)	8.1	6.4	6.3
Sistem perbankan (RM juta)	31,675	23,849	24,773
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	2.0	1.9	1.9

Nota: Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam.

4.5 bulan import. Kedudukan mudah tunai luaran Malaysia pulih pada tahun 2000, dengan rizab sebanyak 6.5 kali hutang luar negeri jangka pendek berbanding 5.1 kali pada tahun 1999. Pada akhir bulan Februari 2001, paras rizab berjumlah RM110.1 bilion (AS$29 bilion), cukup untuk menampung 6.3 kali pinjaman luar negeri jangka pendek dan membiayai 4.3 bulan import tertangguh. Rizab tersebut boleh digunakan dan tidak membebankan.

Kedudukan hutang luar negeri dan profil kematangan hutang Malaysia bertambah baik pada tahun 2000. Hutang luar negeri jangka pendek terus berkurangan dan mencakupi hanya 11% daripada jumlah hutang luar negeri dan 15.4% daripada rizab asing. Termasuk hutang jangka sederhana dan jangka panjang yang perlu dijelaskan pada tahun 2001, nisbah pinjaman jangka pendek kepada jumlah hutang kekal rendah pada 21%. Penyusutan dalam hutang jangka pendek telah mengurangkan risiko kepada ekonomi, khususnya keadaan mudah terjejas sektor perbankan kepada potensi kejutan. Daripada jumlah hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang, sebanyak 70% mempunyai baki tempoh matang lebih daripada tiga tahun. Secara keseluruhan, nisbah hutang kepada KNK telah menurun daripada paras tertinggi sebanyak 64% pada akhir tahun 1997, kepada 57.8% pada akhir tahun 1999 dan 50.5% pada akhir tahun 2000.

Pada tahun 2000, prestasi pertumbuhan ekonomi yang sangat kukuh juga dapat dilihat dalam sektor perbankan. Keuntungan sistem perbankan meningkat, dengan kenaikan sebanyak 107.5% dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM9.7 bilion (1999: RM4.7 bilion). Jumlah ini melebihi paras pra-krisis (RM7.7 bilion pada tahun 1997). Kualiti aset sistem perbankan juga pulih, dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (*NPL*) sistem perbankan kekal rendah pada 6.3% (mengikut klasifikasi 6 bulan) atau 9.6% (mengikut klasifikasi 3 bulan) pada akhir tahun 2000. Prestasi keuntungan institusi perbankan dan ekonomi yang lebih baik telah mengukuhkan lagi kedudukan modal sistem perbankan dengan nisbah modal berwajaran risiko *(RWCR)* kekal melebihi paras 12% pada tahun 2000. Begitu juga, nisbah modal teras sistem perbankan terus kukuh pada 10.5%.

Pengurusan Ekonomi Makro

Pada awal tahun 2000, terdapat kebimbangan bahawa pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian, terutamanya ekonomi Amerika Syarikat, mungkin menjadi perlahan pada tahun 2000. Dengan itu, teras pengurusan ekonomi makro pada tahun 2000 ditumpukan ke arah mengekalkan pertumbuhan mapan permintaan dalam negeri bagi mengimbangi sebarang kemungkinan penyusutan dalam permintaan luaran. Pada masa yang sama, matlamat jangka panjang pengurusan ekonomi makro ialah untuk terus mengekalkan kestabilan supaya pertumbuhan mapan jangka panjang tidak terjejas. Oleh itu, perhatian telah diberikan untuk memastikan supaya dasar berorientasikan pertumbuhan tidak mewujudkan sumber ketidakstabilan yang baru kepada ekonomi. Teras utama untuk mengekalkan keseimbangan ini adalah melalui pembentukan dan perlaksanaan dasar yang teliti.

Untuk mencapai pertumbuhan yang mapan dengan kestabilan harga pada jangka masa sederhana dan panjang, tumpuan dasar adalah ke arah mempercepatkan penstrukturan semula sektor ekonomi, kewangan dan korporat bagi mengurangkan halangan struktural yang mungkin mempengaruhi daya saing negara. Hasil gabungan dasar ekonomi makro berhemat dan usaha-usaha penstrukturan semula, asas ekonomi negara telah pulih dengan nyata. Keadaan ekonomi yang stabil berserta asas yang lebih kukuh telah membolehkan tumpuan dasar dialihkan daripada mengurus risiko jangka pendek kepada pembentukan dasar jangka sederhana dan panjang untuk mencapai Wawasan 2020. Dengan persekitaran

antarabangsa yang sentiasa berubah, tumpuan dasar tersebut juga telah diubah suai bagi memastikan Malaysia dapat memperkukuhkan daya tahan serta mencapai matlamatnya dalam suasana ketidaktentuan yang semakin meningkat di pasaran kewangan antarabangsa.

Pada tahun 2000, Kerajaan telah mengekalkan dasar fiskal berkembang untuk merangsang permintaan dalam negeri. Pakej rangsangan fiskal yang diperkenalkan dalam Belanjawan tahun 2000 untuk mengukuhkan permintaan dalam negeri mengandungi langkah-langkah percukaian dan bukan cukai. Langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan termasuklah pengurangan menyeluruh satu mata peratusan pada kadar cukai pendapatan individu, pengurangan cukai yang lebih besar dan penyelarasan gaji bagi kakitangan awam serta pengurangan dalam duti import bagi barang-barang pengguna. Berbagai insentif juga disediakan untuk menggalakkan pemilikan rumah bagi mengurangkan lebihan dalam bekalan sektor rumah kediaman. Di samping langkah-langkah untuk mengurangkan kos operasi perniagaan, Kerajaan juga telah mempergiatkan usaha untuk menarik pelaburan yang berkualiti tinggi melalui pembentukan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi di Kementerian Kewangan yang menawarkan pakej pelaburan istimewa bagi menarik pelabur ke sektor sasaran. Langkah-langkah tersebut telah mengukuhkan perbelanjaan pengguna dan keyakinan pelabur.

Dari segi peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, keutamaan telah diberi kepada pendidikan dan latihan kemahiran, pembangunan luar bandar, pertanian dan perumahan kos rendah dan perkhidmatan kesihatan serta pembangunan perindustrian dan infrastruktur. Ini bertujuan untuk menambah peruntukan kepada projek yang mempunyai rantaian yang kukuh kepada ekonomi bagi memastikan rangsangan maksimum kepada pertumbuhan, aliran keluar yang minimum dari segi import di samping memenuhi matlamat sosio ekonomi. Memandangkan terdapat keperluan untuk meningkatkan rangsangan fiskal, defisit fiskal meningkat kepada 5.8% daripada KDNK, berbanding 4.1% daripada KDNK seperti yang diumumkan semasa Belanjawan tahun 2000. Walau bagaimanapun, akaun semasa Kerajaan Persekutuan terus berada dalam lebihan pada tahun 2000.

Sepanjang tahun 2000, Kerajaan telah meningkatkan usaha untuk memastikan pakej rangsangan fiskal dilaksanakan dengan sepenuhnya. Langkah-langkah telah diambil untuk mempercepatkan perlaksanaan dengan menggunakan konsep *"Turnkey, Design and Build Concept"* dan mempermudahkan prosedur jaminan. Bagi projek-projek yang telah diluluskan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah pengawasan bagi memastikan pembayaran yang cepat dan penyempurnaan projek mengikut jadual. Ini termasuklah membentuk satu Unit Pembayaran Lewat bagi menangani aduan pembayaran lewat yang dihadapi oleh para pembekal dan kontraktor, memberi lebih fleksibiliti kepada agensi Kerajaan dalam menguruskan projek dan pembayaran di samping membentuk satu pasukan khas bagi memastikan perlaksanaan projek adalah mengikut jadual. Berikutan perlaksanaan langkah-langkah tersebut, Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM27.9 bilion daripada keseluruhan jumlah perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan sebanyak RM28.3 bilion untuk tahun 2000.

Satu lagi perkembangan penting ialah dasar fiskal didapati berkesan dalam menghidupkan semula keyakinan pengguna dan pelabur di samping mengekalkan kekukuhan imbangan pembayaran. Dengan menumpukan perbelanjaan Kerajaan kepada projek yang mempunyai rantaian dalam negeri yang tinggi, sektor Kerajaan tidak menyumbang kepada pengurangan dalam lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran. Lebihan yang lebih rendah (10% daripada KNK pada tahun 2000 daripada 17.1% pada tahun 1999) adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam aktiviti sektor swasta berikutan import yang lebih tinggi bagi sektor perkilangan dan pembayaran perkhidmatan yang lebih tinggi.

Meskipun defisit fiskal adalah lebih besar, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan dapat dibendung pada paras 37% daripada KDNK pada tahun 2000. Kedudukan yang kukuh dalam kewangan Kerajaan adalah disebabkan oleh hutang luar negeri yang rendah (15% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan). Kedudukan tersebut dapat dikekalkan berikutan tabungan dalam negeri yang tinggi (39.5% daripada KNK) telah membolehkan Kerajaan membiayai defisit fiskalnya terutamanya melalui sumber-sumber dalam negeri yang

bukan bersifat inflasi. Sungguhpun, Kerajaan memperoleh dananya melalui pasaran modal antarabangsa, jumlah tersebut hanya menyumbang sebanyak 6.4% daripada dana bersih yang diperoleh oleh Kerajaan. Malaysia menerokai pasaran bon antarabangsa pada bulan September 2000 dengan menerbitkan semula Nota berjumlah AS$1 bilion yang akan matang pada tahun 2009 iaitu sebanyak AS$500 juta lagi. Terbitan tersebut menerima sambutan positif daripada pasaran dengan harga terbitan semula pada tebaran sebanyak 215 mata asas ke atas Perbendaharaan AS atau sebanyak 10 mata asas premium ke atas bon tahun 2009 yang sedia ada. Meskipun terdapat turun naik dalam pasaran kewangan, terbitan Nota berjumlah Euro 650 juta pada bulan November 2000 telah terlebih langganan sebanyak dua kali ganda dan berada pada paras tinggi nilai indikatif. Ini mencerminkan bahawa pelabur berpandangan jauh melebihi ketidaktentuan jangka pendek dan asas ekonomi jangka panjang Malaysia.

Pengurusan ekonomi makro pada tahun 2000 tertumpu ke arah mengekalkan permintaan dalam negeri. Dasar berorientasikan pertumbuhan dan penyusunan semula sektor kewangan dan korporat yang sedang berjalan telah menambah kekuatan daya saing ekonomi Malaysia.

Dasar monetari pada tahun 2000 kekal akomodatif bagi menyokong pengukuhan dalam aktiviti ekonomi. Kadar faedah yang rendah telah mendorong pertumbuhan dalam berian pinjaman bank. Rejim kadar faedah yang rendah juga memperbaiki keupayaan perbadanan dengan meringankan beban khidmat hutang para peminjam. Keadaan ini telah memudahkan aktiviti penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat. Terdapat juga minat yang mendalam dalam pasaran sekuriti hutang swasta kerana pembiayaan jangka panjang boleh ditambat pada kos yang rendah. Kadar faedah yang stabil dan rejim kadar pertukaran yang tetap telah memastikan kestabilan dan kebolehramalan keadaan pasaran, justeru menyumbang kepada pemulihan dalam penggunaan dan pelaburan.

Kadar faedah di antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang agak menyimpang di awal perlaksanaan rejim pertukaran tetap tidak mewujudkan sebarang keadaan ketidakstabilan. Tambahan lagi, kadar faedah benar kekal positif bagi memastikan penyimpan juga akan terus memperoleh kadar pulangan benar yang positif. Dengan itu, institusi perbankan telah meningkatkan kadar deposit mereka pada bulan Ogos 2000, tanpa sebarang peningkatan dalam kadar berian pinjaman pada masa yang sama.

Kadar faedah yang rendah serta keadaan mudah tunai yang berlebihan mencerminkan pendirian dasar monetari yang akomodatif di sepanjang tahun 2000. Pada tahun 2000, pinjaman terkumpul menunjukkan arah aliran menaik semenjak bulan Februari 2000, didorong oleh pertumbuhan kredit yang lebih tinggi untuk sektor isi rumah dan perniagaan. Kelulusan pinjaman juga adalah lebih tinggi dan meningkat sebanyak 27.7%, manakala pinjaman terkumpul meningkat dengan nyata pada kadar tahunan 5.4% pada akhir tahun 2000. Termasuk pembiayaan melalui sekuriti hutang swasta (PDS), berian pinjaman pada asas tahunan meningkat sebanyak 9% setakat akhir bulan Disember 2000 (1999: 6.5%). Bagi keseluruhan tahun 2000, pinjaman yang dikeluarkan meningkat sebanyak 13.4%. Pembayaran semula juga meningkat sebanyak 4.4%, hampir menyamai pinjaman yang dikeluarkan, justeru menyederhanakan pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul. Pembayaran balik yang tinggi sebahagiannya mencerminkan pinjaman

Graf 1.7
Berian Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Perubahan Peraturan Kawalan Pertukaran Asing pada tahun 2000 dan awal tahun 2001

Peraturan kawalan pertukaran asing adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif tertentu. Peraturan-peraturan ini melengkapi keseluruhan polisi-polisi ekonomi makro. Peraturan-peraturan ini sentiasa dikaji semula dan perubahan ke atas peraturan-peraturan ini dibuat mengikut keadaan yang berubah. Perubahan utama yang diperkenalkan dalam tahun 2000 dan awal tahun 2001 adalah seperti berikut:-

Tarikh Pengumuman	Perkara
	"The Central Limit Order Book"
14 Mac 2000	Pemegang asal sekuriti di *"Central Limit Order Book (CLOB)"* adalah bebas menghantar pulang semua dana hasil daripada penjualan sekuriti yang dibeli tanpa pembayaran levi.
29 Jun 2000	Prosedur pentadbiran dikeluarkan untuk membantu klasifikasi perolehan jualan daripada sekuriti CLOB sebagai bebas daripada levi.
	Sekuriti Hutang Swasta (PDS)
24 April 2000	Selaras dengan tujuan menggalakkan pertumbuhan pasaran bon tempatan, syarikat-syarikat di Malaysia diberi kebebasan untuk menerbit sekuriti hutang swasta bagi tujuan-tujuan yang dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada BNM. Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC) dikecualikan daripada had RM10 juta bagi penerbitan kredit tempatan dan peraturan 50:50 untuk terbitan melalui tender, iaitu melalui Sistem Tender Berautomatik (FAST).
30 Jun 2000	Garis Panduan Sekuriti Hutang Swasta dikeluarkan untuk Pengurus Utama *(Lead Arrangers).*
	Import dan Eksport Mata Wang
27 Julai 2000	Pengembara pemastautin dan bukan pemastautin tidak perlu mengisytihar dalam Borang Perisytiharan Pengembara sekiranya jumlah mata wang termasuk cek kembara yang dibawa adalah dalam had yang dibenarkan. Untuk bukan pemastautin, pengisytiharan ini terdapat di dalam Kad Pendaratan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen.
	Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan
30 September 2000	Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia bagi pihak mereka sendiri sahaja dan bukan bagi pihak pelanggan mereka. Pelaburan tidak boleh dibiayai daripada pinjaman ringgit.

Tarikh Pengumuman	Perkara
	Kemudahan kredit tempatan yang diberi oleh institusi-institusi perbankan pemastautin kepada Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin
23 November 2000	Berkuat kuasa 1 Disember 2000, institusi perbankan yang dikuasai oleh bukan pemastautin di Malaysia boleh memberi kemudahan kredit sehingga maksimum 50% daripada jumlah kemudahan kredit sebuah Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC), iaitu dalam hal berhubung dengan kemudahan kredit yang diberi oleh institusi perbankan pemastautin. Ini adalah untuk memenuhi komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Am Perdagangan dan Perkhidmatan (GATS). Sebelumnya, institusi-institusi perbankan yang dikuasai bukan pemastautin hanya boleh memberi kemudahan kredit sehingga maksimum 40% daripada jumlah pendanaan.
	Kemudahan kredit dalam ringgit kepada Bukan Pemastautin
15 Disember 2000	Berkuat kuasa 20 Disember 2000, bank-bank perdagangan dan Bank Islam Malaysia Berhad di Malaysia adalah dibenarkan memberi kemudahan pembiayaan *"intra-day"* dalam ringgit tidak melebihi agregat RM200 juta dan had semalaman yang tidak melebihi agregat RM10 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian global bukan pemastautin. Di samping itu, mereka juga boleh mengikat kontrak swap jangka masa pendek untuk membiayai pembayaran bagi pembelian saham di Bursa Saham Kuala Lumpur tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
	Sistem Levi
	Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2001, sistem levi telah diliberalisasikan.

jangka pendek perniagaan yang menyebabkan jumlah pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman yang tinggi. Di samping itu, terdapat beberapa pembiayaan dan penstrukturan semula pinjaman melalui pasaran PDS.

BNM terus memantau dengan rapi aktiviti pemberian pinjaman institusi perbankan pada tahun 2000 bagi memastikan akses kepada dana adalah mencukupi untuk tujuan pelaburan yang berdaya maju dan produktif. Pada masa yang sama, had pendedahan institusi perbankan kepada sektor harta tanah dan untuk pembelian saham dikekalkan. BNM juga mengeluarkan garis panduan mengenai pengurusan risiko kredit dan satu laporan perundingan bagi mencadangkan pindaan tambahan terhadap skop dan definisi kemudahan kredit dan pelanggan tunggal. Memandangkan pentingnya untuk melahirkan kakitangan yang cekap bagi mengurus dan mengawal risiko kredit dalam institusi perbankan, satu program akreditasi telah diperkenalkan. Ini adalah bagi memastikan bahawa kakitangan yang terlibat dalam penilaian kredit, kelulusan dan penyemakan semula kredit telah dilatih dengan sempurna.

Bagi melengkapkan penyeliaan di premis oleh penyelia-penyelia BNM, pihak Bank akan terus memperkukuhkan sistem pengawalseliaan di luar premis dengan menjalankan ujian tekanan berkala ke atas institusi perbankan. Ini dapat membantu untuk mengesan bidang yang lemah di bawah senario yang berbeza-beza. Di samping itu, satu kertas rundingan mengenai langkah-langkah pembetulan yang bertepatan telah dikeluarkan pada tahun 2000, yang mencadangkan satu set tindakan pengawalan yang secara automatiknya akan dimulakan ke atas institusi perbankan yang didapati beroperasi dalam cara yang boleh menjejaskan kebajikan penyimpan.

Bagi memperkukuhkan daya tahan institusi perbankan, BNM telah mengumumkan pada

14 November 2000, yang dana modal minimum bagi kumpulan perbankan milik tempatan dan milik asing akan dinaikkan masing-masing kepada RM2 bilion dan RM300 juta berkuat kuasa 31 Disember 2001. Kedudukan modal yang lebih kukuh akan memastikan institusi perbankan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memenuhi permintaan ekonomi yang sentiasa berubah. Sehingga suku tahun pertama tahun 2001, hanya satu kumpulan perbankan domestik dan lima institusi perbankan asing masih belum memenuhi keperluan dana modal minimum yang baru tersebut.

Di sektor korporat, langkah-langkah telah diperkenalkan bagi mempertingkatkan pentadbiran korporat, ketelusan perlindungan pemegang saham minoriti dan piawaian perakaunan dan pendedahan maklumat yang sepatutnya. Piawaian baru tersebut telah dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh semua pihak berkuasa yang terlibat. Suruhanjaya Sekuriti juga telah mempertingkatkan obligasi pendedahan maklumat dan mengenakan peraturan yang lebih ketat bagi maklumat palsu dan tidak benar dalam prospektus. Begitu juga, di bawah keperluan penyenaraian yang telah diubah suai, berkuat kuasa 1 Jun 2001, syarikat-syarikat adalah dikehendaki menyiarkan lebih banyak butiran terperinci mengenai operasi mereka.

Bagi mempertingkatkan perlindungan kepada pemegang saham minoriti, Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti telah ditubuhkan. Satu kajian semula mengenai kod pengambilalihan yang meletakkan tanggungjawab yang lebih tinggi terhadap pengarah untuk membuat pendedahan maklumat yang penuh dan jujur kepada pemegang saham sebelum mereka membuat pengundian pada resolusi, telah juga dijalankan. Kod Malaysia mengenai Pentadbiran Korporat telah diterbitkan pada bulan Mac 2000. Kod tersebut menggariskan prinsip asas pentadbiran dan amalan terbaik bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan. Keperluan penyenaraian BSKL juga telah diubahsuaikan untuk memperbaiki tahap pentadbiran korporat dan ketelusan syarikat yang disenaraikan serta memperkukuhkan perlindungan terhadap pelabur dan meningkatkan keyakinan pelabur.

Dalam sektor kewangan, program penggabungan bagi institusi perbankan dalam negeri menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Program tersebut menggambarkan usaha untuk mencapai satu sistem perbankan yang berkesan dan berdaya saing. Setakat 31 Disember 2000, sebanyak 50 daripada 54 buah institusi perbankan telah digabungkan kepada 10 kumpulan perbankan. Satu institusi perbankan telah menyempurnakan proses penggabungannya pada 1 Mac 2001. Sebanyak tiga institusi lagi telah diberi kebenaran untuk memulakan perbincangan dengan kumpulan perbankan utama yang lain. Oleh itu, 94% daripada jumlah aset sektor perbankan dalam negeri telah dirasionalisasi dan digabungkan. Pada tahun 2000, perhatian juga ditumpukan kepada penggabungan industri insurans dan broker saham. Industri insurans dan broker saham perlu diperkukuhkan bagi menghadapi persaingan yang semakin meningkat dan persekitaran yang lebih dinamik pada masa hadapan. Insentif cukai juga disediakan untuk mempercepatkan proses penggabungan dan penyatuan kedua-dua industri tersebut.

Penstrukturan semula sektor kewangan terus menunjukkan kemajuan pada tahun 2000. Danaharta menyempurnakan proses pengambilalihannya pada bulan Mac 2000. Sehingga akhir tahun 2000, NPL yang diuruskan oleh Danaharta kekal pada RM47 bilion, di mana sebanyak RM37.5 bilion telah dikeluarkan dari sistem perbankan. Ini mewakili lebih kurang 44% daripada jumlah NPL dalam sistem perbankan. Kadar purata diskaun berwajaran bagi NPL yang diperoleh adalah sebanyak 55%. Dengan penyempurnaan pengambilalihan tersebut, Danaharta telah mengalihkan tumpuannya kepada pengurusan pinjaman dan aset. Sehingga akhir bulan Disember tahun 2000, Danaharta telah berjaya menstruktur semula sebanyak RM35.8 bilion pinjaman, dengan jangkaan perolehan semula berjumlah RM23.8 bilion. Ini bermakna kadar perolehan semula adalah sebanyak 66% daripada pinjaman terkumpul.

Danamodal, yang ditubuhkan untuk menyediakan pemodalan semula institusi perbankan, telah menyuntik sebanyak RM7.1 bilion kepada 10 institusi perbankan semenjak ianya diperbadankan pada tahun 1998. Berikutan keadaan ekonomi yang telah pulih dan selaras dengan program penggabungan, beberapa institusi perbankan telah membayar balik pinjaman mereka kepada Danamodal dan mengurangkan jumlah tersebut kepada

RM3.7 bilion setakat akhir bulan Januari tahun 2001.

Disebabkan kesungguhan untuk mencapai keputusan yang berasaskan pasaran dan pemantauan rapi usaha penstrukturan semula, tanggungan untuk pemodalan dan penstrukturan semula bank ternyata kurang daripada jangkaan awal. Pembiayaan sebenar oleh Danaharta dan Danamodal adalah sebanyak RM19 bilion atau AS$5 bilion, iaitu jauh lebih rendah daripada jangkaan awal sebanyak RM31 bilion atau AS$8.2 bilion. Jumlah tersebut merupakan kurang daripada 7% dari KDNK.

Usaha penstrukturan semula hutang korporat yang dijalankan oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) terus meningkat pada tahun 2000 apabila 42 kes yang melibatkan jumlah hutang sebanyak RM27.3 bilion telah dapat diselesaikan. Hasilnya, hanya 12 kes dengan pinjaman bernilai RM12.1 bilion yang masih belum diselesaikan.

Penstrukturan semula hutang korporat di bawah rangka kerja CDRC merupakan proses sukarela berdasarkan prinsip pasaran. Penyelesaian dan perlaksanaan skim penstrukturan semula yang dijalankan oleh CDRC memerlukan masa dan usaha kedua-dua peminjam dan pemiutang untuk mencapai persetujuan penuh mengenai terma dan skim penstrukturan. Objektif utama adalah untuk memastikan bahawa skim penstrukturan semula hutang tersebut boleh berjaya, bagi memastikan syarikat terus beroperasi dan kedudukan leveraj syarikat tersebut adalah sejajar dengan asas sebenar. Dalam hal ini, selagi skim penstrukturan semula hutang tersebut boleh dijalankan dan disokong oleh semua pemegang saham perbadanan yang mengalami masalah, isu kecepatan penyelesaian dan perlaksanaan skim tersebut tidak seharusnya menjadi kriteria utama dalam menentukan keberkesanan penstrukturan semula hutang korporat.

Jadual 1.5
Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (pada akhir tahun 2000)

	Jumlah kes	Jumlah (RM bilion)
Diterima	75	47.2
Ditarikbalik/ditolak	21	7.8
Diselesaikan	42	27.3
Dipindahkan ke Danaharta	9	1.8
Diselesaikan dan sedang dilaksanakan	33	25.5
Sedang dirumus	12	12.1

Di samping penstrukturan semula hutang korporat, usaha Danaharta dan CDRC juga ditumpukan kepada penstrukturan semula operasi oleh penghutang korporat. Hasil kajian awal yang dijalankan bersama oleh Danaharta dan BNM menunjukkan bahawa lebih separuh daripada syarikat di mana Danaharta mempunyai pendedahan[1] telah melaksanakan atau sedang merancang untuk melaksanakan perubahan dalam struktur pemilikan, struktur organisasi, strategi perniagaan dan memperbaiki pentadbiran korporat. Memandangkan kesulitan kewangan yang dihadapi adalah disebabkan oleh pelbagai faktor, bukan semua hutang korporat memerlukan penstrukturan semula operasi secara menyeluruh. Dalam beberapa kes, hutang korporat bertukar menjadi hutang tidak berbayar disebabkan oleh faktor yang di luar kawalan peminjam, seperti kejatuhan ketara pasaran saham, penarikan semula kredit yang diperuntukkan oleh institusi perbankan dan pengurangan permintaan dan jualan. Bagi kes-kes yang lain, skim penstrukturan semula adalah lewat disebabkan oleh keperluan peraturan yang ketat yang bertujuan untuk memastikan skim penstrukturan semula adalah munasabah, boleh berjaya dan tidak mempengaruhi kestabilan pada masa hadapan. Pada masa hadapan, penstrukturan semula operasi perbadanan di Malaysia dijangka akan berterusan, dengan itu mempermudahkan proses penjualan aset.

Penstrukturan industri secara menyeluruh turut dilaksanakan. Keperluan ini wujud apabila dalam sesetengah kes, penstrukturan semula syarikat tidak dapat dijalankan tanpa penstrukturan keseluruhan industri. CDRC juga telah menyiapkan kajian mengenai sistem pengangkutan awam Kuala Lumpur. Satu pasukan petugas yang terdiri daripada beberapa agensi Kerajaan dan pihak berkuasa telah ditubuhkan untuk menerajui perlaksanaan penstrukturan industri tersebut dan juga untuk menangani masalah hutang syarikat-syarikat berkenaan. CDRC juga telah menyiapkan kajiannya mengenai penstrukturan semula

[1] Sampel pemilihan bagi kajian tersebut adalah berdasarkan tahap teratas 20% daripada peminjam Danaharta dan termasuk semua skim penstrukturan yang utama di Malaysia dan melibatkan perbadanan utama.

industri keluli dan telekomunikasi, serta mempertimbangkan pelbagai pilihan untuk menangani isu-isu yang melibatkan industri-industri tersebut.

Di samping usaha penstrukturan semula, terdapat tumpuan dasar yang bersepadu bagi menangani isu-isu struktural dan mengukuhkan prospek pertumbuhan melalui peningkatan produktiviti. Perhatian yang lebih telah diberi kepada peningkatan kemahiran dan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Kebanyakan daripada dasar dan cadangan perlaksanaan adalah terkandung di dalam pelbagai rancangan yang diumumkan pada awal tahun 2001. Di sektor kewangan, hala tuju dasar masa hadapan adalah terkandung dalam Pelan Induk Pasaran Modal dan Pelan Induk Sektor Kewangan (butiran terperinci dalam Bab 5) , yang masing-masing diumumkan pada 22 Februari 2001 dan 1 Mac 2001. Hala tuju keseluruhan ekonomi yang strategik akan terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, tahun 2001-2010. Manakala tumpuan dasar sektoral yang lebih khusus akan terkandung dalam Rancangan Malaysia Kelapan, tahun 2001-2005. Kedua-dua rancangan tersebut akan diumumkan pada bulan April 2001.

Sejajar dengan objektif dasar jangka panjang, Belanjawan tahun 2000 menyediakan insentif cukai dan insentif-insentif lain untuk meningkatkan daya saing melalui pengurangan kos operasi perniagaan, peningkatan dalam keberkesanan dan menggalakkan pembangunan guna tenaga yang mahir dan berkemampuan dalam teknologi. Beberapa insentif juga disediakan untuk membangunkan pasaran bon dan syarikat modal usaha niaga sebagai alternatif kepada sumber pembiayaan bagi mengurangkan pemusatan risiko pada sektor perbankan. Di samping insentif tersebut, Kerajaan telah menubuhkan beberapa dana untuk membiayai projek-projek berteknologi tinggi dan syarikat modal usaha niaga, serta menyediakan pinjaman kepada sektor-sektor terpilih. Memandangkan terdapat potensi pertumbuhan dalam sektor pertanian dan perkhidmatan, terutamanya pelancongan dan teknologi maklumat, beberapa insentif cukai dan bukan cukai telah diberikan bagi mempermudahkan peningkatan dalam produktiviti.

Penyelarasan struktural yang dijalankan semenjak tercetusnya krisis dan langkah-langkah yang dijalankan pada dua dekad yang lepas, telah dengan nyata mengukuhkan asas-asas ekonomi. Kepelbagaian ekonomi telah menebarkan risiko manakala penghapusan halangan struktural telah memastikan kestabilan. Hasilnya, pertumbuhan terus berjalan dalam suasana inflasi yang rendah dan guna tenaga penuh. Sementara itu, kelemahan dalam sistem kewangan dan ekonomi telah berkurangan. Kedudukan hutang luar negeri telah bertambah baik, manakala rizab antarabangsa BNM kekal tinggi. Sistem perbankan telah bertambah kukuh dari segi pemodalan, kualiti aset dan keuntungan. Asas ekonomi makro yang menggalakkan ini telah membolehkan ekonomi Malaysia menyerap kemungkinan potensi kejutan kepada ekonomi.

Kajian Semula Mengikut Sektor

Sektor Perkilangan

Pengembangan aktiviti ekonomi yang kukuh pada tahun 2000 terutamanya adalah hasil daripada aktiviti perkilangan yang menggalakan. Mencerminkan peningkatan yang nyata dalam permintaan luar negeri serta permintaan dalam negeri yang kekal kukuh, jumlah pengeluaran yang diukur oleh Indeks Pengeluaran Perkilangan (1993=100) melebihi tahap 200 untuk mencatatkan satu rekod baru pada bulan Oktober 2000. Bagi keseluruhan tahun 2000, pengeluaran perkilangan meningkat dengan nyata

Jadual 1.6
Sektor Perkilangan: Pengeluaran

	1999	2000
	Perubahan tahunan (%)	
Industri berorientasikan eksport	12.8	31.6
di mana:		
Elektronik	21.2	44.8
Barangan elektrik	2.7	28.7
Tekstil dan pakaian	4.0	8.7
Kayu dan keluaran kayu	–7.3	4.0
Pemprosesan di luar estet	24.7	11.7
Industri berorientasikan pasaran tempatan	13.1	17.2
di mana:		
Bahan kimia dan keluaran kimia	17.1	15.1
Barangan berkaitan pembinaan	14.2	18.6
Kelengkapan pengangkutan	53.4	19.1
Keluaran petroleum	–0.3	19.9
Keluaran getah	3.6	4.0
Keluaran logam yang direka	–1.1	33.8
Keluaran makanan	5.7	16.2
Jumlah	12.9	25.0

Graf 1.8
Pengeluaran Perkilangan dan Eksport



sebanyak 25% (1999: 12.9%), dengan itu menyumbang kepada pertumbuhan nilai ditambah yang lebih tinggi sebanyak 21% pada tahun 2000 (1999: 13.5%). Pengembangan pengeluaran perkilangan yang kukuh telah membolehkan sektor tersebut terus mengukuhkan kedudukannya sebagai penyumbang utama kepada KDNK, dengan meningkatkan bahagiannya kepada 33.4% pada tahun 2000, daripada 30% pada tahun 1999.

Pengembangan dalam pengeluaran adalah menyeluruh dan hampir semua industri mencatatkan kadar pertumbuhan pengeluaran yang lebih tinggi pada tahun 2000. Pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport sebagai satu kumpulan meningkat dengan nyata sebanyak 31.6%, berikutan pengembangan dalam permintaan sedunia yang kukuh terhadap barangan elektronik dan elektrik. Di sektor dalam negeri, pengembangan dalam permintaan oleh kedua-dua sektor kerajaan dan swasta telah menyebabkan prestasi yang bertambah baik bagi syarikat-syarikat yang mengeluarkan barangan untuk pasaran tempatan. Pertumbuhan dalam industri berorientasikan pasaran tempatan sebagai satu kumpulan meningkat sebanyak 17.2% pada tahun 2000. Memandangkan pengembangan dalam jualan dan jumlah pengeluaran, bilangan syarikat yang beroperasi pada dan melebihi 80% kapasiti di sektor yang berorientasikan eksport dan juga sektor yang berorientasikan pasaran tempatan telah bertambah. Yang paling nyata, industri-industri elektronik dan barangan elektrik telah beroperasi melebihi tahap 80% meskipun mengalami pengembangan kapasiti yang berterusan pada tahun 2000. Industri-industri lain yang beroperasi melebihi 80% kapasiti termasuk industri-industri tekstil dan pakaian, kimia dan keluaran kimia, keluaran petroleum serta keluaran galian bukan logam.

Sektor perkilangan merupakan perangsang pertumbuhan paling utama hasil daripada pertumbuhan kukuh industri berorientasikan eksport dan pasaran tempatan.

Graf 1.9
Penggunaan Kapasiti di Sektor Perkilangan



a Awalan

Industri elektronik terus mencatatkan pengembangan yang kukuh dalam pengeluaran dan eksport, disokong oleh permintaan luar negeri terhadap separa konduktor dan komponen elektronik yang kekal kukuh, disebabkan oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sedunia yang pesat. Terutamanya, memandangkan telefon bimbit telah menjadi lebih mampu dibeli dan liputan geografi yang lebih luas, perkembangan yang pesat dalam komunikasi tanpa wayar dan penggunaan sel *(cellular)* telah meningkatkan permintaan terhadap cip komunikasi, terutamanya dari pasaran-pasaran di Amerika Syarikat, Jepun dan rantau Asia Pasifik. Pada masa yang sama, peningkatan penggunaan *Internet* terus menyokong pertumbuhan industri tersebut. Sementara itu, perbelanjaan korporat sedunia yang bertambah

Graf 1.10
Penggunaan Kapasiti Industri Berorientasikan Eksport



a Awalan

Graf 1.11
Penggunaan Kapasiti di Industri Berorientasikan Pasaran Tempatan



a Awalan

ke atas rangkaian infrastruktur dan bidang-bidang lain yang berkaitan ICT untuk mempertingkatkan kecekapan mereka, juga menyumbang kepada pertumbuhan industri elektronik. Malaysia, sebagai salah satu pusat pengeluaran antarabangsa yang utama bagi syarikat-syarikat multinasional elektronik yang ternama di dunia, telah mendapat faedah daripada perkembangan dalam sektor ICT sedunia yang menggalakkan ini.

Peningkatan bahagian pengeluaran dan eksport elektronik telah menimbulkan kebimbangan mengenai pendedahan sektor perkilangan yang semakin meningkat kepada kemerosotan dalam permintaan luar negeri. Meskipun industri elektronik adalah berorientasikan eksport, ia berjaya mengekalkan daya tahannya terhadap perkembangan luaran pada separuh kedua tahun 2000. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh kepelbagaian keluaran dan pasaran, yang mana telah dapat membantu menebarkan risiko. Pada masa kemerosotan sektor elektronik pada tahun-tahun lepas, struktur kepelbagaian ini telah menyederhanakan kesan ke atas Malaysia, terutamanya segmen pasaran tertentu atau tempahan bagi jenis barangan elektronik yang tertentu. Pada tahun 1996, contohnya, Malaysia kurang terjejas akibat penawaran cip DRAM yang berlebihan di pasaran dunia berbanding dengan negara-negara yang lebih bertumpu kepada pengeluaran DRAM. Begitu juga, pada tahun 2000, meskipun cip DRAM mengalami tekanan harga, permintaan yang kukuh terhadap kategori cip dan komponen elektronik seperti cip *flash memory* dan litar bersepadu telah menyumbang kepada pertumbuhan industri tersebut.

Graf 1.12
Prestasi Sektor Berorientasikan Eksport



Pada tahun-tahun lepas, industri elektronik Malaysia telah meningkatkan daya tahannya dengan menaiki rantaian nilai pengeluaran, iaitu berpindah daripada aktiviti-aktiviti ujian dan pemasangan yang mudah kepada pengeluaran yang lebih canggih dan bernilai lebih tinggi. Peningkatan dalam pengeluaran dan eksport alat berkaitan maklumat dan komunikasi telah membolehkan Malaysia mengambil kesempatan dan bertindak secara positif terhadap peningkatan permintaan hasil daripada pengembangan sektor ICT sedunia, dengan itu meningkatkan bahagian pasarannya di negara-negara Asia Pasifik

Graf 1.13
Perkembangan Industri Elektronik Malaysia
Berbanding Jualan Separa Konduktor Sedunia



utama yang lain di samping Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

Sementara itu, pengeluaran **keluaran elektrik** terus berkembang dengan nyata pada tahun 2000, mencerminkan terutamanya eksport keluaran pandang-dengar yang bernilai tinggi, iaitu, pemain cakera padat video *(VCD)* dan cakera digital video *(DVD)*, TV berskrin yang rata dan juga penyaman udara. Tambahan lagi, peningkatan permintaan terhadap kamera video dan kamera tangan mudah alih, disebabkan sebahagiannya oleh permintaan yang meningkat akibat Sukan Olimpik Musim Panas, juga telah mendorong pengembangan dalam pengeluaran. Langkah untuk mengeluarkan keluaran elektrik yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi telah membolehkan pekilang-pekilang Malaysia terus meningkatkan eksport pada tahun tersebut, dengan itu terus mengekalkan bahagian pasaran dalam negara pengimport utama, iaitu, Amerika Syarikat, Jepun, Singapura, Hong Kong SAR, Australia dan Republik Rakyat China.

Pengeluaran industri berasaskan sumber yang berorientasikan eksport adalah dipengaruhi, sebahagiannya, oleh sama ada bekalan input bahan mentah boleh diperoleh. Pada tahun 2000, pertumbuhan **pengeluaran keluaran yang diproses di luar estet** berkembang pada kadar yang lebih perlahan, berikutan pertumbuhan dalam pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih perlahan. Pengeluaran **keluaran kayu** pulih pada tahun 2000, disokong sebahagiannya oleh pengeluaran kayu balak yang lebih tinggi, akibat pemulihan dalam aktiviti pembalakan daripada keadaan yang lembap pada tahun 1999 apabila pengeluaran terjejas akibat keadaan cuaca buruk. Walau bagaimanapun, harga eksport papan lapis yang lebih rendah akibat persaingan dari Republik Rakyat China telah menyebabkan perolehan eksport yang lebih rendah daripada keluaran kayu. Mencerminkan permintaan yang mapan terhadap perabot tempatan yang pelbagai dan mempunyai reka bentuk yang baik daripada pembeli-pembeli utama di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, industri perabot dan bahagiannya terus mencatatkan prestasi yang menggalakkan.

Industri tekstil dan pakaian mencatatkan pengeluaran yang lebih tinggi pada tahun 2000,

Graf 1.14
Eksport Elektronik Mengikut Destinasi



Nota: Asia Pasifik merujuk kepada Republik Rakyat China, Taiwan, Hong Kong SAR, Korea dan Australia

Graf 1.15
Prestasi Pengeluaran dan Eksport Industri Barangan Elektrik



ekoran tempahan eksport yang lebih tinggi untuk pakaian dan tekstil khasnya dari Amerika Syarikat dan Hong Kong SAR. Pada masa yang sama, harga eksport tekstil yang lebih tinggi juga menyumbang kepada pertumbuhan eksport yang lebih kukuh.

Pengeluaran dan eksport **industri keluaran kimia**, iaitu kumpulan keluaran yang terbesar dalam sektor yang berorientasikan pasaran tempatan, berkembang dengan kukuh pada tahun 2000. Ini adalah disokong terutamanya oleh rantaian industri tersebut yang kukuh dengan industri-industri utama yang mengeluarkan barangan elektronik dan elektrik, kelengkapan pengangkutan, barangan berkaitan pembinaan dan tekstil, serta permintaan yang kukuh terhadap resin, bahan kimia organik, minyak pati dan bahan dandanan diri dari pasaran Asia Pasifik dan Amerika Syarikat. Sementara itu, pemulihan dalam pengeluaran **industri keluaran petroleum** pada tahun 2000, mencerminkan peningkatan dalam permintaan ekoran prestasi industri kelengkapan pengangkutan yang kukuh. Kenaikan dalam harga minyak mentah pula telah meningkatkan perolehan eksport industri keluaran petroleum.

Dalam industri **kelengkapan pengangkutan**, permintaan pengguna dan perniagaan yang bertambah baik terhadap kedua-dua subsektor kenderaan penumpang dan komersil telah mengekalkan pengeluaran pada tahap yang tinggi. Pengenalan model-model kereta baru oleh pengeluar kereta nasional juga telah menyumbang kepada prestasi yang menggalakan pada tahun ini. Selaras dengan perkembangan ini, pengeluaran bahagian dan aksesori kenderaan bermotor juga terus berkembang pada tahun 2000.

Mencerminkan peningkatan aktiviti dalam sektor pembinaan, keluaran **bahan-bahan berkaitan pembinaan** mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada tahun 2000. Pertumbuhan adalah lebih menyeluruh dengan keluaran barangan simen dan konkrit dan barangan kaca serta pengeluaran paip besi dan keluli yang dikimpal mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Sementara itu, eksport kedua-dua industri keluaran galian bukan logam dan keluaran logam terus berkembang, disokong terutamanya oleh peningkatan eksport keluaran seramik dan jubin ke pasaran Eropah serta import keluaran besi dan keluli, aluminium dan tembaga yang lebih tinggi

Graf 1.16
Prestasi Pengeluaran Pemprosesan di Luar Estet



Graf 1.17
Prestasi Pengeluaran Industri Keluaran Kayu



Graf 1.18
Prestasi Industri-industri Berorientasi Pasaran Tempatan



Graf 1.19
Prestasi Pengeluaran dan Eksport Barangan Berasaskan Minyak[1]



[1] Merujuk kepada barangan kimia dan petroleum

oleh pasaran serantau. Begitu juga, peningkatan aktiviti pembinaan dan pembungkusan menyebabkan pengeluaran **keluaran logam yang direka** yang lebih tinggi. Terutamanya, pengeluaran logam berstruktur, loyang, aluminium dan tembaga, keluaran dawai serta tin timah dan kotak logam berkembang dengan kukuh pada tahun tersebut.

Industri keluaran getah terus menghadapi persaingan daripada negara-negara yang mempunyai ramai buruh dan berkos rendah terutamanya dalam segmen pasaran sarung tangan. Pada tahun 2000, walaupun terdapat peningkatan yang berterusan dalam jumlah sarung tangan yang dieksport ke Amerika Syarikat dan Eropah, pendapatan eksport kekal rendah disebabkan oleh harga eksport yang kekal lemah. **Industri keluaran kertas** mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih tinggi bagi memenuhi permintaan terhadap pembungkusan daripada kebanyakan industri, terutamanya industri yang berorientasikan eksport.

Industri-industri makanan, minuman dan **keluaran tembakau** juga mencatatkan pengembangan pengeluaran yang lebih tinggi dalam keadaan penggunaan tempatan yang bertambah baik.

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan bertukar arah untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1% (1999:

Graf 1.20
Prestasi Pengeluaran Industri Kelengkapan Pengangkutan dan Jualan Kenderaan Penumpang dan Perdagangan



Graf 1.21
Prestasi Industri Makanan, Minuman dan Keluaran Tembakau Berbanding dengan Pertumbuhan Swasta



-5.6%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan Kerajaan di bawah program rangsangan fiskal, penswastaan projek infrastruktur dan pembangunan perumahan kediaman, terutamanya untuk perumahan yang mampu dibeli. Sebaliknya, aktiviti pembinaan untuk subsektor bukan kediaman kekal lemah, akibat kapasiti yang berlebihan dengan terdapatnya banyak ruang pejabat dan perniagaan yang tidak berhuni.

Subsektor kejuruteraan awam mendapat faedah daripada kenaikan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang ketara, di mana sebahagian daripadanya dibelanjakan untuk projek-projek terutamanya dalam subsektor pengangkutan, pendidikan, kemudahan awam dan perumahan. Pertumbuhan dalam aktiviti pembinaan juga berpunca daripada projek penswastaan yang dilaksanakan kembali pada tahun 1999 seperti Lebuh Raya Baru Pantai, Lingkaran Rel Ekspres dan Sistem Monorel Kuala Lumpur serta perlaksanaan projek penswastaan baru pada tahun 2000. Projek-projek baru ini termasuk sebuah loji jana kuasa (Jana Manjung TNB) dan sebuah projek jalan raya (Lebuh Raya Kajang-Seremban). Aktiviti pembinaan juga dijalankan ke atas projek yang sedang dalam pembinaan yang berkaitan dengan jalan raya, rel, pengairan dan pembentungan, pelabuhan serta pembuangan sisa. Pada akhir tahun 2000, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad telah meluluskan sebanyak RM9.7 bilion untuk membiayai projek infrastruktur, dan dijangka memainkan peranan yang lebih penting sebagai pembiaya projek infrastruktur pada jangka masa sederhana.

Pengembangan dalam **subsektor bukan kediaman** terjejas akibat lebihan penawaran ruang pejabat dan perniagaan. Peningkatan bilangan dan nilai urus niaga komersil tidak ketara. Dengan terdapatnya banyak **ruang pejabat dan perniagaan** yang tidak berhuni, aktiviti pembinaan pada tahun 2000 di subsektor ini disokong terutamanya oleh projek-projek yang sedang dijalankan yang mula dibina sebelum tahun 1999. Penyiapan ruang pejabat baru di Lembah Klang pada sembilan bulan pertama tahun 2000 terus meningkat, melebihi peningkatan dalam permintaan. Oleh yang demikian, kadar penghunian purata untuk ruang pejabat merosot pada tempoh tersebut. Bagi ruang perniagaan pula, penawaran baru daripada penyiapan projek juga ketara. Namun demikian, permintaan terhadap ruang perniagaan menjadi kukuh disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang bertambah baik, dengan itu menyebabkan kadar penghunian yang lebih tinggi bagi sektor ruang perniagaan.

Kadar sewa untuk ruang pejabat dan perniagaan utama meningkat pada tahun tersebut walaupun kadar sewa lebih rendah berbanding paras pra-krisis. Kadar sewa untuk ruang pejabat dan perniagaan di lokasi sekunder telah terjejas oleh keadaan lebihan penawaran apabila penyewa memilih ruang komersil di lokasi yang strategik. Bagi pembangunan

Graf 1.22
Penawaran Baru Ruang Pejabat Dibina Khas di Lembah Klang[1]: 1999-2001



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor
[2] Merujuk kepada akhir tempoh
a Anggaran oleh BNM

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Graf 1.23
Penawaran Baru Ruang Perniagaan di Lembah Klang[1]: 1999-2001



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor
[2] Merujuk kepada akhir tempoh
a Anggaran oleh BNM

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Graf 1.24
Purata Sewa Bulanan bagi Ruang Pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang[1]



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor

Sumber: BNM, CH Williams Talhar & Wong Sdn. Bhd.

Jadual 1.7
Penunjuk Harta Tanah Kediaman

	1999	2000
	Bilangan	
Urus niaga harta tanah kediaman		
Bilangan	156,827	170,876
Nilai (RMb)	18.5	21.6
Kelulusan [1]	183,041	214,290
Lesen pemaju		
Baru	728	997
Pembaharuan	270	416
Permit iklan dan penjualan		
Baru	703	969
Pembaharuan	1,104	1,249

[1] Unit yang diluluskan untuk pembinaan oleh pemaju swasta.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan Kementerian dan Kerajaan Tempatan

perhotelan, sebanyak 88 buah hotel baru siap dibina pada tahun 2000. Namun demikian, kadar penghunian hotel purata bertambah baik pada tahun tersebut, disebabkan oleh peningkatan ketibaan pelancong dan aktiviti pelancongan tempatan. Program promosi yang aktif yang menawarkan harga yang menarik oleh para penghotel telah membantu meningkatkan kadar penghunian.

Pertumbuhan dalam **subsektor kediaman** dicerminkan oleh peningkatan yang ketara dalam bilangan dan nilai urus niaga harta tanah perumahan. Pertumbuhan subsektor kediaman disokong oleh permintaan asas yang kukuh, terutamanya terhadap perumahan yang mampu dibeli, berikutan kadar faedah yang rendah, kenaikan pendapatan dan sentimen yang bertambah baik. Mencerminkan optimisme para pemaju mengenai peningkatan permintaan, lebih banyak unit rumah diluluskan untuk dibina oleh pemaju swasta di Semenanjung Malaysia. Sejajar dengan peningkatan kelulusan, permit penjualan dan pengiklanan baru serta pembaharuan permit tersebut juga meningkat pada tahun 2000. Pinjaman oleh sistem perbankan untuk harta tanah perumahan juga meningkat dengan ketara sebanyak RM11.2 bilion pada tahun 2000. Begitu juga, pinjaman yang diluluskan oleh kebanyakan institusi kredit perumahan juga meningkat pada tahun tersebut (rujuk kepada Jadual Tambahan 62). Pada sepanjang tahun 2000, walau bagaimanapun, kelembapan dalam permintaan menjadi nyata. Prestasi penjualan pelancaran baru skim perumahan menunjukkan arah aliran yang menurun, dengan kadar jualan merosot daripada 61% pada suku tahun pertama kepada 49% pada suku tahun ketiga. Pembeli menjadi lebih berhati-hati mengenai pembelian harta tanah perumahan.

Namun demikian, mencerminkan permintaan dan sentimen yang secara am bertambah baik, **harga rumah** meningkat pada tahun 2000. Data terkini menunjukkan bahawa Indeks Harga Rumah Malaysia meningkat sebanyak 14.3% pada separuh tahun pertama tahun 2000, walaupun indeks tersebut berada di bawah tahap tertinggi pada tahun 1997. Harga untuk semua jenis rumah mencatat kenaikan, sementara pada peringkat negeri, semua negeri juga mencatat kenaikan harga. Kenaikan harga yang secara relatif lebih tinggi dilihat di Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Di beberapa lokasi terpilih di Lembah Klang seperti Bandar Utama, Kelana Jaya dan Seksyen 17, Petaling Jaya, harga bagi harta tanah yang bertanah meningkat melebihi paras pra-krisis.

Sektor hartanah terus mengalami masalah lebihan. Namun, sektor pembinaan pulih, didorong oleh program rangsangan fiskal dan permintaan kukuh terhadap rumah kediaman.

Jadual 1.8
Harta Tanah yang Tidak Terjual, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang (pada akhir-Jun 2000)

	Tidak Terjual		Penawaran Akan Datang	Penawaran Dirancang
	Unit/ '000 meter per.	Nilai (RMb)	Unit/ '000 meter per.	
Kediaman (unit)	45,549	6.3	378,839	314,951
Pejabat binaan khas ('000 meter persegi)	2,223	7.3	2,505	722
Kompleks perniagaan ('000 meter persegi)	1,430	12.7	1,373	969
Kedai runcit (unit)	5,999	1.9	21,604	25,629
Harta perindustrian (unit)	2,398	0.6	7,175	27,813

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Walaupun sektor harta tanah menjadi lebih baik pada tahun 2000, data terkini yang dikumpul oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menunjukkan keadaan **harta tanah yang tidak terjual** kekal serius pada tahun 2000, terutamanya bagi subsektor ruang pejabat dan perniagaan, yang mencakupi sebahagian besar daripada jumlah harta tanah yang tidak terjual. Walaupun tren penawaran baru ruang pejabat dan perniagaan yang akan datang, menurun pada setakat bulan September 2000, anggaran tempoh masa selama 5.3 tahun diperlukan untuk mengisi sepenuhnya ruang pejabat yang sedia ada, dan 4.3 tahun untuk ruang perniagaan, berdasarkan kepada kadar pengisian tahunan purata sebanyak 479,000 meter persegi untuk ruang pejabat dan 344,000 meter persegi untuk ruang perniagaan (purata bagi tempoh 1992-September 2000.)

Dari segi lokasi di peringkat negeri, sebahagian besar ruang pejabat yang tidak berhuni terdapat di Kuala Lumpur, yang mencakupi sebanyak separuh daripada jumlah ruang pejabat yang tidak berhuni. Sebahagian besar penawaran ruang pejabat yang akan datang juga terdapat di Kuala Lumpur. Bagi ruang perniagaan pula, ruang perniagaan yang tidak berhuni terbahagi secara lebih rata di antara Johor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Selangor, yang secara berkumpulan mencakupi tiga perempat daripada jumlah ruang perniagaan yang tidak berhuni. Sementara itu, penawaran ruang perniagaan baru yang akan datang terdapat terutamanya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor yang secara bersama mencakupi bahagian yang besar daripada

Jadual 1.9
Ruang Pejabat dan Perniagaan - Ruang Tidak Dihuni, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang mengikut Negeri (pada akhir-Jun 2000)

	Ruang pejabat			Ruang perniagaan		
	Ruang tidak dihuni	Penawaran akan datang	Penawaran dirancang	Ruang tidak dihuni	Penawaran akan datang	Penawaran dirancang
	('000 meter persegi)					
Kuala Lumpur	1,283	1,759	t.d.	269	659	t.d.
Selangor	485	172	12	214	37	0
Johor	222	198	460	290	183	859
Pulau Pinang	179	158	47	287	367	19
Negeri Sembilan	21	58	104	54	60	64
Perak	41	66	4	81	4	0
Melaka	12	0	0	47	10	0
Kedah	18	13	0	73	10	21
Pahang	15	12	49	58	2	6
Terengganu	5	8	0	5	7	0
Kelantan	13	0	20	13	19	0
Perlis	4	8	26	7	0	0
Sabah	154	3	0	29	15	0
Sarawak	48	50	0	32	0	0
Jumlah	2,500	2,505	722	1,459	1,373	969

t.d: tidak diperoleh
Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

penawaran akan datang. Bagi subsektor kediaman pula, unit yang tidak terjual kebanyakannya terdapat di lokasi pinggir bandar, disebabkan permintaan di lokasi terpilih kekal tinggi.

Sektor Pertanian

Pada tahun 2000, kadar pertumbuhan sektor **pertanian, perhutanan dan perikanan** (pertanian) menjadi perlahan disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Pengeluaran getah dan koko terus merosot. Pengeluaran kayu balak, ternakan dan perikanan yang tinggi pada tahun 2000 menyekat kemerosotan dalam pertumbuhan nilai ditambah sektor pertanian pada 0.4% berbanding pertumbuhan 3.8% pada tahun 1999. Harga bagi kebanyakan komoditi utama adalah lebih rendah pada tahun 2000 mencerminkan terutamanya penawaran sedunia yang berlebihan. Kesannya, perolehan eksport bagi sektor ini merosot sebanyak 17.2% pada tahun 2000.

Pengeluaran **minyak sawit mentah (MSM)** meningkat dengan lebih perlahan pada tahun 2000 (2.7%; 1999: 26.8%) mencerminkan kitaran hasil biologi yang menurun bagi pokok kelapa sawit pada tahun tersebut, yang telah menyederhanakan kesan kenaikan dalam pengeluaran disebabkan oleh pengembangan dalam kawasan matang di Sabah dan Sarawak. Hasil bagi setiap hektar juga merosot memandangkan sebanyak 10.4% daripada jumlah kawasan matang mempunyai pokok yang sudah tua. Untuk menggalakkan tanaman semula di kalangan pekebun kecil, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM350 juta untuk membantu pekebun kecil.

Peningkatan dalam pengeluaran MSM pada

Jadual 1.10
Sektor Pertanian: Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	1999		2000	
	Jumlah dan nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	18,075	3.8	18,154	0.4
Pengeluaran[1]				
di antaranya:				
Minyak sawit mentah	10,553	26.8	10,840	2.7
Getah	769	-13.2	616	-19.9
Kayu balak	21,799	0.6	23,898	9.6
Koko	84	-7.2	70	-16.0
Eksport (RM juta)	27,673	-8.4	22,913	-17.2
di antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan metrik)	8,964	19.3	8,863	-1.1
(RM/tan metrik)	1,615	-31.8	1,122	-30.5
(RM juta)	14,475	-18.6	9,948	-31.3
Getah				
('000 tan metrik)	984	-0.5	996	1.2
(sen/kg)	238	-16.7	258	8.4
(RM juta)	2,343	-17.2	2,571	9.7
Kayu balak				
('000 meter padu)	6,738	24.4	6,484	-3.8
(RM/meter padu)	395	14.8	384	-2.9
(RM juta)	2,663	42.7	2,489	-6.5
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	2,818	5.0	2,875	2.0
(RM/meter padu)	996	5.8	1,051	5.5
(RM juta)	2,807	11.1	3,020	7.6
Koko				
('000 tan metrik)	25	57.8	11	-55.2
(RM/tan metrik)	4,394	-24.8	2,878	-34.5
(RM juta)	112	18.6	33	-70.7

[1] Semua dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia

Graf 1.25
Minyak Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan bagi kawasan matang dan hasil pengeluaran

tahun 2000, serta stok minyak sawit yang tinggi pada akhir tahun 1999 sebanyak 1.2 juta tan metrik dan import keseluruhan yang rendah oleh rakan dagang utama minyak sawit Malaysia, telah menyebabkan pertambahan stok yang berterusan pada tahun 2000 kepada 1.4 juta tan metrik. Paras ini adalah ketara melebihi paras stok biasa sebanyak satu juta tan metrik bagi industri ini. Penawaran yang berlebihan bagi minyak sawit, berserta stok sedunia yang berlebihan bagi minyak sayuran utama yang lain, telah menekan harga minyak sawit ke paras yang lebih rendah. Kesannya, harga hantaran tempatan MSM merosot ke paras terendah dalam masa enam tahun kepada purata AS$263 atau RM1,000 setan metrik pada tahun 2000. Dalam usaha untuk mengurangkan stok minyak sawit negara, Kerajaan telah meluluskan pengecualian duti eksport sepenuhnya (10-30% berdasarkan paras harga minyak sawit) ke atas 500,000 tan metrik MSM kepada syarikat terpilih pada tahun tersebut. Tambahan sebanyak satu juta tan metrik MSM telah dibenarkan untuk dieksport tanpa dikenakan sebarang duti eksport pada tahun 2001.

Perolehan eksport daripada sektor minyak sawit merosot dengan ketara pada tahun 2000 disebabkan terutamanya oleh kejatuhan dalam harga minyak sawit. Jumlah eksport juga merosot, tetapi hanya sedikit. Manakala jumlah yang diimport oleh India, pembeli terbesar minyak sawit Malaysia, merosot dengan nyata, kemerosotan ini hampir diimbangi oleh permintaan yang tinggi oleh pembeli utama yang lain iaitu, Pakistan dan Republik Rakyat China. Pada tahun 2000, eksport ke India terjejas disebabkan oleh duti import yang tinggi yang dikenakan terhadap minyak sawit oleh pihak berkuasa India dan persaingan daripada minyak sawit Indonesia.

Dalam usaha untuk memenuhi matlamat jangka panjang bagi memastikan daya maju industri ini, usaha-usaha diteruskan untuk menggalakkan produktiviti dan meningkatkan penggunaan minyak sawit melalui penyelidikan dan pembangunan (P & P) yang dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia *(MPOB)* pada tahun 2000. Pada tahun 2000, *MPOB* telah memperkenalkan tiga keluaran baru kepada industri ini, iaitu, aiskrim susu kambing (kombinasi dengan keluaran minyak sawit), *pourable shortening* dan *specialty animal fat replacer.* Sementara

Graf 1.26
Pengeluaran Pertanian



Graf 1.27
Eksport Pertanian



Graf 1.28
Harga Minyak Sawit dan Stok



itu, dalam menghadapi persaingan daripada negara pengeluar minyak sawit yang lain serta minyak sayuran lain, Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia telah meneruskan usaha untuk memperluas dan mempelbagaikan pasaran eksport minyak sawit negara. Majlis tersebut telah menyertai kegiatan mempromosi, menghadiri pameran dan menjalankan kajian dan misi pasaran pada tahun 2000. Dalam usaha untuk mengukuhkan peranan agensi-agensi pertanian seperti yang terkandung dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga, Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah ditubuhkan pada Mei 2000, berikutan penyatuan Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Sawit Malaysia dan Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia. Lembaga ini akan menjalankan P & P; perlesenan dan penguatkuasaan; dan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan minyak sawit.

Sementara itu, walaupun harga getah bertambah baik pada tahun 2000 berbanding harga terendahnya dalam masa lima tahun yang dicatatkan pada tahun 1999, harga getah kekal pada paras yang tidak menguntungkan, justeru tidak menggalakkan kegiatan menoreh. Akibatnya, pengeluaran **getah asli** merosot dengan ketara iaitu sebanyak 19.9%. Pengeluaran getah juga turut terjejas oleh faktor lain termasuk kegiatan menukar kawasan getah kepada tanaman lain serta untuk tujuan kegiatan ekonomi yang lain dan hasil yang rendah. Harga yang rendah turut tidak menggalakkan kegiatan tanaman semula pada beberapa tahun kebelakangan ini walaupun kira-kira 25% daripada jumlah kawasan tanaman getah telah sampai masa untuk ditanam semula. Dari segi luaran, eksport termasuk eksport semula getah adalah lebih tinggi pada tahun 2000 disebabkan terutamanya oleh harga getah yang lebih tinggi (harga purata RSS1 ialah 262 sen sekilogram berbanding 240 sen sekilogram pada tahun 1999) dan jumlah eksport yang meningkat sedikit.

Pengeluaran **kayu balak** meningkat sebanyak 9.6% pada tahun 2000 hasil daripada permintaan dalam negeri yang lebih tinggi terutamanya daripada industri berasaskan kayu. Namun begitu, pengeluaran kayu balak pada tahun 2000 adalah sejajar dengan dasar pemuliharaan hutan pengurusan hutan berhemat seperti yang dinyatakan di bawah Perjanjian Kayu Tropika Antarabangsa. Dari segi luaran, permintaan terhadap kayu balak Malaysia adalah lebih rendah memandangkan inventori yang tinggi di negara-negara pengimport utama. Pada masa yang sama, kayu balak Malaysia menghadapi persaingan daripada kayu balak negara bercuaca sejuk terutamanya daripada New Zealand dan Chile. Kesannya, harga eksport kayu balak merosot pada tahun 2000. Perkembangan-perkembangan tersebut menyebabkan kemerosotan dalam perolehan eksport kayu balak.

Dengan eksport kayu balak yang lebih rendah, banyak hasil pengeluarannya digunakan untuk menghasilkan kayu siap digergaji, di mana pengeluaran meningkat pada tahun 2000. Perolehan eksport **kayu siap digergaji** juga meningkat pada tahun 2000 dengan import yang lebih tinggi oleh Negeri Thai, Taiwan, Republik Yaman dan Emiriah Arab Bersatu, yang sebagai satu kumpulan mencakupi sebanyak 35% daripada jumlah eksport kayu siap digergaji Malaysia. Ini, berserta dengan kenaikan nilai unit eksport bagi kayu siap digergaji, menyebabkan perolehan eksport yang lebih tinggi bagi industri ini pada tahun tersebut.

Eksport kayu Malaysia terus menghadapi halangan bukan tarif termasuk keperluan untuk sijil perkayuan dan perundangan oleh negeri dan majlis perbandaran di beberapa buah negara pengguna untuk mengawal penggunaan kayu tropika di kawasan mereka. Berikutan permintaan yang meningkat terhadap kayu yang telah diberikan sijil pengesahan, Malaysia telah menubuhkan Majlis Persijilan Kayu Kebangsaan *(NTCC)*. Majlis tersebut telah memulakan operasinya pada bulan Januari 1999 untuk memajukan skim persijilan kayu kebangsaan. Memandangkan permintaan yang tinggi

daripada pembeli luar negeri terhadap kayu yang disahkan oleh *Forest Stewardship Council (FSC)*, yang mengawal persijilan kayu di pasaran antarabangsa, *NTCC* telah mengambil langkah untuk memulakan usaha bersama dengan *FSC* untuk mencapai satu pengiktirafan bersama di antara *NTCC* dan *FSC*.

Dalam industri koko, harga yang rendah bagi komoditi ini juga telah menyebabkan pengeluaran yang rendah bagi **biji koko** pada tahun 2000. Sebagaimana dalam kes industri getah, industri ini juga mengalami aktiviti menukar kawasan tanaman kepada aktiviti ekonomi lain yang agak ketara. Pada tahun 2000, penawaran biji koko sedunia yang tinggi berikutan hasil tuaian yang tinggi di negara-negara pengeluar utama, terutamanya Ivory Coast dan Ghana, telah memberikan tekanan terhadap harga koko. Mencerminkan jumlah eksport dan nilai unit eksport yang rendah, perolehan eksport daripada biji koko merosot dengan ketara pada tahun 2000.

Pengeluaran industri **perikanan** terus meningkat sebanyak 5.7% pada tahun 2000, dengan ikan laut (mencakupi hampir 90% daripada jumlah pendaratan ikan) mencatatkan pendaratan yang lebih tinggi. Sebaliknya, keluaran daripada subsektor akuakultur merosot disebabkan keluaran kerang yang lebih rendah, yang mencakupi sebanyak 60% daripada jumlah keluaran. Memandangkan pengeluaran ikan dalam negeri yang tidak mencukupi untuk memenuhi kenaikan dalam penggunaan per kapita bagi ikan iaitu sebanyak 45 kilogram pada tahun 2000, sejumlah RM1 bilion ikan telah diimport pada tahun tersebut. Pada masa yang sama, industri perikanan menghasilkan perolehan eksport sebanyak RM1.1 bilion, iaitu 1.4% lebih rendah daripada tahun lalu. Sementara itu, tahun 2000 juga telah memperlihatkan peningkatan yang berterusan dalam keluaran industri **ternakan** (3.9%), disumbangkan terutamanya oleh subsektor ternakan ayam itik.

Sektor perlombongan

Nilai ditambah sektor **perlombongan** merosot pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 0.5% pada tahun 2000 disebabkan terutamanya oleh perkembangan dalam sektor minyak. Pengeluaran **minyak mentah** sebanyak 599,000 tong sehari pada tahun 2000 adalah 1.6% lebih rendah daripada paras yang dicatatkan pada tahun 1999, dan rendah sedikit daripada sasaran pengeluaran negara sebanyak 610,000 tong sehari bagi tahun 2000. Sementara itu, pengeluaran kondensat (cecair hidrokarbon yang dihasilkan dari medan gas) meningkat sejajar dengan peningkatan dalam pengeluaran gas asli.

Di sektor luaran, perolehan eksport minyak mentah meningkat dengan nyata pada tahun 2000, hasil daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi. Namun, jumlah minyak mentah yang dieksport merosot pada tahun 2000, disebabkan bukan sahaja oleh kekurangan penawaran bahkan juga oleh penggunaan tempatan yang meningkat iaitu oleh industri keluaran petroleum, petrokimia dan janakuasa. Hasil daripada kenaikan harga minyak mentah ialah peningkatan dalam perolehan eksport

Graf 1.29
Pengeluaran Perlombongan



Graf 1.30
Eksport Mineral



a Awalan

Jadual 1.11
Sektor Perlombongan: Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	1999		2000*a*	
	Jumlah dan nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	13,974	–3.1	13,907	–0.5
Pengeluaran				
Minyak mentah dan kondensat (tong sehari)	691,000	–4.7	683,000	–1.2
di antaranya:				
Minyak mentah (tong sehari)	*609,000*	*–4.9*	*599,000*	*–1.6*
Gas asli (juta kaki padu sehari)	3,939	5.8	4,308	9.4
Timah padat (tan metrik)	7,340	27.5	6,686	–8.9
Eksport (RM juta)	17,198	–15.6	26,800	–55.8
di antaranya:				
Minyak mentah				
('000 tan metrik)	17,725	–1.6	16,672	–5.9
(AS$/tong)	18.18	29.8	29.58	62.7
(RM juta)	9,306	23.9	14,241	53.0
Gas asli cecair				
('000 tan metrik)	15,088	2.8	15,453	2.4
(RM/tan metrik)	421	3.2	731	73.8
(RM juta)	6,349	6.1	11,300	78.0
Timah				
('000 tan metrik)	24	7.4	21	–12.5
(RM/tan metrik)	20,425	–5.7	21,090	3.3
(RM juta)	491	1.3	435	–11.4

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Mineral and Geosains Malaysia

negara sebanyak RM5.5 bilion. Harga eksport minyak mentah Malaysia meningkat sebanyak AS$11.00 setong pada tahun 2000.

Pada tahun 2000, harga minyak mentah antarabangsa terus meningkat disebabkan permintaan minyak mentah sedunia yang terus melebihi penawaran. Harga minyak mentah yang tinggi telah menyebabkan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak *(OPEC)* meningkatkan kuota pengeluarannya sebanyak empat kali, iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Oktober. Ini menjadikan kuota pengeluarannya meningkat kepada 26.7 juta tong sehari berbanding 23 juta tong sehari pada awal tahun. Pada masa yang sama, kerajaan Amerika Syarikat telah mengeluarkan sebanyak 30 juta tong minyak mentah daripada simpanan strategiknya pada bulan Oktober. Mencerminkan perkembangan-perkembangan tersebut, harga minyak mentah sedunia menyederhana sedikit menjelang akhir tahun. Harga North Sea Brent ditutup pada paras AS$23.69 setong pada akhir bulan Disember 2000 (harga tertinggi pernah dicatatkan ialah AS$37.76 setong pada 6 September 2000). Sejajar dengan harga minyak mentah sedunia yang tinggi pada tahun 2000, harga eksport minyak mentah Malaysia meningkat kepada AS$29.58 setong (1999: AS$18.18 setong).

Berikutan rizab minyak mentah dan gas asli yang semakin berkurangan, langkah untuk meningkatkan rizab minyak mentah dan gas asli negara diteruskan pada tahun 2000. Justeru itu, sebanyak 18 buah telaga terokaan dan 38 buah telaga pembangunan telah digerudi, sementara 94,400 kilometer garisan data seismik telah diperoleh untuk tujuan penerokaan dan pembangunan. Di samping itu, tiga perjanjian perkongsian pengeluaran baru telah ditandatangani pada tahun 2000.

Pada tahun 2000, terdapat peningkatan dalam penggunaan gas asli oleh sektor janakuasa di samping permintaan yang kukuh oleh sektor pembuatan. Sebahagian daripada peningkatan

Jadual 1.12
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli[1]

	Pada 1 Januari	
	1999	2000
Minyak mentah		
Jumlah rizab (bilion tong)	3.6	3.4
Jangka hayat (tahun)	15	15
Gas asli		
Jumlah rizab (trilion kaki padu)	85.8	84.4
Jangka hayat (tahun)	45	42

[1] Dasar Susutan Negara telah diperkenalkan pada tahun 1980 untuk mengelakkan eksploitasi berlebihan terhadap rizab minyak negara dengan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran di medan minyak utama.

Sumber: PETRONAS

dalam permintaan telah ditampung oleh pengeluaran dari medan gas baru di Terengganu yang telah memulakan operasinya pada bulan Februari 2000. Pada masa yang sama, permintaan terhadap gas asli cecair dari Jepun dan Taiwan turut meningkat. Berikutan permintaan dalam dan luar negeri yang lebih tinggi, pengeluaran **gas asli** meningkat sebanyak 9.4% pada tahun 2000. Sementara itu, berikutan harga minyak mentah yang kukuh, harga eksport gas asli cecair meningkat dengan ketara sebanyak 73.8% pada tahun 2000, justeru menyumbangkan bahagian yang besar kepada peningkatan dalam perolehan eksport komoditi tersebut.

Pengeluaran **timah padat** merosot pada tahun 2000, disebabkan oleh penutupan beberapa buah lombong bijih timah memandangkan peningkatan dalam harga timah tidak mencukupi untuk menampung kenaikan dalam kos pengeluaran. Pengeluaran turut terjejas sebahagiannya akibat penyusutan rizab di beberapa buah lombong bijih timah disebabkan aktiviti melombong yang lebih giat berikutan harga yang lebih tinggi pada tahun 1998 dan 1999. Kesannya, eksport timah termasuk timah yang diimport dan dilebur di Malaysia merosot pada tahun 2000.

Perkhidmatan

Disebabkan oleh pertaliannya yang rapat dengan sektor-sektor yang lain dalam ekonomi, sektor perkhidmatan meningkat pada kadar yang lebih pesat, iaitu sebanyak 4.7% pada tahun 2000 (1999: 3.3%), selaras dengan pertumbuhan keseluruhan yang kukuh dalam ekonomi. Pertumbuhan adalah menyeluruh, dengan kumpulan perkhidmatan akhir dan pengantara meningkat pada kadar yang lebih pesat. Sungguhpun sektor perkhidmatan kekal sebagai sektor ekonomi yang terbesar, sumbangannya kepada KDNK telah merosot kepada 52.4%, mencerminkan prestasi sektor perkilangan yang lebih kukuh.

Perkhidmatan pengantara, yang terdiri daripada pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; dan kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.9% pada tahun 2000. Subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** berkembang dengan kukuh, mencerminkan prestasi

Jadual 1.13
Pertumbuhan dalam Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar 1987

	1999	2000*a*	1999	2000*a*
	Perubahan tahunan, %		% bahagian daripada KDNK	
Perkhidmatan	3.3	4.7	54.3	52.4
Perkhidmatan pengantara	2.9	4.9	20.4	19.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.8	6.7	8.1	8.0
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	1.7	3.7	12.3	11.8
Perkhidmatan akhir	3.5	4.6	33.9	32.7
Elektrik, gas dan air	4.8	6.9	3.4	3.4
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	2.8	5.9	15.2	14.9
Perkhidmatan kerajaan [1]	6.9	3.4	7.4	7.0
Perkhidmatan-perkhidmatan lain [2]	1.3	2.3	7.9	7.5

[1] Termasuk perkhidmatan awam (pentadbiran awam, hal ehwal luar serta keamanan dan keselamatan awam), pertahanan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.
[2] Termasuk bayaran sewa ke atas kediaman yang didiami oleh pemilik; perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian; perkhidmatan pengeluar-pengeluar swasta yang bukan berasaskan keuntungan kepada isi rumah; dan perkhidmatan rumah tangga bagi isi rumah.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Graf 1.31
Sektor Perkhidmatan: Pertumbuhan Suku Tahunan



perdagangan yang memberangsangkan dan pengembangan pesat dalam segmen telefon bimbit. Bagi perkhidmatan pelabuhan yang mana banyak kemajuan telah dicapai dalam membangunkan perkhidmatan tersebut pada beberapa tahun kebelakangan ini, tahun 2000 telah menyaksikan peningkatan yang ketara dalam prestasi pelabuhan-pelabuhan di Malaysia. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan dalam jumlah kargo berikutan peningkatan pesat dalam perdagangan antarabangsa dan bermulanya operasi Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) pada penghujung tahun 1999. Pada tahun 2000, Pelabuhan Klang telah mengendalikan sejumlah 3.2 juta unit setara 20 kaki *(TEU)*, satu peningkatan yang ketara berbanding dua tahun sebelumnya (1999: 2.5 juta *TEU*; 1998: 1.8 juta *TEU*). Ketiga-tiga terminal di Pelabuhan Klang, iaitu *Klang Container Terminal* (KCT), *Klang Port Management* (KPM) dan *Westport* masing-masing mengendalikan lebih daripada 1 juta *TEU.* Sementara itu, PTP telah mendapat faedah daripada langkah Maersk Sealand untuk memindahkan lokasi pusat pemindahannya dari Singapura ke pelabuhan tersebut. Kemasukan Maersk Sealand, iaitu salah sebuah syarikat perkapalan dunia yang terunggul, dijangka akan meningkatkan jumlah kargo yang dikendalikan oleh PTP kepada sekurang-kurangnya dua juta *TEU* setahun. Begitu juga, Westport telah memulakan pengembangan kapasiti bagi meningkatkan kemudahan dan perkhidmatannya. Kehadiran Maersk Sealand di PTP, bersama dengan Hutchison Port Holding dari Hong Kong di Westport akan dapat membantu pembangunan pelabuhan-pelabuhan tempatan di masa hadapan.

Disokong oleh aktiviti ekonomi yang kukuh, industri pengangkutan udara juga bertambah baik seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam kargo dan penumpang yang dikendalikan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur *(KLIA)*. Sementara itu, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) terus giat dengan usaha untuk mengadakan lebih banyak perjanjian perkongsian kod dengan rakan baru sebagai langkah berterusan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan operasinya. Pada tahun 2000, MAS telah menandatangani dua perjanjian baru untuk perkhidmatan perkongsian kod. Dalam pengangkutan udara tempatan, Kerajaan telah memperbesarkan Lapangan Terbang Pulau Pinang bagi memenuhi peningkatan dalam jumlah kargo. Dalam usaha mengukuhkan perkhidmatan kargonya, MASkargo telah menubuhkan terminal kargo luar negara yang kedua di Lapangan Terbang Antarabangsa Sharjah di Emiriyah Arab Bersatu.

Pengangkutan rel telah mendapat faedah daripada pelancaran *Thailand-Malaysia Landbridge* dan sektor perdagangan yang pesat pada tahun 2000. Pengembangannya adalah dicerminkan dalam peningkatan hasil Keretapi Tanah Melayu (KTM) pada tahun 2000, terutamanya daripada sektor perniagaan kargo. Bagi Transit Aliran Ringan *(LRT)*, promosi agresif yang dilakukan oleh pengendali operasi telah menghasilkan pertumbuhan dalam jumlah penumpang yang pesat pada tahun 2000.

Jadual: 1.14
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	1999	2000*a*
	Perubahan tahunan, %	
Truput kargo di lima pelabuhan utama [1]	9.0	8.7
Truput kargo kontena di lima pelabuhan utama [1]	32.7	32.2
Bilangan penumpang Transit Aliran Ringan [2]	105.6	81.7
Premium insurans	6.2	19.4
Urus niaga BSKL (jumlah)	48.2	–16.3
Ketibaan pelancong	42.9	28.7
Kadar penginapan hotel (%)	51.7	54.3[3]
Indeks Pengeluaran Elektrik	3.9	6.0

[1] Termasuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.
[2] Termasuk STAR dan PUTRA.
[3] Merujuk kepada Januari-September 2000.
a Awalan

Sumber:
Pengendali-pengendali pelabuhan; Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR); Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA); Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL); Bank Negara Malaysia; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dengan cadangan Kerajaan untuk menyepadukan dan mengintegrasi rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang, segmen rel dijangka akan bertambah kukuh dalam jangka masa terdekat.

Subsektor komunikasi juga meningkat dengan kukuh pada tahun 2000, hasil daripada peningkatan paras aktiviti ekonomi dan pengembangan pesat dalam segmen telefon bimbit. Berdasarkan kaji selidik BNM terhadap syarikat-syarikat telefon, saiz pasaran untuk telefon talian tetap adalah sebanyak 4.8 juta pada akhir tahun 2000 (1999: 4.7 juta), manakala untuk telefon bimbit, adalah sebanyak 5.1 juta (1999: 2.9 juta), mencerminkan peningkatan kepopularan perkhidmatan telefon bimbit, terutamanya dalam sektor perkhidmatan prabayar. Dengan bertambahnya aplikasi dalam telefon bimbit seperti Protokol Aplikasi Tanpa Wayar *(WAP),* sektor perkhidmatan telefon bimbit dijangka akan berkembang dengan lebih pesat lagi pada masa hadapan.

Aktiviti di sektor perkhidmatan bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan mantap dicatat oleh subsektor-subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; dan juga utiliti.

Pertumbuhan yang kukuh juga dicatat dalam subsektor **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan,** seperti yang dicerminkan oleh peningkatan keuntungan bagi institusi kewangan berikutan pengembangan ekonomi yang pesat. Dalam sektor perbankan, pertumbuhan adalah berpunca daripada berian pinjaman yang lebih tinggi. Industri insurans telah mencatatkan peningkatan yang kukuh seperti dicerminkan oleh peningkatan yang ketara dalam pungutan pendapatan premium insurans. Walau bagaimanapun, pertumbuhan subsektor diimbangi sebahagiannya oleh prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur yang lemah, terutamanya pada suku tahun kedua.

Kumpulan **perkhidmatan akhir** yang merangkumi utiliti; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; perkhidmatan kerajaan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2000. Prestasinya yang lebih baik adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang pesat dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; serta subsektor utiliti. Subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** mencatatkan pertumbuhan yang nyata lebih kukuh pada tahun tersebut, berikutan peningkatan dalam keyakinan pengguna. Peningkatan keyakinan pengguna tersebut juga disokong oleh hasil kaji selidik Persatuan Peruncit Malaysia yang menunjukkan jualan runcit meningkat sebanyak 10.6% pada tahun 2000 (1999: 7.4%). Prestasi jualan juga didorong oleh tiga Karnival Jualan Mega di seluruh negara dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Industri pelancongan juga mendapat manfaat daripada penganjuran Malaysia dalam beberapa acara, termasuk Kejohanan *Formula One Grand Prix* pada bulan Oktober. Mencerminkan pemulihan dalam aktiviti perdagangan dalam negeri, pungutan cukai jualan juga meningkat dengan ketara sebanyak 33% (1999: 16.7%). Pada masa yang akan datang, sektor borong dan runcit mempunyai potensi yang besar untuk berkembang disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan, taraf hidup dan penggunaan e-dagang. Beberapa peniaga dalam sektor runcit tempatan telah melancarkan urus niaga melalui internet dan mereka mempunyai keyakinan terhadap prospek e-peruncitan di Malaysia.

Graf 1.32
Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran, Penggunaan Swasta dan Ketibaan Pelancong



Nilai ditambah dalam subsektor **perkhidmatan kerajaan** terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan emolumen berikutan daripada pelarasan gaji sebanyak 10%, kenaikan dalam elaun perumahan untuk beberapa kategori kakitangan awam terpilih dan bayaran bonus sebanyak setengah bulan atau minimum sebanyak RM500 untuk semua kakitangan awam.

Sejajar dengan perkembangan yang kukuh dalam aktiviti perkilangan serta penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi, nilai ditambah subsektor **utiliti** terus meningkat disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan terhadap elektrik. Berdasarkan indeks pengeluaran perindustrian, pengeluaran elektrik meningkat sebanyak 6% pada tahun tersebut. Pertumbuhan subsektor ini juga disokong oleh peningkatan dalam penggunaan air yang meningkat sebanyak 2% kepada 9,010 juta liter sehari.

Keadaan Permintaan dalam Negeri

Pertumbuhan permintaan dalam negeri bertambah teguh pada tahun 2000. Gabungan daripada permintaan luaran yang kukuh dan operasi fiskal yang mengembang telah menyumbang kepada pengukuhan nyata dalam sentimen pengguna dan pelabur serta peningkatan aktiviti ekonomi. Penggunaan swasta melebihi paras sebelum krisis, manakala perbelanjaan pelaburan swasta bertukar arah untuk mencatat pertumbuhan yang kukuh, setelah mengalami kemerosotan selama dua tahun. Berikutan peningkatan yang menyeluruh, pertumbuhan permintaan dalam negeri benar secara agregat (tidak termasuk stok) bertambah pesat kepada 14.6% daripada 1.7% pada tahun 1999. Dalam nilai benar, pembentukan modal tetap kasar dan penggunaan meningkat, masing-masing sebanyak 24.1% dan 10%.

Graf 1.33
Permintaan Agregat Dalam Negeri Benar



Pertumbuhan **perbelanjaan sektor awam** kekal kukuh pada 12.3% pada tahun 2000 (1999: 16.1%), mencerminkan program rangsangan fiskal oleh Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang lebih tinggi. Mencerminkan rangsangan fiskal yang lebih tinggi, perbelanjaan **pelaburan awam** meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 21.7% dalam nilai benar. Perbelanjaan yang lebih tinggi disalurkan kepada pendidikan dan kesihatan untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia dan projek infrastruktur yang menghasilkan kesan limpahan yang tinggi ke atas sektor-sektor lain dalam ekonomi. Jumlah perbelanjaan modal PABK juga lebih tinggi pada tahun 2000, disebabkan terutamanya oleh program pemodenan dan pengembangan oleh beberapa PABK. Perbelanjaan modal oleh Petronas termasuk perlaksanaan beberapa projek petrokimia di Kertih dan Gebeng, serta pengembangan dan peningkatan taraf Universiti Teknologi Petronas di Tronoh.

Pertumbuhan kukuh dalam perbelanjaan sektor swasta disebabkan oleh sektor eksport yang mantap dan operasi fiskal yang mengembang.

Perbelanjaan modal oleh Tenaga Nasional Berhad adalah terutamanya untuk pengembangan kapasiti dan peningkatan taraf untuk memenuhi permintaan elektrik yang meningkat. Telekom Malaysia Berhad terus memoden dan mengembangkan rangkaian telekomunikasinya. Sementara itu, perlaksanaan dua projek rekaan wafer pada tahun 2000, iaitu *First Silicon* di Kuching dan *Silterra* di Kulim telah dipergiatkan dan, turut menyumbang kepada peningkatan pelaburan PABK yang lain.

Perbelanjaan ke atas emolumen dan bekalan dan perkhidmatan Kerajaan Persekutuan meningkat dengan kukuh pada tahun 2000. Perbelanjaan ke atas emolumen yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh penyelarasan kenaikan gaji sebanyak 10% dan peningkatan elaun perumahan sebanyak 50% bagi kategori tertentu kakitangan awam serta bonus setengah bulan yang diberi pada bulan Disember 2000. Sementara itu, perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi adalah untuk perkhidmatan ikhtisas, bekalan bahan-bahan serta kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam jumlah perbelanjaan **penggunaan awam** menyederhana disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan bagi pertahanan yang lebih rendah.

Perbelanjaan sektor swasta kembali teguh pada tahun 2000 untuk mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 15.7% berikutan kemerosotan sebanyak 3.9% pada tahun 1999. **Penggunaan swasta** kekal pada kadar yang tinggi sebanyak 12.4%, mencerminkan keyakinan pengguna yang bertambah baik dalam keadaan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, kadar faedah yang rendah dan prospek guna tenaga yang baik. Pengurangan cukai persendirian secara menyeluruh dan penyelarasan kenaikan gaji sektor awam turut memberi sokongan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan perbelanjaan penggunaan swasta. Penunjuk-penunjuk penggunaan utama seperti jualan kereta penumpang, import barangan penggunaan, pinjaman yang dikeluarkan bagi kredit penggunaan dan aktiviti dalam subsektor perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel serta kutipan cukai jualan dan perkhidmatan, kesemuanya menunjukkan peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan pada tahun 2000 (Jadual 1.15). Persatuan Peruncit Malaysia *(MRA)* turut melaporkan bahawa jualan kasar sektor perniagaan runcit telah meningkat sebanyak 10.6% pada tahun 2000 (1999: 7.4%).

Aktiviti-aktiviti pelaburan swasta meningkat pada tahun 2000 dengan peningkatan sebanyak 26.7% setelah mengalami kemerosotan selama dua tahun berturut-turut (1998: -55.2%;1999: -21.8%). Perubahan arah aliran ini dibuktikan oleh penunjuk pelaburan utama, termasuk import barangan modal yang

Jadual 1.15
Penunjuk Penggunaan Swasta

	1999	2000				
		Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	Tahun
Jualan kereta penumpang (termasuk pacuan 4 roda)						
'000 unit	255.9	65.8	75.8	77.2	77.7	296.6
Perubahan tahunan (%)	79.9	17.9	26.9	12.4	8.6	15.9
Import barangan penggunaan						
AS$ bilion	3.9	1.0	1.2	1.2	1.2	4.6
Perubahan tahunan (%)	16.4	28.0	24.4	16.0	4.4	17.2
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	4.4	0.9	1.8	1.4	1.9	6.0
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	1.5	0.3	0.5	0.3	0.6	1.7
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang) (RM bilion)	16.7	6.2	6.5	6.7	7.5	26.8
Perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel (RM bilion)	57.4	14.1	14.5	16.2	18.1	62.9
Jualan runcit MRA						
Perubahan tahunan (%)	7.4	8.7	12.3	10.0	9.5	10.6
Operasi kad kredit						
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	13.9	4.2	4.6	5.0	5.5	19.3
Perubahan tahunan (%)	0.3	38.4	46.4	40.9	33.8	39.5
Indeks Sentimen Pengguna MIER	–	120.7	121.0	126.0	115.6	–

lebih tinggi, penggunaan kapasiti sektor perkilangan yang meningkat serta peningkatan permohonan dan kelulusan pelaburan di sektor perkilangan (Jadual 1.16). Selaras dengan pengukuhan aktiviti-aktiviti pelaburan, pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan turut meningkat pada tahun 2000, terutamanya untuk membiayai aktiviti-aktiviti perkilangan dan pembangunan sektor harta benda. Pada masa yang sama, dana yang diperoleh dari pasaran sekuriti hutang swasta untuk menyokong aktiviti baru juga adalah lebih tinggi.

Sejajar dengan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi dan permintaan yang kukuh dalam industri

berorientasikan eksport, perbelanjaan modal dalam **sektor perkilangan** dianggarkan meningkat sebanyak 36.8% pada tahun 2000. Pengukuhan keyakinan pelabur dan pengenalan langkah-langkah dasar bertujuan menarik pelabur asing melalui skim pakej insentif siap-sedia bagi projek strategik, menyumbang kepada pelaburan yang tinggi dalam sektor perkilangan. Pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan tertumpu terutamanya dalam industri barangan petroleum dan barangan elektrik dan elektronik. Meskipun dengan kenaikan kapasiti, industri barangan elektrik dan elektronik beroperasi di paras melebihi 80% di sepanjang tahun 2000

Jadual 1.16
Penunjuk Pelaburan Swasta

	1999	2000				
		Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan, termasuk pacuan 4 roda						
'000 units	32.7	9.8	12.2	12.8	11.7	46.6
Perubahan tahunan (%)	50.8	49.8	62.1	44.3	21.3	42.7
Import barangan modal						
AS$ bilion	8.4	2.4	3.2	3.7	3.1	12.4
Perubahan tahunan (%)	–9.2	40.1	69.0	48.2	35.1	47.7
Permohonan kepada MITI						
Bilangan projek	776	190	215	250	288	943
Pelaburan modal (RM bilion)	14.0	16.2	6.7	12.5	10.5	45.9
Asing	*9.0*	*7.3*	*5.0*	*9.4*	*7.9*	*29.7*
Dalam negeri	*5.0*	*8.9*	*1.6*	*3.2*	*2.5*	*16.2*
Kelulusan oleh MITI						
Bilangan projek	725	157	168	261	212	798
Pelaburan modal (RM bilion)	17.0	2.7	3.1	19.5	8.2	33.5
Asing	*12.3*	*1.5*	*1.7*	*10.4*	*6.1*	*19.8*
Dalam negeri	*4.7*	*1.1*	*1.4*	*9.1*	*2.1*	*13.7*
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan (RM bilion)	84.7	22.0	22.0	24.1	25.9	94.1
Sektor pembinaan (RM bilion)	24.7	5.9	5.9	6.2	5.8	23.6
Sekuriti hutang swasta						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	22.1	4.2	3.8	4.3	10.2	22.5
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	–	60.8	64.3	59.4	53.2	–
Kadar Penggunaan Kapasiti	–	81.9	84.5	85.0	85.2	–

Graf 1.34
Pelaburan Swasta Mengikut Sektor, 2000 (% bahagian)



berikutan pertumbuhan pesat dalam permintaan dunia terhadap komponen elektronik dan barangan elektrik. Pelaburan yang tinggi dalam industri petrokimia adalah disebabkan oleh perlaksanaan beberapa projek petrokimia dan gas asli yang besar pada tahun 2000.

Dalam sektor perkilangan, nilai pelaburan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) meningkat kepada RM33.5 bilion pada tahun 2000, berbanding dengan RM17 bilion pada tahun 1999. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, enam projek besar, masing-masing dengan pelaburan melebihi RM1 bilion, mencakupi sebanyak RM15.1 bilion, iaitu lebih kurang 45.1% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Industri elektrik dan elektronik terus mencakup bahagian terbesar sebanyak 36.3% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2000. Ini diikuti oleh industri barangan petroleum (28.5%); industri barangan galian bukan logam (5.3%); industri kertas, percetakan dan penerbitan (4.5%) dan industri tekstil dan barangan tekstil (3.5%). Dari segi hak milik,

Graf 1.35
Pelaburan Perkilangan yang Diluluskan



pelaburan dalam negeri mencatat peningkatan yang nyata kepada RM13.7 bilion (1999: RM4.7 bilion), mencerminkan pemulihan aktiviti-aktiviti industri dalam negeri.

Nilai pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2000 berjumlah sebanyak RM19.8 bilion, melebihi RM12.3 bilion yang telah diluluskan pada tahun 1999. Kebanyakan projek baru yang diluluskan adalah dalam industri barangan elektrik dan elektronik (51.5%), industri barangan petroleum (16.2%) dan industri barangan galian bukan logam (7.7%). Pada tahun 2000, lima pelabur asing utama adalah dari Amerika Syarikat, Jepun, Belanda, Singapura dan Jerman. Kesemua negara tersebut mencakup sebanyak 80.6% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MITI.

Peningkatan dalam pelaburan **sektor perkhidmatan** daripada anggaran nilai sebanyak RM5.2 bilion pada tahun 1999 kepada RM10.4 bilion pada tahun 2000 adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh bilangan syarikat yang semakin meningkat dalam sektor telekomunikasi, industri perbankan dan kewangan serta sektor perniagaan perkhidmatan dalam aktiviti-aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dalam sektor telekomunikasi, kebanyakan syarikat telekomunikasi memulakan pengembangan kapasiti dan peningkatan taraf rangkaian mereka untuk memenuhi bilangan pengguna yang lebih besar dan kawasan liputan yang lebih luas. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat juga terbabit dalam gerakan peningkatan taraf untuk meningkatkan kapasiti pengangkutan dalam pembekalan perkhidmatan internet (ISP) dan perkhidmatan *broadband* serta memperkenalkan penyelesaian Perkhidmatan Radio Paket Umum *(GPRS)*. Dalam sektor perniagaan runcit dan borong, peruncit dan pemborong meluaskan rangkaian cawangan mereka, berikutan prestasi yang menggalakkan dalam sektor tersebut.

Perbelanjaan modal dalam subsektor utiliti dianggarkan lebih tinggi pada tahun 2000 disebabkan oleh beberapa projek loji janakuasa dan bekalan air yang sedang dijalankan. Projek-projek tersebut termasuklah loji Hidro-Mini Sungai Kenerong, Penjanaan dan Pengedaran Nur serta projek Bekalan Air Sungai Selangor yang sedang dijalankan. Aktiviti pelaburan dalam subsektor pengangkutan disokong oleh pembinaan Lingkaran Rel Ekpress, Stesen Kuala Lumpur Sentral dan Sistem *People-mover Rapid Transit*. Pengembangan kapasiti pelabuhan, termasuk Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, juga menyumbang kepada pelaburan yang lebih tinggi dalam subsektor pengangkutan. Pembiayaan oleh institusi kewangan bagi pelaburan penerokaan ICT juga meningkat pada tahun 2000.

Pelaburan dalam **sektor pembinaan** adalah lebih tinggi sebanyak 9.4% pada tahun 2000. Perubahan arah aliran tersebut disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan projek perumahan dan langkah mempercepatkan perlaksanaan projek lebuhraya yang sedang dijalankan. Dalam sektor perumahan, pelaburan adalah disokong terutamanya oleh aktiviti pembinaan rumah kos rendah dan sederhana serta kondominium dan rumah pangsa termampu.

Graf 1.36
Pelaburan Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Sektor, 2000 (% bahagian)



Graf 1.37
Penyertaan Asing dalam Projek Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Negara, 2000 (% bahagian)



Antara projek utama lebuhraya pada tahun 2000 ialah Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur, Lintasan Selat Kelang Utara Baru dan Lebuhraya Lembah Kelang Selatan.

Pelaburan modal dalam **sektor pertanian dan perlombongan** turut meningkat pada tahun 2000. Pelaburan dalam sektor perlombongan meningkat sebanyak 12.2% disebabkan terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam kemudahan pengeluaran dalam subsektor minyak dan gas. Peningkatan dalam kawasan penanaman semula dan peruntukan yang lebih tinggi bagi sektor ini di bawah Dasar Pertanian Negara telah menyumbang kepada peningkatan pelaburan dalam sektor pertanian sebanyak 1.5%.

Pada tahun 2000, pertumbuhan kukuh dalam pendapatan nominal menjurus kepada perbelanjaan penggunaan dan tabungan yang lebih tinggi. **Tabungan Negara Kasar (TNK)** meningkat sebanyak 6.9% pada tahun 2000 (1.5% pada tahun 1999). Meskipun perbelanjaan mengurus sektor awam adalah lebih tinggi, **tabungan sektor awam** meningkat sebanyak 4.7% kepada RM49.3 bilion disebabkan terutamanya oleh prestasi hasil sektor awam yang bertambah baik, khususnya PABK. **Tabungan sektor swasta** meningkat sebanyak 8.5% pada tahun 2000. Oleh kerana pendapatan nominal kasar meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 11.2%, bahagian TNK kepada KNK menurun kepada 39.5% (41.1% pada tahun 1999). Walau bagaimanapun, kadar tabungan tersebut kekal tinggi pada piawaian sejarah dan jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Kadar tabungan yang tinggi juga membolehkan Malaysia mencapai pertumbuhan tinggi yang dibiayai terutamanya oleh sumber dalam negeri tanpa inflasi dan mengurangkan pergantungan kepada sumber pembiayaan luaran.

Memandangkan pembentukan modal dalam negeri kasar bertukar arah untuk meningkat dengan nyata sebanyak 36.9% pada tahun 2000, lebihan dalam imbangan sumber negara menjadi lebih kecil kepada RM31.2 bilion atau 10% daripada KNK (1999: RM47.9 bilion atau 17.1% daripada KNK). Imbangan sumber tersebut dicerminkan dalam lebihan akaun semasa imbangan pembayaran.

Pada tahun 2000, program perancangan kewangan yang dimulakan pada tahun 1996 berdasarkan strategi untuk menggalakkan simpanan, terus menekankan kecekapan dan kepandaian dalam pengurusan kewangan peribadi di antara pelajar-pelajar dan orang awam. Selaras dengan objektif ini, BNM menerbitkan edisi kedua bagi kedua-dua Buku Wang Saku dan Buku Penyata Kewangan Keluarga. Pada tahun 2000, program pendidikan untuk menjelaskan penggunaan secara berkesan bagi kedua-dua buku telah dikelolakan. Seminar mengenai Program Sekolah Angkat, di mana setiap sekolah di Malaysia diambil oleh institusi kewangan atau institusi pembangunan kewangan sebagai sekolah angkat, dikelolakan pada peringkat negeri sepanjang tahun. Objektif seminar tersebut ialah untuk menyebar maklumat kepada Pegawai Pendidikan Negeri isu-isu berkaitan dengan Program Sekolah Angkat dan penggunaan Buku Wang Saku. Demi menggalakkan penggunaan Buku Penyata Kewangan Keluarga, program latihan separuh hari mengenai Kepentingan Perancangan Kewangan dan Penggunaan Buku Penyata Kewangan Keluarga bagi Wanita dikelolakan pada peringkat negeri. Objektif program tersebut ialah untuk menanam disiplin kewangan dan memupuk perbelanjaan berhemat serta pengurusan kewangan yang cekap di kalangan kaum wanita.

Jadual 1.17
Jurang Tabungan-Pelaburan

	1999	2000*a*
	RM juta	
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	34,642	46,516
Tabungan awam	47,069	49,281
Defisit / lebihan	12,427	2,765
(% daripada KNK)	4.4	0.9
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	32,188	45,007
Tabung swasta	67,666	73,405
Defisit / lebihan	35,478	28,397
(% daripada KNK)	12.7	9.1
Pembentukan modal dalam negeri kasar	66,830	91,523
(% daripada KNK)	23.9	29.4
Tabungan negara kasar	114,735	122,686
(% daripada KNK)	41.1	39.5
Imbangan akaun semasa	47,905	31,163
(% daripada KNK)	17.1	10.0

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Harga dan Guna tenaga

Inflasi

Inflasi terus menyederhana pada tahun 2000. Indeks Harga Pengguna (IHP, 1994=100) meningkat pada kadar tahunan sebanyak 1.6% pada tahun 2000, lebih rendah daripada unjuran sebanyak 3.2% yang dibuat pada awal tahun 2000 dan merupakan kadar terendah yang dicatat sejak tahun 1987. Inflasi tidak termasuk makanan juga adalah rendah pada 1.3% (1999: 1.6%). Faktor penyumbang termasuklah kadar pertukaran ringgit yang secara relatifnya stabil, kadar inflasi negara luar yang rendah, lebihan kapasiti di sektor tertentu ekonomi dalam negeri, program menambahkan kapasiti yang dilaksanakan oleh sektor-sektor yang beroperasi pada kapasiti yang hampir penuh dan harga yang lebih rendah untuk beberapa komoditi.

Jadual 1.18
Penunjuk Inflasi

	Wajaran	1999	2000
		Perubahan tahunan	
		(%)	
Indeks Harga Pengguna (1994=100)	100.0	2.8	1.6
Di antaranya:			
Makanan	34.9	4.6	1.9
Minuman dan tembakau	3.6	7.9	2.8
Pakaian dan kasut	3.6	–2.0	–1.7
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	21.1	1.6	1.5
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.6	1.3	0.0
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	3.1	2.0
Pengangkutan dan perhubungan	17.9	0.5	2.1
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.8	2.6	0.5
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.6	1.5	0.9
Indeks Harga Pengguna mengikut Kawasan			
Semenanjung Malaysia		2.9	1.7
Sabah		2.4	0.6
Sarawak		1.6	1.5
Indeks Harga Pengeluar (1989=100)	100.0	–3.3	3.1
Di antaranya:			
Pengeluaran Tempatan	79.3	–3.9	3.6
Import	20.7	–0.6	1.1
Indeks Harga Rumah (1990=100)		–2.3	14.3[1]
Di antaranya:			
Lembah Klang		–4.0	13.3
Johor Bahru		3.7	11.3
Pulau Pinang		–3.7	11.7

[1] Januari–Jun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Terdapat kebimbangan, terutamanya di awal tahun 2000, bahawa tekanan harga mungkin muncul pada tahun tersebut selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh dan apabila kesan harga minyak mentah global yang lebih tinggi meresap ke dalam ekonomi dalam negeri. Walau bagaimanapun, kebimbangan tersebut reda apabila inflasi menyederhana daripada paras di awal tahun 2000 sehingga mencapai tahap yang rendah iaitu sebanyak 1.3% pada bulan Mei dan Jun. Kenaikan tambang bas dan harga jualan runcit beberapa produk petroleum serta kadar cukai jualan yang lebih tinggi yang dikenakan ke atas minuman beralkohol, rokok dan tembakau yang diumumkan pada tahun tersebut adalah di antara beberapa faktor tekanan kos terhadap inflasi utama yang wujud pada separuh tahun kedua 2000. Kesan daripada faktor bersifat tekanan kos tersebut adalah dicerminkan dalam kadar inflasi bulanan. Walau bagaimanapun, dengan wajaran yang rendah sebanyak lebih kurang 9% bagi barangan tersebut di dalam raga IHP berserta dengan kenaikan harga yang sedikit untuk produk petroleum dan perlaksanaan berperingkat kenaikan tambang bas, inflasi keseluruhan adalah terkawal pada 1.6% pada separuh tahun kedua.

Bekalan makanan yang berlebihan di sepanjang tahun yang disebabkan oleh keadaan cuaca yang baik telah menyumbang kepada kadar kenaikan harga barangan makanan yang lebih sederhana pada tahun 2000. Namun, tekanan harga yang muncul akibat kekurangan bekalan bersifat kitaran dan bermusim untuk barangan makanan tertentu masih lagi membimbangkan, khususnya yang berkaitan dengan kesannya terhadap kumpulan yang berpendapatan rendah. Sementara dasar perdagangan Malaysia kekal liberal bagi mengatasi kekurangan dalam negeri melalui import, Kerajaan telah menggiatkan usaha untuk menggalakkan langkah-langkah bagi meningkatkan keluaran makanan dalam negeri dan juga perkhidmatan yang berkaitan dengan industri makanan. Dalam hal ini, semakan Belanjawan Tahun 2001, pihak Kerajaan telah memberikan insentif tambahan kepada pengeluaran makanan dalam negeri dan juga kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan rangkaian kemudahan penyejukan.

IHP mengukur harga barangan dan perkhidmatan akhir yang secara puratanya

digunakan oleh isi rumah di negara ini. Untuk mencerminkan corak penggunaan purata isi rumah yang lebih tepat di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia akan menyemak semula IHP dengan menggunakan wajaran perbelanjaan yang diperoleh daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 1998/99 bagi kesemua kumpulan pendapatan. Dengan menggunakan harga yang secara relatifnya stabil, wajaran IHP kemudiannya akan diselaraskan kepada asas tahun 2000. Dengan itu, IHP yang disemak semula akan menggunakan tahun 2000 sebagai tahun asas yang baru untuk menggantikan IHP semasa yang menggunakan tahun 1994 sebagai tahun asasnya. Keterangan lanjut mengenai IHP yang telah disemak semula terdapat dalam bab mengenai prospek untuk tahun 2001.

Inflasi kekal rendah, sungguhpun terdapat kenaikan harga sekali sahaja pada separuh tahun kedua.

Graf 1.38
Inflasi: Perubahan Kadar Purata Tahunan

Negara-negara Terpilih: IHP



Malaysia: Indeks Harga Pengeluar



Indeks Harga Pengguna, 2000



Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) yang mengukur harga kedua-dua barangan pengantara dan akhir yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dan dibayar oleh para pengimport di negara ini, meningkat dengan sederhana iaitu sebanyak 3.1% pada tahun 2000. Pada separuh pertama tahun 2000, terdapat kebimbangan bahawa IHPR yang berada pada arah aliran yang menaik (mencapai paras tertinggi pada 7.3% pada bulan Jun 2000) akhirnya akan menyebabkan harga pengguna menjadi lebih tinggi selepas lat masa tertentu. Kebimbangan tersebut lenyap apabila kadar kenaikan IHPR mula menyederhana pada separuh tahun kedua dan menurun pada bulan November dan Disember. Di samping itu, kenaikan dalam IHPR adalah tidak secara meluas meliputi kesemua kumpulan utama tetapi adalah lebih disebabkan oleh kesan asas yang rendah pada tahun 1999 (-3.3%) dan harga minyak mentah yang ketara lebih tinggi.

Harga aset secara umumnya meningkat pada separuh tahun pertama, tetapi menjadi lebih lemah selepas itu. Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) meningkat pada separuh tahun pertama iaitu sebanyak 2.5% yang didorong oleh asas yang bertambah baik, suasana kadar faedah yang rendah, jangkaan perolehan korporat yang lebih baik, dan kemungkinan kemasukan semula Malaysia ke dalam indeks Morgan Stanley Capital International. Walaupun terdapat pemulihan dalam pertumbuhan ekonomi, BSKL merosot pada separuh kedua tahun 2000 berikutan kebimbangan terhadap kesan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat ke atas pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat dan kesannya terhadap Asia. Untuk keseluruhan tahun 2000, KLSE CI merosot sebanyak 16.3%. Harga harta tanah, seperti diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) meningkat sebanyak 14.3%

Keterangan Lanjut Terhadap Penyelarasan Harga Sekali Sahaja pada tahun 2000

Kenaikan dalam harga sekali sahaja untuk tambang bas, petrol dan diesel adalah termasuk dalam kumpulan pengangkutan dan perhubungan dalam raga IHP, manakala gas petroleum cecair (LPG) adalah komponen dalam kumpulan sewa kasar, bahan api dan kuasa. Kelulusan Kerajaan untuk kenaikan tambang bas telah diberi pada awal Julai 2000. Walau bagaimanapun, perlaksanaan sebenarnya adalah secara berperingkat-peringkat pada Julai, Ogos dan Oktober disebabkan pengusaha bas di seluruh negara terpaksa mematuhi perundangan pelesenan dahulu. Kenaikan tambang bas bagi perjalanan di Kuala Lumpur dan kawasan sekelilingnya hanya dilaksanakan pada pertengahan Oktober selepas pembahagian perjalanan bas berkenaan mengikut zon selesai. Berkuat kuasa 1 Oktober 2000, Kerajaan juga meluluskan kenaikan untuk harga jualan runcit petrol, diesel dan LPG. Butiran lanjut diringkaskan seperti di bawah.

Jadual 1.19
Harga Runcit Barangan Petroleum Berkuat kuasa 1 Oktober 2000

Barangan/Kawasan	Harga lama	Kuantum kenaikan		Harga baru
	Sen/liter	Sen/liter	%	Sen/liter
SEMENANJUNG MALAYSIA				
Petrol Tanpa Plumbum (97 Oktana)	110	10	9.1	120
Petrol Tanpa Plumbum (92 Oktana)	106	10	9.4	116
Diesel	65.1	5	7.7	70.1
LPG (Sen/kilogram)	118	10	8.5	128
SABAH				
Petrol Tanpa Plumbum (97 Oktana)	108	10	9.3	118
Petrol Tanpa Plumbum (92 Oktana)	106	10	9.4	116
Diesel	65.4	5	7.6	70.4
LPG (Sen/kilogram)	126	10	7.9	136
SARAWAK				
Petrol Tanpa Plumbum (97 Oktana)	109	10	9.2	119
Petrol Tanpa Plumbum (92 Oktana)	106	10	9.4	116
Diesel	64.8	5	7.7	69.8
LPG (Sen/kilogram)	126	10	7.9	136

Graf 1.39
Sumbangan kepada Peratus Perubahan IHP mengikut Kumpulan Utama



pada separuh pertama tahun 2000 selepas merosot sebanyak 2.3% pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, melainkan beberapa lokasi terpilih, terutamanya di Lembah Klang, paras harga harta tanah kekal berada di bawah paras tertinggi yang wujud pada tahun 1997.

Perkembangan Pasaran Buruh

Pertumbuhan ekonomi yang mapan pada tahun 2000 telah membawa kepada keadaan pasaran buruh yang lebih kukuh tanpa mewujudkan tekanan terhadap upah. Pertumbuhan dalam produktiviti telah mengatasi kenaikan dalam upah. Ekonomi terus beroperasi pada tahap guna tenaga penuh, dengan kehadiran buruh asing yang ketara bagi buruh mahir dan tidak mahir.

Prospek guna tenaga meningkat pada tahun 2000 dan jumlah pekerja yang diberhentikan telah berkurangan. Menjelang akhir tahun 2000, jumlah guna tenaga meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu sebanyak 4.6% kepada 9.3 juta pekerja, manakala tenaga buruh berkembang sebanyak 4.3% kepada 9.6 juta orang. Memandangkan permintaan terhadap buruh meningkat, kadar pengangguran terus berkurangan daripada 3.4% pada tahun 1999 kepada 3.1% pada tahun 2000, jauh lebih rendah daripada tahap guna tenaga penuh iaitu sebanyak 4%. Secara keseluruhan, produktiviti buruh meningkat dengan nyata memandangkan penggunaan kapasiti meningkat kepada tahap yang lebih tinggi untuk memenuhi permintaan yang bertambah bagi barangan dan perkhidmatan. Walaupun bilangan kekosongan jawatan hampir melebihi lima kali ganda daripada jumlah bilangan pekerja yang diberhentikan, kenaikan yang berlebihan dalam upah tidak dilaporkan.

Graf 1.40
Guna Tenaga mengikut Sektor



* Tidak termasuk perkhidmatan Kerajaan.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Pada tahun 2000, sektor perkilangan mencakupi bahagian terbesar daripada pekerja baru yang mendapat pekerjaan (52.7% atau 215,600 orang). Kebanyakan pekerjaan baru yang diwujudkan dalam sektor perkilangan bertumpu terutamanya dalam industri pemasangan dan berasaskan buruh, seperti kayu dan pengeluaran kayu; jentera elektrik; keluaran getah dan tekstil. Sektor perkhidmatan yang mencakupi bahagian terbesar jumlah guna tenaga (48.6%) mencatat peningkatan dalam guna tenaga sebanyak 4.6% kepada 4.5 juta orang. Peningkatan dalam kedua-dua projek infrastruktur swasta dan awam di samping skim perumahan baru telah mewujudkan 6,200 pekerjaan baru dalam sektor pembinaan.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, permintaan tenaga buruh, seperti yang dicerminkan oleh jumlah kekosongan jawatan

Jadual 1.20
Penunjuk Pasaran Buruh

	1996	1997	1998	1999	2000
Tenaga buruh ('000)	8,642	9,039	8,849	9,178	9,573
(perubahan tahunan dalam %)	4.7	4.6	–2.1	3.7	4.3
Guna tenaga (perubahan tahunan dalam %)	5.3	4.7	–2.9	3.5	4.6
Kadar pengangguran (% daripada tenaga buruh)	2.5	2.4	3.2	3.4	3.1
Produktiviti buruh (KDNK/Guna tenaga)					
(perubahan tahunan dalam %)	4.5	2.5	–4.6	2.2	3.8
Upah benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan					
(perubahan tahunan dalam %)	6.7	5.9	–2.4	3.0	4.6

Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Buruh di Kementerian Sumber Manusia, terus meningkat sepanjang tahun 2000. Jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan di seluruh negara meningkat sebanyak 14% kepada 123,484 kekosongan pada tahun 2000. Bilangan kekosongan jawatan sebenar berkemungkinan lebih tinggi memandangkan firma-firma tidak diwajibkan melaporkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Buruh. Lebih daripada separuh kekosongan jawatan dilaporkan di Sarawak. Pulau Pinang, Selangor dan Johor turut melaporkan kekosongan yang tinggi, namun setiap satu negeri mencakupi kurang daripada 10% daripada jumlah kekosongan. Sektor perkilangan menawarkan jumlah peluang pekerjaan yang terbesar. Kekosongan jawatan dalam sektor pertanian meningkat sebanyak 29.1% disebabkan sebahagiannya oleh pengembangan berterusan dalam aktiviti pertanian di Sarawak, khususnya penanaman kelapa sawit. Apa yang nyata, kekosongan jawatan dalam sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 33.5% selepas merosot sebanyak 0.8% pada tahun 1999. Kenaikan ini terdapat dalam semua subsektor, dengan majoritinya bertumpu dalam 'perkhidmatan lain' (meliputi perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian, perkhidmatan swasta tidak berasaskan keuntungan serta perkhidmatan domestik kepada isi rumah) dan subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran. Oleh yang demikian, bahagian sektor perkhidmatan dalam jumlah kekosongan jawatan meningkat kepada 15.9% pada tahun 2000 (1999: 13.6%).

Berdasarkan kumpulan pekerjaan, kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan kebanyakannya berasaskan pengeluaran (61.2% daripada jumlah atau 75,552) dan berasaskan pertanian (21.9% atau 27,031). Walau bagaimanapun, keperluan yang meningkat untuk kemahiran di skala tinggi, menyebabkan permintaan bagi pekerja profesional, teknikal dan berkaitan meningkat dengan ketara sebanyak 21.4% kepada 4,055 kekosongan jawatan pada tahun 2000.

Jumlah bilangan pencari kerja aktif yang berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia merosot sebanyak 12.6% kepada 27,820 pada akhir tahun 2000. Daripada jumlah keseluruhan, 25.7% atau 7,144 pencari kerja tersebut melaporkan bahawa mereka sudah pun mempunyai pekerjaan, tetapi sedang mencari pekerjaan baru. Kadar penempatan pekerjaan oleh Jabatan adalah lebih tinggi pada 21.9% dalam tahun 2000, berbanding dengan 18.8% dalam tahun 1999. Jumlah penempatan pekerjaan pada tahun 2000 termasuk 23.7% atau 5,399 daripada jumlah 22,785 pekerja yang telah diberhentikan yang berdaftar dengan Kementerian. Peningkatan dalam peluang pekerjaan menyebabkan nisbah pencari pekerjaan kepada kekosongan jawatan terus bertambah kecil daripada 0.29:1 pada akhir tahun 1999 kepada 0.23:1 pada akhir tahun 2000. Dari segi jenis pekerjaan, pekerjaan yang paling dicari adalah kerja-kerja yang berkaitan dengan pengkeranian (12,966 orang atau 46.6% daripada jumlah keseluruhan),

Graf 1.41
Keluaran dan Guna Tenaga



Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Bank Negara Malaysia

Graf 1.42
Pekerja Asing Mengikut Negara Asal dan Sektor pada Tahun 2000



Sumber: Kementerian Dalam Negeri

kerja-kerja yang berkaitan dengan pengeluaran (6,982 orang atau 25.1%) dan kerja-kerja profesional, teknikal dan yang berkaitan dengannya (4,438 orang atau 16%).

Bagi mengatasi kekurangan buruh separa mahir dan tidak mahir yang dialami oleh majikan-majikan tertentu, Kerajaan telah meluluskan pengambilan seramai 230,608 pekerja asing yang baru pada tahun 2000 (1999: 84,150 pekerja). Secara keseluruhan, jumlah bilangan pekerja asing yang berdaftar meningkat sebanyak 5.1% kepada 732,588 pekerja (1999: 697,219 pekerja). Kebanyakan pekerja asing terlibat dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan domestik (pembantu rumah). Mengikut negara asal, pekerja dari Indonesia dan Bangladesh, masing-masing mencakupi sebanyak 73.4% dan 19.7% daripada jumlah guna tenaga asing. Berkuat kuasa 2 Ogos 2000, Kerajaan telah mengurangkan tempoh terma guna tenaga pekerja asing dari tempoh maksimum selama tujuh tahun kepada tiga tahun.

Bilangan pekerja yang diberhentikan pada tahun 2000 merosot sebanyak 32.4% kepada 25,244 orang. Begitu juga, bilangan majikan yang terlibat dalam pemberhentian kerja merosot sebanyak 56.9% kepada 889 daripada 2,064 pada tahun 1999. Sebab-sebab utama pemberhentian kerja yang dinyatakan adalah penggulungan syarikat, penjualan syarikat, penurunan dalam permintaan barangan dan penyusunan semula syarikat. Pemberhentian kerja yang lebih rendah telah dicatat di kesemua sektor-sektor utama dalam ekonomi. Majoriti pekerja (60.1%) yang diberhentikan di dalam sektor perkilangan adalah terutamanya dari sektor industri logam yang dibentuk, dan jentera dan kelengkapan. Di kalangan sektor perkhidmatan, sub-sektor bagi perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan mencakupi jumlah pemberhentian pekerja yang terbesar (53.3%) disebabkan oleh pemberhentian pekerja yang lebih tinggi oleh institusi kewangan (3,092; 1999: 640). Walau bagaimanapun, seramai 2,986 pekerja yang diberhentikan oleh institusi-institusi kewangan akibat program penggabungan institusi perbankan yang masih berterusan telah diambil semula bekerja oleh bank induk entiti penggabungan. Bank Negara Malaysia telah menegaskan, melalui pujukan moral bahawa sebarang rasionalisasi pekerja yang dilakukan oleh bank induk, seharusnya dilaksanakan melalui Skim Pemisahan Secara Sukarela (VSS), di mana ganti rugi yang sewajarnya patut ditawarkan kepada pekerja yang

Graf 1.43
Sebab-sebab Pemberhentian Pekerja



1 Penggulungan syarikat
2 Penjualan syarikat
3 Pemindahan syarikat ke negara asing
4 Pemindahan syarikat dalam negara
5 Kos pengeluaran tinggi
6 Kemerosotan permintaan bagi produk
7 Penyusunan semula organisasi
8 Lain-lain

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

meninggalkan institusi perbankan. Pada tahun 2000, terdapat 396 pekerja dan 20 majikan dalam sektor kewangan yang terlibat dalam pelaksanaan VSS, berbanding 1,830 pekerja dan 34 majikan pada tahun 1999.

Pada tahun 2000, pertumbuhan pesat dalam aktiviti ekonomi telah membolehkan kebanyakan majikan memberi kenaikan gaji kepada pekerja. Walau bagaimanapun, oleh kerana pertumbuhan produktiviti secara amnya adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan upah benar, tekanan inflasi daripada kenaikan upah dapat dibendung, sepanjang tahun 2000.

- Hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menunjukkan bahawa purata kenaikan gaji bagi sektor swasta meningkat sebanyak 7% pada tahun 2000 daripada 5.9% pada tahun 1999 dan 6.2% pada tahun 1998. Berdasarkan sektor, purata kenaikan gaji di syarikat sektor bukan perkilangan adalah lebih tinggi sedikit (7.6%), berbanding dengan syarikat di sektor pembuatan (6.4%). Bagi mereka yang mempunyai ijazah sarjana muda, purata gaji minimum yang ditawarkan meningkat sebanyak 1.5% kepada RM1,663 sebulan (1999: RM1,638).

- Pada 1 Januari 2000, Kerajaan telah melaksanakan penyelarasan kenaikan gaji sebanyak 10% kepada kakitangan Kerajaan, selaras dengan dasar Kerajaan untuk menyelaraskan gaji setiap lima tahun. Selain itu, Kerajaan menaikkan elaun perumahan sebanyak 50% bagi kategori kakitangan Kerajaan terpilih.

- Data mengenai sektor perkilangan yang diperoleh dari Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa, berdasarkan kadar tahunan, kadar kenaikan dalam upah benar seorang pekerja adalah sebanyak 6.2% pada

Jadual 1.21
Guna Tenaga, Kekosongan Jawatan dan Pemberhentian Pekerja bagi tahun 2000

	Guna tenaga		Kekosongan jawatan[1]		Pemberhentian pekerja	
	Bilangan ('000 orang)	% bahagian	Bilangan	% bahagian	Bilangan	% bahagian
Jumlah	9,271	100.0	123,484	100.0	25,244	100.0
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,408	15.2	31,315	25.4	2,384	9.4
Perlombongan dan kuari	41	0.4	126	0.1	211	0.8
Perkilangan	2,558	27.6	67,480	54.6	13,928	55.2
Pembinaan	755	8.2	4,869	3.9	1,260	5.0
Perkhidmatan	4,509	48.6	19,694	16.0	7,461	29.6
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*1,584*	*17.1*	*6,789*	*5.5*	*1,865*	*7.4*
Kewangan, insurans, perkhidmatan harta tanah dan perniagaan	*509*	*5.5*	*3,967*	*3.2*	*3,977*	*15.8*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	*462*	*5.0*	*1,905*	*1.6*	*706*	*2.8*
Elektrik, gas dan air	*75*	*0.8*	*116*	*0.1*	*1*	*0.0*
Perkhidmatan sosial dan persendirian[2]	–	–	–	–	*905*	*3.6*
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	*1,879*	*20.2*	*6,917*	*5.6*	*7*	*0.0*

[1] Bilangan kekosongan jawatan mungkin kurang daripada yang dilaporkan kerana firma-firma tidak wajib melaporkan kekosongan kepada Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia.
[2] Bagi guna tenaga dan kekosongan, data bagi 'perkhidmatan sosial dan persendirian' termasuk dalam 'perkhidmatan-perkhidmatan lain'.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia

Graf 1.44
Produktiviti Benar dan Upah Benar bagi Setiap Pekerja dalam Sektor Perkilangan



Sumber: Jabatan Perangkaan
Bank Negara Malaysia

separuh tahun pertama sebelum menyederhana kepada 3% pada separuh tahun kedua tahun 2000. Secara keseluruhannya, upah benar bagi seorang pekerja meningkat sebanyak 4.6% pada tahun 2000 (1999: 3%), nyata lebih rendah berbanding dengan kenaikan dalam produktiviti buruh sebanyak 16.2% (1999: 16.8%), sebagaimana yang diukur oleh hasil benar jualan produk (SVP) bagi seorang pekerja. Upah benar bagi seorang pekerja di dalam industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 5.9%, manakala produktiviti buruh meningkat sebanyak 14.2%. Sementara itu, industri berorientasikan domestik mencatatkan kenaikan upah yang lebih kecil iaitu sebanyak 2.9% walaupun produktiviti buruh meningkat iaitu sebanyak 19.6%.

Bilangan hari bekerja yang hilang disebabkan oleh tindakan industri jauh lebih rendah pada tahun 2000. Bilangan kejadian mogok, di samping kekal pada 11 kes pada tahun 2000, melibatkan bilangan pekerja yang nyata lebih rendah (2,969; 1999: 3,452 pekerja). Tujuh kes dilaporkan di dalam sektor perkilangan melibatkan 2,551 pekerja, berbanding enam kes melibatkan 2,169 pekerja pada tahun 1999. Sementara itu, bagi sektor pertanian, hanya dua kes melibatkan 104 pekerja telah dilaporkan, berbanding lima kes melibatkan 1,283 pekerja pada tahun sebelumnya. Dua sektor yang lain, iaitu sektor pengangkutan dan pembinaan telah mencatatkan hanya satu kes setiap satu, masing-masing melibatkan 250 dan 64 pekerja. Sebab-sebab utama mogok adalah berpunca dari pertikaian ke atas terma dan syarat pekerjaan (dua kes) dan pelanggaran hak-hak pekerja/ketidakadilan dalam amalan perburuhan (dua kes).

Bilangan pertikaian industri yang dilaporkan kepada Jabatan Perhubungan Industri merosot kepada 436 kes pada tahun 2000 berbanding 505 kes pada tahun 1999, yang melibatkan jumlah bilangan pekerja yang jauh lebih kecil (57,492 pekerja; 1999: 90,278 pekerja). Kebanyakan pertikaian tertumpu kepada kebuntuan dalam rundingan tawar-menawar (186 kes) dan isu-isu yang berkaitan dengan terma dan syarat pekerjaan (103 kes). Mengikut sektor, penurunan yang paling ketara bagi bilangan pertikaian telah dicatat oleh sektor perkhidmatan, diikuti oleh sektor perkilangan dan pertanian.

Dalam Malaysia menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, salah satu daripada cabaran yang dihadapi oleh rakyat dalam pengurusan sumber manusia adalah untuk menyediakan pekerja dengan kemahiran-kemahiran baru, di samping membina budaya berteknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik. Memandangkan pembangunan sumber manusia kekal sebagai keutamaan negara, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah sepanjang tahun 2000 bagi menangani isu berkaitan peningkatan produktiviti serta meningkatkan penawaran buruh mahir. Sehubungan ini, Kerajaan terus memberi penekanan kepada latihan industri bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap kemahiran di skala tinggi. Pada tahun 2000, sembilan Institut Latihan Industri yang sedia ada telah menyediakan latihan kepada 4,995 pelatih, manakala Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) terlibat melatih 2,106 tenaga pengajar baru. Di samping itu, empat institusi latihan lanjutan yang didirikan melalui kerjasama bersama di antara Kerajaan masing-masing, iaitu *German Malaysian Institute* (GMI), *Malaysian French Institute* (MFI), *British Malaysian Institute* (BMI) dan *Japan Malaysian Technical Institute* (JMTI) telah mengambil seramai 1,268 pelatih pada tahun 2000. Dalam mempertingkatkan mobiliti buruh pada sepanjang tahun ini, Kementerian Sumber Manusia telah menempatkan seramai 8,121

Galakan Fiskal Utama dalam Belanjawan 2001 untuk Pembangunan Sumber Manusia

- Sejumlah RM1.2 bilion telah diperuntukkan bagi membina 14 buah Institut Latihan Perindustrian dan empat Pusat Latihan Kemahiran Teknologi Tinggi. Pusat-pusat latihan ini dijangka siap pada tahun 2001dan akan dapat menampung seramai 17,000 pelatih setahun. Selain itu, 10 buah Institut Kemahiran Pembangunan Belia Negara akan siap sepenuhnya yang berkeupayaan melatih seramai 8,950 pelajar setahun dalam pelbagai bidang kemahiran. Pusat Giat anjuran MARA dan Institut Kemahiran Pembangunan dijangka meningkatkan kemampuan untuk melatih seramai 30,370 pelajar pada tahun 2001.

- Peruntukan sebanyak RM19.7 bilion, mencakupi 22.5% daripada jumlah peruntukan Belanjawan (tidak termasuk pindahan antara akaun dan rizab luar jangka), telah disediakan untuk terus membangunkan sektor pendidikan, terutamanya untuk berikut:

  - Sebanyak 167 buah sekolah rendah, 120 buah sekolah menengah dan 42 buah asrama baru dicadangkan dibina pada tahun 2001. Ini dijangka dapat menampung pertambahan kakitangan seramai 11,684 orang petugas, termasuk 9,424 guru dan 2,260 kakitangan baru dan akan memberi manfaat kepada kira-kira 168,000 pelajar baru di seluruh negara;

  - Setiap sekolah akan diperuntukkan antara 12 hingga 43 buah komputer dilengkapi dengan kemudahan multimedia dan internet, sejajar dengan program makmal komputer. Sebagai langkah merapatkan jurang digital di antara bandar dan luar bandar, sebanyak 1,262 buah makmal komputer akan ditubuhkan di sekolah-sekolah di luar bandar;

  - Cadangan pembinaan lima buah kolej matrikulasi di Johor, Perak, Pahang, Selangor, dan Kedah dan tiga buah politeknik baru di Mersing, Pulau Pinang dan Miri telah dicadangkan;

  - Sejumlah RM3.5 bilion telah diperuntukkan bagi membiayai institusi-institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Pembinaan empat buah universiti baru telah dicadangkan, iaitu, di Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Perlis; dan

  - Sejumlah RM1.3 bilion telah diperuntukkan kepada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi memberi pinjaman pelajaran kepada lebih daripada 125,000 pelajar diploma dan ijazah di IPTA dan swasta.

- Syarikat yang menyediakan biasiswa kepada pelajar di institusi tempatan telah diberikan potongan cukai pendapatan.

- Pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM500 setiap tahun telah diberikan kepada individu yang membeli buku, termasuk buku teks.

- Pelepasan cukai yang diberikan kepada individu-individu yang berbelanja untuk tujuan pendidikan telah dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM5,000 setahun.

- Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang ingin melanjutkan pelajaran dibenarkan untuk mengeluarkan wang caruman mereka.

- Pencarum KWSP juga dibenarkan untuk mengeluarkan caruman mereka bagi tujuan membeli komputer untuk kegunaan sendiri atau untuk kegunaan anak-anak di institusi pengajian tinggi dan di sekolah.

- Kakitangan Kerajaan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap lima tahun sekali.

- Pemberian komputer baru oleh syarikat kepada pekerja tidak lagi dianggap kemudahan dan dengan itu tidak dikenakan cukai pendapatan. Perbelanjaan sedemikian oleh syarikat-syarikat pula diberikan potongan cukai pendapatan.

- Insentif telah disediakan kepada rakyat Malaysia yang berkemahiran yang bekerja di luar negeri untuk pulang ke Malaysia, seperti berikut:

  - Pendapatan yang dibawa balik ke Malaysia dalam tempoh dua tahun dikecualikan daripada cukai pendapatan;
  - Semua barangan persendirian yang dibawa balik ke Malaysia, termasuk dua buah kereta diberi pengecualian cukai; dan
  - Suami atau isteri dan anak-anak yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan.

pekerja di bawah program bagi meningkatkan mobiliti buruh yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian, daripada bidang yang terlebih buruh kepada bidang yang kurang buruh. Projek Elektronik Pertukaran Buruh dijangka beroperasi menjelang akhir tahun 2001 bagi memastikan mobiliti buruh yang berkesan. Kementerian juga terus menyebarkan maklumat mengenai Garis Panduan ke atas Sistem Produktiviti Berasaskan Upah (PLWS) tahun 1996 kepada majikan dan kesatuan sekerja untuk memperbaiki daya saing melalui galakan terhadap jalinan yang lebih rapat antara upah dan produktiviti.

Menyedari bahawa pembangunan intelektual yang berterusan terhadap generasi akan datang mampu memacu negara ke ekonomi baru, Kerajaan telah memperuntukkan sebilangan galakan fiskal dalam Belanjawan Tahun 2001. Insentif-insentif yang diberi adalah bermatlamatkan kepada pembangunan kemahiran, menangani jurang digital dan meningkatkan lagi penguasaan kemahiran Teknologi Maklumat (IT) oleh pelajar dan pekerja. Insentif-insentif ini merupakan langkah-langkah awal bagi dasar jangka panjang ke arah menuju ekonomi berasaskan pengetahuan (keterangan lanjut dalam Kotak Putih).

Dalam mewujudkan tenaga kerja bertaraf dunia, Kerajaan telah meningkatkan usaha untuk menarik perhatian seramai yang boleh tenaga kerja berkemahiran tinggi dan bijak pandai dari dalam dan luar negara. Insentif juga telah diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2001 untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang berkemahiran yang bekerja di luar negara untuk pulang ke Malaysia (lihat Kotak Putih). Pada akhir Februari 2001, sebanyak 10 daripada 19 permohonan yang telah diterima daripada rakyat Malaysia yang mahir dalam pelbagai bidang yang ingin kembali ke Malaysia, telah diluluskan oleh satu jawatankuasa khas yang didirikan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Sejak perlaksanaannya pada tahun 1993, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), yang mentadbir Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) telah meluluskan sejumlah 2.6 juta tempat latihan dengan bantuan kewangan sebanyak RM818.9 juta. Dana daripada MPSM ini disalurkan bagi latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi pekerja yang diambil bekerja oleh syarikat yang berdaftar dengan MPSM. Pada akhir bulan Disember 2000, bilangan majikan yang berdaftar dengan MPSM meningkat kepada 7,135 majikan, di mana 73% daripadanya adalah dari sektor perkilangan, manakala 27% lagi adalah dari sektor perkhidmatan. Hasil kutipan levi oleh KWPSM yang dikenakan ke atas syarikat bersamaan sumbangan wajib sebanyak 1% daripada upah bulanan syarikat, atau 0.5% dalam kes industri bersaiz kecil dan sederhana (IKS) adalah nyata lebih tinggi pada tahun 2000, dengan jumlah sebanyak RM186.5 juta (RM82.7 juta pada tahun 1999). Pengecualian terakhir bagi tempoh enam bulan (12 Ogos 1999 sehingga 11 Februari 2000) dari mencarum kepada KWPSM yang menghadapi

kesan kegawatan ekonomi baru-baru ini, hanya dilanjutkan kepada industri perhotelan dan sektor agensi pengembaraan yang membawa masuk pelancong sahaja.

Pada tahun 2000, sejumlah 301,790 tempat latihan telah diluluskan oleh MPSM dengan bantuan kewangan sebanyak RM113.7 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10.6% atau 32,050 daripada tempat latihan yang telah diluluskan melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM17.4 juta, tertumpu kepada Teknologi Maklumat (IT)/latihan komputer. Selain itu, MPSM telah memperuntukkan sebanyak RM1.7 juta kepada majikan untuk pembelian komputer bagi latihan pekerja. Berkuatkuasa 16 Julai 2000, MPSM telah meningkatkan bantuan kewangannya kepada 100% daripada 75-80% bagi program yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat (IT), teknikal, kraf dan kualiti/produktiviti. Sementara bantuan kewangan bagi kesemua kursus (seperti perniagaan dan pengurusan) telah dinaikkan daripada 75% kepada 85%, bantuan kewangan bagi kursus luar negara kekal pada 50%. Pada 1 Ogos 2000, MPSM telah menubuhkan Skim Bantuan Latihan bagi IKS, bertujuan untuk menggalakkan majikan IKS untuk mempergiatkan lagi program latihan semula bagi pekerja. Pada akhir tahun 2000, sejumlah 62 tempat latihan telah diluluskan dengan bantuan kewangan iaitu sebanyak RM30 ribu. Pada masa yang sama, Skim Latihan untuk Pekerja yang Diberhentikan yang telah ditubuhkan pada bulan Mei 1998 kesan daripada krisis ekonomi, telah menggunakan sebanyak 88% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM5 juta bagi melatih semula 891 pekerja yang telah diberhentikan. Seramai 3,202 peserta juga telah mendapat faedah daripada pelbagai Skim Perantisan dengan bantuan kewangan sebanyak RM15.9 juta.

Pada tahun 2001, MPSM merancang untuk membolehkan program latihan berasaskan elektronik ('E-Training') mendapat bantuan kewangan daripada KWPSM dan menubuhkan Skim Latihan Pekerja Teknologi Maklumat dengan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi melatih pekerja dalam kursus yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Tabung Pembangunan Kemahiran dengan peruntukan sebanyak RM140 juta telah ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Sumber Manusia mula beroperasi pada 2 Januari 2001. Tabung ini bertujuan menyediakan pinjaman tidak melebihi RM5,000 setahun kepada lepasan sekolah dan pekerja kilang untuk menguasai kemahiran dalam industri.

Sektor Luaran

Imbangan Pembayaran

Kedudukan imbangan pembayaran kekal memuaskan pada tahun 2000, dengan lebihan imbangan perdagangan yang berterusan tinggi serta aliran masuk modal jangka panjang yang berkekalan. Berbeza dengan perkembangan pada tahun 1998 di mana lebihan perdagangan mencerminkan penguncupan import yang nyata, asas kekukuhan akaun perdagangan pada tahun 2000 adalah perkembangan eksport yang terus pesat. Perkembangan eksport ini disokong oleh sektor elektronik yang berdaya saing serta permintaan global dan perdagangan serantau yang terus kukuh. Kadar pertukaran wang yang stabil telah membolehkan industri memberi tindak balas positif kepada permintaan eksport yang meningkat. Imbangan perdagangan juga mendapat faedah daripada harga minyak yang lebih tinggi, kerana Malaysia merupakan pengeksport bersih pengeluaran petroleum. Oleh yang demikian, asas akaun semasa kekal kukuh dan mencatatkan lebihan yang besar untuk tiga tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan prestasi yang luar biasa pada tahun 1999, lebihan pada tahun 2000 telah berkurangan kepada RM31.2 bilion atau 10% daripada KNK (17.1% daripada KNK pada tahun

Lebihan perdagangan yang besar dan aliran masuk modal jangka panjang menyediakan pengalas yang mencukupi untuk menampung aliran keluar modal jangka pendek. Pergerakan pada paras rizab antarabangsa mencerminkan transaksi perdagangan dan modal selaras dengan pengembangan dalam aktiviti ekonomi.

Jadual 1.22
Imbangan Pembayaran

Perkara	2000*a* +	2000*a* –	2000*a* Bersih
	RM juta		
Imbangan dagangan (f.o.b)	372,778	293,256	79,522
Akaun perdagangan	*373,307*	*312,427*	*60,880*
Imbangan perkhidmatan	60,721	101,345	–40,624
Imbangan dagangan dan perkhidmatan	433,499	394,601	38,898
Pindahan	3,229	10,964	–7,735
Imbangan akaun semasa	436,728	405,565	31,163
% daripada KNK			10
Modal jangka panjang rasmi			3,961
Modal jangka panjang swasta			7,510
Imbangan modal jangka panjang			11,471
Imbangan asas			42,634
Modal jangka pendek swasta			–36,000
Kesilapan dan ketinggalan			–10,337
di mana:			
Kerugian dari penilaian semula kadar pertukaran			*–5,335*
Keseluruhan defisit			-3,703
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			113,541
(AS$ juta)			29,879

a Anggaran

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

1999). Ini merupakan perkembangan yang positif kerana ia mencerminkan peningkatan import yang lebih nyata untuk memenuhi permintaan sektor eksport, pengembangan kapasiti pelaburan oleh sektor perkilangan yang berorientasikan eksport serta sektor perkhidmatan dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang pesat.

Defisit perkhidmatan juga meningkat pada tahun 2000, mencerminkan prestasi ekonomi dalam negeri yang keseluruhannya kukuh serta aktiviti berkaitan perdagangan yang pesat. Apa yang nyata, peningkatan defisit perkhidmatan adalah disebabkan oleh pembayaran bersih pendapatan pelaburan yang terakru kepada pelabur asing yang lebih tinggi, hasil daripada pendapatan eksport yang lebih baik. Daripada pembayaran keuntungan dan dividen ini, adalah dianggarkan bahawa satu pertiga daripadanya dikekalkan di Malaysia untuk tujuan pengembangan aktiviti. Pada tahun 2000, penerimaan perkhidmatan juga meningkat, terutamanya dalam akaun pelancongan, pendidikan dan akaun pengangkutan yang lain.

Akaun modal jangka panjang kekal kukuh pada tahun 2000, dengan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berkekalan, disalurkan terutamanya ke dalam industri elektrik dan elektronik dan petrokimia yang bernilai tinggi serta dalam sektor perkhidmatan. Aliran masuk bersih berkurangan sedikit berbanding tahun 1999 disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang nyata dalam pembayaran balik hutang luar negeri oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK) serta pelaburan di luar negeri yang lebih tinggi. Pembayaran balik hutang telah menyumbang kepada kekukuhan kedudukan hutang luar negeri Malaysia dan seterusnya mengurangkan risiko pendedahan kepada kejutan luaran. Pelaburan di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia adalah terutamanya dalam pelaburan yang memberi keuntungan strategik dari segi meningkatkan prospek perolehan pertukaran asing daripada eksport barangan dan perkhidmatan dalam jangka sederhana.

Akaun modal jangka pendek mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM36 bilion disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk peningkatan aset luaran bank-bank perdagangan, terutamanya dalam bentuk penyimpanan dana di luar negeri untuk tujuan lindung nilai urus niaga yang berkaitan dengan perdagangan, serta pembayaran balik pinjaman luar negeri jangka pendek yang nyata oleh bank-bank perdagangan dan sektor swasta bukan bank. Sebahagian daripada aliran keluar juga mencerminkan pendahuluan dan lat *(leads and lag)* yang biasa dalam membawa balik perolehan eksport oleh pengeksport berserta peningkatan kredit perdagangan yang diberikan kepada pengimport asing disebabkan oleh kadar faedah luar negeri yang lebih tinggi. Aliran keluar modal portfolio pada tahun 2000 telah berkurangan berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Pada peringkat awal tahun 2000, terdapat aliran masuk modal portfolio yang nyata sebanyak RM8.3 bilion (AS$2.2 bilion). Walau bagaimanapun, kebimbangan para pelabur terhadap ketidaktentuan keseluruhan pasaran kewangan sedunia telah mengakibatkan pengaliran keluar modal portfolio dari rantau ini, termasuklah Malaysia.

Oleh yang demikian, penjualan dan pemulangan balik pelaburan portfolio oleh pelabur-pelabur asing pada separuh tahun kedua berjumlah sebanyak RM12.3 bilion (AS$3.2 bilion). Walau bagaimanapun, lebihan yang tinggi dalam imbangan asas (lebihan dalam akaun semasa dan aliran masuk modal jangka panjang) telah dapat menampung sebahagian besar aliran keluar modal jangka pendek ini.

Graf 1.45
Malaysia: Imbangan Pembayaran



Aliran Modal



Rizab Antarabangsa Bersih



Kesilapan dan ketinggalan berjumlah sebanyak RM10.3 bilion, mencerminkan kerugian buku daripada penilaian semula sebanyak RM5.3 bilion hasil daripada peningkatan nilai dolar AS berbanding mata wang utama. Setelah mengambil kira kerugian buku ini, kesilapan dan ketinggalan yang berjumlah sebanyak RM5 bilion mencerminkan kesilapan dan ketidakseimbangan yang biasa berlaku dalam proses pengumpulan statistik imbangan pembayaran. Ini merupakan kurang daripada satu peratus daripada jumlah dagangan dan berada dalam linkungan 5% daripada jumlah dagangan, iaitu paras yang boleh diterima secara amnya. Selepas mengambil kira kesilapan dan ketinggalan, imbangan keseluruhan mencatatkan defisit sebanyak RM3.7 bilion atau AS$1 bilion. Akibatnya, rizab antarabangsa BNM telah berkurangan kepada RM113.5 bilion (AS$29.9 bilion) pada akhir tahun 2000.

Perubahan kepada paras rizab pada tahun 2000 mencerminkan terutamanya urus niaga perdagangan dan pengaliran modal yang disebabkan oleh ekonomi yang lebih kukuh. Selain daripada itu, terdapat juga perolehan eksport yang disimpan di dalam akaun mata wang asing dengan bank-bank di Malaysia *(decentralization of reserves)*. Sementara paras rizab berkurangan, kedudukan mudah tunai luaran Malaysia telah mengukuh disebabkan oleh pengurangan dalam hutang luar negeri jangka pendek. Paras rizab yang berjumlah AS$29.9 bilion kekal tinggi dan merupakan 6.5 kali hutang jangka pendek pada akhir tahun 2000 berbanding 5.1 kali pada akhir tahun 1999. Selepas mengambil kira hutang jangka sederhana dan panjang yang matang dalam jangka masa 12 bulan, paras rizab adalah tiga kali ganda lebih daripada hutang jangka pendek.

Prestasi akaun perdagangan kekal menggalakkan pada tahun 2000, mencatatkan lebihan bagi tiga tahun berturut-turut dan disokong oleh permintaan luaran yang mengukuh terhadap eksport barangan elektronik, peralatan elektrik dan perkilangan yang lain daripada Amerika Syarikat dan rantau Asia Pasifik. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan import yang lebih cepat (25.7%) berbanding dengan eksport (16.1%), lebihan perdagangan, walaupun besar, telah berkurangan kepada RM60.9 bilion (AS$16 bilion). Berikutan keadaan ekonomi dunia yang bertambah baik dan perkembangan berterusan dalam perdagangan sedunia, jumlah perdagangan

Jadual 1.23
Perdagangan Luar Negeri

	1999	2000	1999	2000
	RM bilion		AS$ bilion	
Eksport kasar (f.o.b)	321.6	373.3	84.6	98.2
Perubahan tahunan (%)	12.2	16.1	15.5	16.1
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	19.7	11.6	19.7	11.6
Harga[1]	−5.6	6.2	−2.7	6.2
Import kasar (c.i.f)	248.5	312.4	65.4	82.2
Perubahan tahunan (%)	8.9	25.7	12.2	25.7
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	14.9	18.6	14.9	18.6
Harga[1]	−5.2	6.0	−2.4	6.0
Imbangan perdagangan	73.1	60.9	19.2	16.0

[1] Kiraan jumlah dagangan dan harga adalah anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Malaysia telah berkembang sebanyak 20.3% kepada RM686 bilion, untuk mencakup sebanyak 221% daripada KNK pada tahun 2000 (1999: 204% daripada KNK).

Jumlah eksport kasar kekal kukuh pada tahun 2000, meningkat sebanyak 16.1% kepada RM373.3 bilion (AS$98.2 bilion). Peningkatan yang kukuh ini adalah disebabkan oleh pemulihan dalam harga eksport dan peningkatan selanjutnya dalam jumlah eksport. Peningkatan eksport berpunca terutamanya daripada permintaan sedunia yang mapan ke atas eksport perkilangan, khususnya barangan elektronik dan elektrik, serta perkembangan yang teguh dalam barangan perkilangan berasaskan minyak dan juga hasil yang lebih tinggi daripada eksport bahan galian berikutan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Sebaliknya, penerimaan daripada eksport pertanian berkurangan terutamanya disebabkan kemerosotan eksport minyak kelapa sawit. Pertumbuhan dalam import meningkat cepat kepada 25.7% untuk mencapai sebanyak RM312.4 bilion (AS$82.2 bilion), mencerminkan peningkatan dalam kedua-dua harga dan jumlah import. Peningkatan jumlah import disokong oleh permintaan kukuh terhadap barangan perantaraan dan barangan modal, terutamanya untuk sektor eksport.

Mencerminkan perkembangan dalam akaun perdagangan, **akaun dagangan** mencatatkan lebihan yang besar sebanyak RM79.5 bilion (1999: RM86.5 bilion).

Pertumbuhan **eksport perkilangan** pada tahun 2000 terus disokong oleh permintaan yang mapan daripada negara-negara perindustrian utama dan ekonomi-ekonomi serantau. Sebagai mencerminkan perkembangan yang menyeluruh, eksport industri yang berasaskan sumber dan juga industri yang tidak berasaskan sumber, terutamanya yang mengeluarkan barangan elektronik, keluaran elektrik, perabot, keluaran kimia dan keluaran petroleum, terus meningkat dan menyumbang kepada pertumbuhan eksport. Pada tahun tersebut, eksport barang perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 17% (1999: 14.3%), di mana bahagiannya terus meningkat untuk mencakup

Graf 1.46
Prestasi Eksport Sektor Perkilangan



Graf 1.47
Eksport Berasaskan Sumber dan Bukan Sumber



sebanyak 85.2% daripada jumlah eksport kasar (1999: 84.5%). Peningkatan perolehan eksport adalah hasil daripada jumlah eksport yang lebih tinggi dan kenaikan harga eksport yang berterusan.

Di samping usaha pengeksport Malaysia untuk terus meningkatkan tahap daya saing mereka di peringkat antarabangsa, termasuk produktiviti, mutu keluaran dan ketepatan perkhidmatan, langkah-langkah yang diambil bagi mengukuh dan menstruktur semula operasi perniagaan untuk mempertingkatkan keberkesanan kos turut membantu pengeksport-pengeksport mencapai kedudukan yang lebih baik dalam pasaran antarabangsa yang semakin berdaya saing.

Eksport sektor komoditi kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.8% atau RM49.7 bilion disebabkan keseluruhannya oleh kenaikan yang nyata dalam eksport perlombongan. Perolehan yang tinggi daripada **perlombongan** sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam eksport minyak mentah dan gas asli cecair. Manakala jumlah eksport minyak mentah merosot memandangkan terdapat kekangan penawaran dalam negeri, kenaikan harga minyak mentah yang ketara telah menyebabkan perolehan eksport yang lebih tinggi daripada komoditi ini. Eksport minyak menyumbang sebanyak 9.5% kepada peningkatan dalam perolehan eksport berbanding dengan purata kira-kira 2% pada tahun-tahun sebelumnya. Eksport gas asli cecair meningkat, mencerminkan harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi.

Perolehan eksport daripada **komoditi pertanian** adalah lebih rendah pada tahun 2000 disebabkan kemerosotan yang nyata dalam perolehan eksport

Jadual: 1.24
Eksport Kasar

	2000*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Sektor Perkilangan	317,937	17.0	85.2
di antaranya:			
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	230,425	18.1	61.7
Elektronik	166,807	15.1	44.7
Separa konduktor	*71,071*	*8.5*	*19.0*
Komponen elektronik	*95,737*	*20.6*	*25.6*
Jentera dan peralatan elektrik	63,618	26.8	17.0
Barangan elektrik pengguna	*26,499*	*22.0*	*7.1*
Barangan elektrik perindustrian dan komersial	*23,633*	*43.2*	*6.3*
Perkakas dan jentera elektrik perindustrian	*12,584*	*13.3*	*3.4*
Peralatan elektrik isi rumah	*903*	*8.8*	*0.2*
Tekstil, pakaian dan kasut	10,388	9.7	2.8
Kimia dan keluaran kimia	15,033	35.4	4.0
Keluaran kayu	6,801	–2.6	1.8
Keluaran logam	8,618	9.6	2.3
Kelengkapan pengangkutan	2,894	–43.4	0.8
Keluaran getah	4,740	-6.3	1.3
Kelengkapan optik dan saintifik	6,828	41.3	1.8
Sektor Pertanian	22,913	–17.2	6.1
di antaranya:			
Minyak sawit	*9,948*	*–31.3*	*2.7*
Kayu siap digergaji	*3,020*	*7.6*	*0.8*
Kayu balak	*2,489*	*–6.5*	*0.7*
Getah	*2,571*	*9.7*	*0.7*
Sektor Galian	26,800	55.8	7.2
di antaranya:			
Minyak mentah	*14,241*	*53.0*	*3.8*
Gas asli cecair	*11,300*	*78.0*	*3.0*
Timah	*435*	*–11.4*	*0.1*
Lain-lain	5,657	14.1	1.5
Jumlah	373,307	16.1	100.0

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

minyak sawit, terutamanya akibat harga eksport yang lebih rendah, memandangkan keadaan bekalan minyak sayuran sedunia yang berlebihan. Duti import yang lebih tinggi yang dikenakan oleh pasaran tradisional (India dan Pakistan) turut menjejaskan jumlah eksport. Begitu juga dengan eksport kayu balak yang merosot pada tahun 2000. Sebaliknya, perolehan eksport daripada kayu siap digergaji dan getah meningkat sedikit, disumbangkan oleh jumlah eksport dan nilai unit eksport yang lebih tinggi.

Graf 1.48
Pengeluaran Perkilangan, Eksport dan Barangan Pengantara



Import **barangan pengantara** berkembang sebanyak 25.6%, mencakupi 73.8% daripada jumlah import. Pertambahan dalam import adalah terutamanya untuk alat ganti serta aksesori barangan modal dan bekalan perindustrian yang telah diproses (masing-masing meningkat sebanyak 25.8% dan 17.4%), di mana kedua-duanya adalah barangan utama yang digunakan sebagai alat gantian komponen dalam pengeluaran eksport barangan perkilangan. Yang terpenting adalah kenaikan import alat ganti dan aksesori barangan modal yang lebih tinggi yang menyumbang kira-kira 45% daripada jumlah peningkatan import. Barangan utama yang menyumbang kepada peningkatan dalam sub-kumpulan utama ini adalah import alat ganti komponen elektronik dan alat ganti dan aksesori telekomunikasi. Semua ini adalah input yang diperlukan untuk pengeluaran semikonduktor dan peralatan dan alat ganti elektronik yang mengalami peningkatan yang kukuh dalam tempahan jualan luar negeri. Item-item ini merangkumi lebih kurang tiga-perempat daripada import alat ganti dan aksesori barangan modal dan 33% daripada jumlah import, mencerminkan kepentingan industri elektronik sebagai peneraju utama dalam pengeluaran perkilangan dan pertumbuhan ekonomi sepanjang tahun ini.

Import kasar meningkat dengan kukuh sebanyak 25.7% pada tahun 2000. Peningkatan dicatatkan dalam semua kategori. Momentum pertumbuhan import disokong terutamanya oleh permintaan yang kukuh bagi import barangan pengantara dan barangan modal. Import tersebut adalah terutamanya untuk pengembangan dalam pengeluaran perkilangan hasil daripada prestasi ekonomi yang lebih kukuh. Import barangan modal juga meningkat dengan penambahan dalam aktiviti pelaburan, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Satu lagi faktor penting adalah peningkatan kukuh dalam import barangan pengantara yang berhubung dengan pengilangan barangan bagi pasaran tempatan. Khususnya, nilai import bahan api utama dan pelincir yang diproses telah meningkat dua kali ganda sepanjang tahun ini, mencerminkan perkembangan harga antarabangsa bagi minyak mentah dan kenaikan jumlah yang disebabkan oleh peningkatan permintaan daripada industri bagi kegunaan tempatan. Sejajar dengan prestasi yang kukuh dalam industri pemasangan motor dan jualan kereta penumpang, import alat ganti dan aksesori bagi peralatan pengangkutan juga meningkat dengan ketara sebanyak 49.1%.

Sementara import pengantara adalah peneraju utama bagi pertumbuhan import, import bagi **barangan modal** juga memberi kesan yang ketara, mewakili 23.8% daripada peningkatan keseluruhan import. Mencerminkan pemulihan dalam aktiviti pelaburan, import barangan modal meningkat dengan kukuh sebanyak 47.7% pada tahun 2000. Dengan itu, bahagian barangan modal meningkat kepada 15.1% daripada jumlah import (12.8% pada tahun 1999). Pelaburan dalam bidang pertumbuhan yang baru seperti teknologi maklumat dan komunikasi dan aktiviti pengembangan kapasiti

mengikut industri, terutamanya sektor perkilangan yang berorientasikan eksport hasil daripada penggunaan kapasiti yang meningkat, menyokong pertumbuhan yang kukuh dalam import barangan modal. Sebahagian daripada import barangan modal yang bernilai tinggi termasuk alat jentera dan kelengkapan perindustrian untuk sektor perkilangan, alat jentera penjana kuasa, turbin dan alat motor elektrik untuk penjanaan kuasa; alat kelengkapan telekomunikasi dan peralatan pejabat. Sementara itu, import alat kelengkapan pengangkutan terus merosot disebabkan terutamanya oleh import yang lebih rendah bagi kapalterbang dan kapal disebabkan syarikat pengangkutan utama mengukuhkan kedudukan mereka selepas program pengembangan pada tahun-tahun sebelumnya. Ini lebih daripada mengimbangi import yang lebih tinggi bagi kenderaan perdagangan dan bas yang meningkat sebanyak 16.4% selaras dengan aktiviti ekonomi yang mapan.

Sejajar dengan pemulihan dalam perbelanjaan swasta berikutan bertambahnya pendapatan boleh guna dan meningkatnya keyakinan pengguna, import barangan penggunaan meneruskan arah aliran menaiknya sebanyak 17.2% pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, import barangan penggunaan mencakupi bahagian yang kecil daripada jumlah import (5.6%). Pertumbuhan import barangan penggunaan adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam import barangan pengguna, dan sebahagian kecil oleh import makanan dan minuman. Barangan pengguna tahan lama yang meningkat dengan ketara termasuklah alat kelengkapan audio dan video

Jadual 1.25
Import Kasar Mengikut Penggunaan Akhir

	2000*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan modal	**47,064**	**47.7**	**15.1**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	44,762	57.7	14.3
Alat jentera dan perkakas untuk industri	*19,441*	*46.2*	*6.2*
Alat kelengkapan pejabat	*5,000*	*17.7*	*1.6*
Alat kelengkapan telekomunikasi	*3,534*	*118.8*	*1.1*
Alat kelengkapan pengangkutan	2,303	–34.0	0.7
Barangan pengantara	**230,611**	**25.6**	**73.8**
Makanan dan minuman, khusus untuk industri	3,869	–3.3	1.2
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	69,086	17.4	22.1
Logam dan barangan logam	*18,732*	*12.4*	*6.0*
Bahan kimia	*7,742*	*29.8*	*2.5*
Bahan api dan pelincir	12,084	102.9	3.9
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	141,347	25.8	45.2
Elektronik	*94,839*	*27.7*	*30.4*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan telekomunikasi	*8,646*	*33.1*	*2.8*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	4,224	49.1	1.4
Barangan penggunaan	**17,372**	**17.2**	**5.6**
Makanan dan minuman, khusus untuk penggunaan isirumah	6,463	6.7	2.1
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	101	12.4	0.0
Barangan pengguna, t.s.t.l.	10,808	24.5	3.5
Barangan tahan lama	*2,196*	*39.8*	*0.7*
Barangan separa tahan lama	*4,482*	*39.5*	*1.4*
Barangan tidak tahan lama	*4,130*	*5.9*	*1.3*
Barangan dua guna	**6,391**	**29.5**	**2.0**
Minyak	2,467	51.3	0.8
Kereta penumpang	3,924	18.8	1.3
Lain-lain	**4,679**	**6.0**	**1.5**
Eksport semula	**6,309**	**–28.4**	**2.0**
Import kasar	**312,427**	**25.7**	**100.0**

a Awalan
t.s.t.l.: Tidak disenarai di tempat lain.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

(55.3%) dan perabot (56.3%), sementara pertumbuhan dalam import barangan elektrik rumahtangga seperti mesin basuh, ketuhar elektrik dan peti sejuk menjadi stabil selepas mencatat peningkatan kukuh dua angka pada tahun 1999. Import barangan pengguna separa tahan lama yang meningkat dengan ketara termasuklah pakaian dan kasut; perkakas rumah serta pita dan rekod. Import barangan tidak tahan lama bertambah sedikit, dengan import sabun dan kosmetik yang lebih tinggi di mana diimbangi sebahagiannya oleh import ubat yang lebih rendah. Import barangan **dua guna** meningkat dengan ketara disebabkan oleh import minyak yang lebih tinggi mencerminkan harga minyak yang tinggi, dan peningkatan dalam import kereta penumpang.

Corak perdagangan Malaysia kekal secara relatifnya tidak berubah pada tahun 2000. Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Kesatuan Eropah merupakan **rakan perdagangan yang utama**, mencakupi 64.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. **Amerika Syarikat** kekal sebagai rakan perdagangan utama Malaysia, walaupun bahagiannya daripada jumlah perdagangan menurun lagi kepada 18.7% (1999: 19.9%). Walaupun permintaan terhadap barangan Amerika Syarikat meningkat dengan nyata (19.7%), sebahagiannya disebabkan oleh harga import yang lebih tinggi, permintaan Amerika Syarikat terhadap barangan Malaysia menjadi sederhana (8.8%). Ini sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi, terutamanya pada suku keempat, sejajar dengan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat menjelang akhir tahun 2000 dan pengurangan jualan bagi industri elektronik sedunia. Akibatnya, walaupun lebihan dua-hala Malaysia masih tinggi, ianya menurun kepada RM24.7 bilion (1999: RM27.1 bilion).

Jepun mengekalkan kedudukannya sebagai rakan perdagangan yang kedua penting. Bahagiannya meningkat kepada 16.7% daripada jumlah perdagangan (1999: 15.6%), disebabkan oleh peningkatan yang kukuh dalam kedua-dua eksport dan import. Jepun memperkukuhkan kedudukannya sebagai sumber import paling penting bagi Malaysia, dengan meningkatkan lagi bahagian pasarannya kepada 21.1% daripada jumlah import. Ini mencerminkan peningkatan yang nyata dalam import, khususnya import alat

Jadual 1.26
Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2000*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta
Negara-negara Asia Tenggara terpilih	97,905	26.2	74,701	23.9	23,204
Singapura	68,592	18.4	44,704	14.3	23,888
Negeri Thai	13,492	3.6	12,067	3.9	1,425
Indonesia	6,488	1.7	8,622	2.8	–2,134
Filipina	6,561	1.8	7,565	2.4	–1,004
Lain-lain negara ASEAN	2,772	0.7	1,743	0.5	1,029
Kesatuan Eropah (EU)	51,026	13.7	33,692	10.8	17,334
United Kingdom	11,572	3.1	6,102	2.0	5,470
Jerman	9,333	2.5	9,276	3.0	57
Negeri Belanda	15,612	4.2	2,209	0.7	13,403
Lain-lain	14,509	3.9	16,105	5.1	–1,596
Amerika Syarikat	76,584	20.5	51,863	16.6	24,721
Jepun	48,742	13.1	65,860	21.1	–17,118
Republik Rakyat China	11,506	3.1	12,310	3.9	–804
Hong Kong SAR	16,872	4.5	8,602	2.8	8,270
Taiwan	14,226	3.8	17,521	5.6	–3,295
Korea Selatan	12,383	3.3	13,921	4.5	–1,538
India	7,314	2.0	2,755	0.9	4,559
Australia	9,217	2.5	6,096	2.0	3,121
Lain-lain negara di dunia	27,532	7.3	25,106	7.9	2,426
Jumlah	373,307	100.0	312,427	100.0	60,880

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

jentera, komponen elektronik dan elektrik serta alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan. Eksport ke Jepun juga berkembang dengan ketara sebanyak 30.7%, sebahagian besarnya mencerminkan penerimaan eksport daripada galian bahan api yang meningkat disebabkan oleh harga minyak mentah dan gas asli cecair yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, defisit perdagangan tradisional dengan Jepun melebar kepada RM17.1 bilion (1999: RM14.5 bilion).

Singapura kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia yang ketiga penting, mencakupi bahagian yang lebih tinggi sebanyak 16.5% daripada jumlah perdagangan, berbanding dengan 15.4% pada tahun 1999. Aktiviti perdagangan serantau yang meningkat dan penambahan peralihan oleh pejabat-pejabat serantau di Singapura daripada negara-negara lain, menyumbang kepada bahagian eksport yang lebih tinggi ke Singapura. Hasilnya, lebihan perdagangan dengan Singapura meningkat kepada RM23.9 bilion. Sementara itu, perdagangan dengan **Kesatuan Eropah (EU)** menurun sedikit dari segi kepentingan relatifnya daripada 13.9% daripada jumlah perdagangan pada tahun 1999 kepada 12.4% pada tahun 2000. Eksport ke Kesatuan Eropah kekal pada paras tahun 1999 walaupun jumlah eksport Malaysia yang pesat berkembang. Nilai import daripada Kesatuan Eropah bertambah sebanyak 16.3% tetapi kepentingannya sebagai sumber import menurun sedikit.

Corak perdagangan dengan beberapa negara Asia Timur lain menunjukkan arah aliran yang bercampur-campur, mencerminkan perkembangan ekonomi dalam negeri di negara-negara rakan, dan arah aliran di kalangan pengilang dan pedagang yang lebih mementingkan perolehan sumber-sumber sedunia berdasarkan keberkesanan kos. Secara umumnya, perdagangan dua hala dengan beberapa rakan perdagangan ASEAN berkembang pada tahun ini. Bahagian eksport ke negara-negara Asia Timur mencatat pertumbuhan ekonomi yang kukuh, termasuk Republik Rakyat China, Hong Kong SAR dan Korea, yang bertambah baik pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, memandangkan pengimport terus memperolehi bahan daripada pembekal yang mengenakan kos lebih rendah, Malaysia mengalami defisit perdagangan dengan Republik Rakyat China buat kali pertama sejak tahun 1997, berserta dengan Filipina dan Indonesia. Untuk tahun ketiga berturut-turut, lebihan akaun dagangan yang kekal kukuh menghasilkan perolehan pertukaran asing yang mencukupi untuk membiayai defisit yang lebih tinggi dalam akaun perkhidmatan dan pindahan. Pada tahun 2000, aliran keluar bersih dalam **akaun pindahan** meningkat kepada RM7.7 bilion. Peningkatan ini mencerminkan penghantaran balik pendapatan yang lebih besar oleh sejumlah bilangan pekerja asing dalam negara ini. Jumlah pekerja asing yang berdaftar meningkat kepada 732,588 orang berbanding 697,219 orang pada tahun 1999, sebahagian besarnya untuk memenuhi permintaan buruh, terutamanya dalam sektor perkilangan yang berorientasikan eksport dan perkhidmatan.

Defisit **akaun perkhidmatan** meningkat kepada RM40.6 bilion atau 13.1% daripada KNK pada tahun 2000, akibat daripada permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan yang diimport selaras dengan perkembangan perdagangan luaran yang ketara dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih tinggi. Pembayaran kasar bertambah pada kadar yang lebih cepat sebanyak 18.7% berbanding perolehan kasar yang juga telah meningkat dengan kukuh sebanyak 14%. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, defisit yang lebih tinggi mencerminkan bayaran bersih yang lebih tinggi bagi pendapatan pelaburan yang terakru kepada pelabur asing dan tambang dan insurans serta bayaran perkhidmatan lain yang lebih tinggi.

Jadual 1.27
Akaun Perkhidmatan

Subsektor	1999	2000*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	–	Bersih
Tambang dan insurans	–9.4	5.7	18.5	–12.8
Pengangkutan lain	1.9	7.9	5.9	2.0
Perjalanan dan pendidikan	6.1	17.7	8.0	9.7
Pendapatan pelaburan	–20.3	6.9	34.9	–28.0
Urusniaga Kerajaan, t.d.d.	...	0.4	0.4	...
Perkhidmatan lain	–10.4	22.1	33.6	–11.5
Imbangan perkhidmatan				
RM bilion	-32.1	60.7	101.3	–40.6
AS$ bilion	–8.5	16.0	26.7	–10.7
% daripada KNK	–11.5			–13.1
% daripada KNK[1]	–8.9			–10.2

[1] Diselaraskan untuk mengecualikan bahagian untung dan dividen yang tidak diagihkan ke luar negeri.
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sementara itu, kemajuan yang ketara dalam penerimaan bersih telah dicatatkan dalam akaun perjalanan dan pendidikan serta pengangkutan yang lain. Defisit perkhidmatan akan berkurangan kepada 10.2% daripada KNK apabila diselaras untuk mengecualikan bahagian keuntungan dan dividen yang patut diberikan kepada pelabur asing yang mana telah dikekalkan di dalam Malaysia bagi tujuan pengembangan kapasiti.

Pembayaran bersih akaun **pendapatan pelaburan** (terdiri daripada pendapatan faedah dan keuntungan dan dividen) meningkat sebanyak 36.2% kepada RM28 bilion dan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada defisit dalam akaun perkhidmatan. Defisit yang lebih besar mencerminkan terutamanya keuntungan dan dividen terakru kepada pelabur asing langsung yang lebih tinggi, khususnya dalam industri elektronik dan elektrik yang berorientasikan eksport dan sektor minyak yang menikmati perolehan yang kukuh hasil daripada permintaan sedunia yang meningkat dan kenaikan dalam harga minyak pada separuh tahun kedua tahun 2000. Walau bagaimanapun, pengaliran keluar pendapatan pelaburan yang sebenar adalah lebih kecil memandangkan sebahagian besar daripada keuntungan dan dividen telah dikekalkan di dalam negeri untuk tujuan pengembangan kapasiti.

Berbeza dengan tiga tahun yang lalu, komponen pendapatan faedah telah mencatatkan kedudukan lebihan yang menyumbang kepada pengurangan defisit. Pulangan yang lebih tinggi daripada aset luar negeri Bank Negara Malaysia dan sektor korporat (termasuk bank perdagangan) adalah lebih daripada mengimbangi bayaran faedah yang meningkat sedikit ke atas hutang luar negeri.

Akaun **perkhidmatan lain** juga mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM11.5 bilion, disebabkan terutamanya oleh bayaran kontrak dan profesional, royalti dan yuran agensi yang lebih tinggi. Kemerosotan ini mencerminkan peningkatan permintaan bagi perkhidmatan profesional dan perundingan asing, terutamanya yang berkaitan dengan peningkatan dalam bidang maklumat, komunikasi dan teknologi (ICT), aktiviti penggabungan dan penyusunan semula sektor korporat, perkhidmatan perbankan dan kewangan. Perolehan eksport daripada perkhidmatan kontrak dan profesional yang diberikan oleh rakyat Malaysia kepada rakyat asing, yang mana menunjukkan peningkatan dalam arah aliran semenjak pertengahan tahun 1990, menjadi stabil pada tahun 2000. Penerimaan daripada perkhidmatan profesional kekal tinggi iaitu sebanyak RM8.8 bilion. Perkhidmatan eksport yang disediakan oleh rakyat Malaysia dalam bidang ini telah dipelbagaikan merangkumi spektrum yang lebih luas, iaitu perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan pentadbiran dan operasi, perkhidmatan teknikal serta pembinaan dan pemasangan.

Perkembangan yang kukuh dalam perdagangan luaran berserta dengan penyelarasan dalam kadar tambang oleh syarikat perkapalan antarabangsa hasil daripada kos minyak yang lebih tinggi mengakibatkan akaun **tambang dan insurans** mencatatkan pembayaran bersih yang nyata lebih tinggi sebanyak RM12.8 bilion. Pembayaran yang lebih tinggi ini diimbangi

Graf 1.49
2000: Komponen Pembayaran Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



Graf 1.50
2000: Komponen Perolehan Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



sebahagiannya oleh perolehan yang lebih baik daripada perkhidmatan kargo yang disediakan oleh syarikat perkapalan tempatan yang utama dan penerbangan nasional.

Lebihan bersih dalam akaun **perjalanan dan pendidikan** berkembang sebanyak 58.7% kepada RM9.7 bilion. Sementara peningkatan dalam pembayaran kasar adalah sederhana, penerimaan kasar mencatatkan peningkatan yang nyata dalam kedua-dua akaun pelancongan dan pendidikan. Aliran masuk bersih daripada pelancongan terus meningkat, mendapat faedah terutamanya daripada peningkatan yang nyata dalam ketibaan pelancong yang mencapai catatan rekod sebanyak 10.2 juta orang pelawat (1999: 7.9 juta orang). Penerimaan pelancong (termasuk pelawat harian) mencatatkan paras yang belum pernah dicapai, iaitu sebanyak RM17.4 bilion pada tahun 2000. Peningkatan sebanyak 29.6% dalam penerimaan tersebut mencerminkan kejayaan usaha dan dasar yang disasarkan dengan betul, termasuk promosi secara intensif dalam pasaran yang berpotensi tinggi (termasuk Republik Rakyat China, India, negara-negara Timur Tengah, Amerika Syarikat dan Eropah), pelonggaran peraturan bagi keperluan visa pelancong, penganjuran persidangan dan acara sukan antarabangsa yang utama dan karnival membeli-belah untuk mempromosikan negara ini sebagai syurga membeli-belah. Acara perlumbaan *Formula One*, khususnya, menarik lebih kurang 90,000 orang pelawat dan menghasilkan lebih kurang RM1 bilion perolehan pertukaran asing.

Sementara itu, langkah-langkah yang dilaksanakan pada pertengahan tahun 1990 untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau juga mendatangkan hasil yang positif dengan perolehan pendidikan bertambah sebanyak 60%. Jumlah pelajar-pelajar asing dalam semua peringkat pendidikan (merangkumi pendidikan tinggi, menengah dan rendah) di institusi pendidikan awam dan swasta meningkat kepada 26,649 orang pelajar (1999: 20,175 orang pelajar). Pelajar-pelajar dari Indonesia, Republik Rakyat China, Singapura dan India mencakupi sebahagian besar daripada pelajar-pelajar asing di Malaysia.

Dari segi pembayaran kasar, paras pendapatan yang lebih tinggi, aktiviti perniagaan luar negeri yang meningkat dan prospek yang bertambah baik menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan sebanyak 6.4% dalam perbelanjaan perjalanan dan pendidikan luar negeri kepada RM8 bilion. Walau bagaimanapun, dari segi dolar Amerika Syarikat, aliran keluar sebanyak AS$2.1 bilion masih berada di bawah paras sebelum krisis yang berjumlah AS$2.6 bilion pada tahun 1997. Promosi aktiviti pelancongan dalam negeri yang giat dan pengambilan pelajar yang meningkat di universiti tempatan dan kolej swasta telah sedikit sebanyak menyederhanakan aliran keluar tersebut.

Graf 1.51
Ketibaan dan Perolehan Pelancongan



a Awalan

Lebihan bersih dalam akaun **pengangkutan lain** juga bertambah baik hasil daripada perolehan tambang penumpang yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan perolehan yang meningkat daripada aktiviti yang berkaitan dengan pelabuhan dan lapangan terbang serta perkhidmatan sewa khas, selaras dengan perjalanan perniagaan dan pelancongan yang lebih tinggi dan perdagangan luaran yang meningkat. Khususnya, truput kargo kontena bagi lima buah pelabuhan utama (iaitu Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Bintulu) meningkat dengan nyata sebanyak 32.1% kepada 5.1 juta TEU pada tahun 2000. Perolehan yang lebih tinggi adalah disebabkan terutamanya oleh usaha strategik yang diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan yang bertaraf dunia bagi meningkatkan daya tarikan dan daya saing pelabuhan tempatan utama sebagai sebuah pusat pemindahan kargo serantau.

Di dalam **akaun modal**, aliran masuk bersih modal jangka panjang berkurangan sedikit kepada RM11.5 bilion pada tahun 2000, disebabkan keseluruhannya oleh pembayaran balik pinjaman luar negeri yang lebih tinggi oleh sektor awam. Walau bagaimanapun, aliran masuk modal jangka panjang swasta telah meningkat. Perkembangan di dalam akaun modal jangka panjang pada tahun 2000 mencerminkan komitmen bagi mengawal hutang luar negeri pada tahap berhemat. Oleh yang demikian, walaupun imbangan akaun modal jangka panjang adalah lebih rendah berbanding tahun 1999, risiko pendedahan negara terhadap kejutan luaran telah berkurangan. Pelaburan di dalam ekonomi adalah lebih tinggi pada tahun 2000 tetapi kebanyakannya telah dibiayai melalui sumber tempatan yang tidak bersifat inflasi atau melalui ekuiti asing baru dan keuntungan yang dilaburkan semula, dan bukannya daripada pinjaman luar negeri.

Akaun modal jangka panjang rasmi telah mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih rendah iaitu sebanyak RM4 bilion pada tahun 2000, oleh kerana pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK) telah lebih daripada mengimbangi pinjaman-pinjaman baru yang diterima dari luar negeri. Kerajaan Persekutuan terus dengan dasarnya untuk mengekalkan hutang pada tahap yang rendah. Oleh yang demikian, peluang untuk mendapatkan dana jangka panjang daripada pasaran modal antarabangsa pada tahun 2000 hanya dipenuhi untuk menunjukkan kehadiran di pasaran dan untuk menyediakan tanda aras untuk syarikat di Malaysia. Nota-nota AS$1 bilion yang matang pada tahun 2009 telah dibuka semula sebanyak AS$500 juta dan nota-nota Euro650 juta yang pertama telah dilancarkan. Pada masa yang sama, pembayaran balik hutang oleh Kerajaan Persekutuan meningkat dengan nyata pada tahun 2000 disebabkan terutamanya oleh tamatnya tempoh kematangan bon Yankee sebanyak AS$200 juta yang diterbitkan pada tahun 1990 serta penebusan kebanyakan daripada nota kadar terapung sebanyak AS$650 juta yang diterbitkan pada tahun 1985.

PABK telah meningkatkan pinjaman kasar pada tahun 2000, yang digunakan untuk membiayai perbelanjaan modal dalam negeri dan pelaburan di luar negeri serta membiayai semula pinjaman yang lebih mahal. Pinjaman baru ini termasuk penerbitan bon global untuk tempoh 10 tahun oleh anak syarikat Telekom. Walau bagaimanapun, pinjaman luar negeri bersih oleh PABK berkurangan berbanding tahun 1999 disebabkan oleh pembayaran balik dan pra bayaran yang nyata lebih tinggi.

Aliran masuk bersih **modal jangka panjang swasta** meningkat kepada RM7.5 bilion pada tahun 2000. Aliran masuk **Pelaburan Langsung Asing** (FDI) kekal stabil pada RM14.7 bilion atau 4.7% daripada KNK. Sumber utama pelaburan masih dalam bentuk keuntungan yang dilaburkan semula, mencakupi lebih kurang 60% daripada jumlah FDI diikuti dengan pelaburan ekuiti baru, yang mencakup bahagian sebanyak 39% dan bakinya dalam bentuk pinjaman antara syarikat. Aliran masuk ekuiti baru mencerminkan terutamanya dana yang dibawa masuk oleh pelabur asing bagi projek-projek pengembangan dan pelbagaian dan penubuhan penggabungan strategi baru dengan rakan kongsi di Malaysia. Ini termasuklah pemerolehan kepentingan sebanyak 30% oleh

Jadual 1.28
Imbangan Pembayaran: Akaun Modal

	1999	2000*a*	1999	2000*a*
	RM bilion		AS$ bilion	
Modal jangka panjang rasmi	**6.7**	**4.0**	**1.8**	**1.0**
Kerajaan Persekutuan				
Peminjaman kasar	4.8	4.8	1.3	1.3
Pembayaran balik	1.8	3.9	0.5	1.0
Peminjaman bersih	2.9	0.9	0.8	0.2
Perusahaan Awam Bukan Kewangan				
Peminjaman kasar	6.1	6.9	1.6	1.8
Pembayaran balik	2.2	3.8	0.6	1.0
Peminjaman bersih	3.9	3.2	1.0	0.8
Lain-lain	–0.1	–0.1	...	...
Modal jangka panjang swasta (bersih)	**5.9**	**7.5**	**1.6**	**2.0**
Pelaburan langsung asing di Malaysia	14.8	14.7	3.9	3.9
Pelaburan langsung asing ke luar negeri	–5.4	–7.7	–1.4	–2.0
Pinjaman oleh syarikat yang dikawal oleh pemastautin	–3.5	0.6	–0.9	0.1
Imbangan modal jangka panjang	**12.6**	**11.5**	**3.3**	**3.0**
Modal jangka pendek swasta (bersih)	**–37.7**	**–36.0**	**–9.9**	**–9.5**
Bank perdagangan	–10.9	–6.2	–2.9	–1.6
Lain-lain	–26.8	–29.8	–7.1	–7.8

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pelabur asing ke atas dua pelabuhan utama, berikutan daripada dasar meliberalisasi pemilikan ekuiti asing di dalam sektor perkhidmatan yang terpilih. Sehubungan ini, berbanding tahun-tahun sebelumnya di mana sebahagian besar FDI telah disalurkan ke dalam sektor perkilangan, kebanyakan daripada aliran masuk yang tinggi pada tahun 2000 telah disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan, yang mencakupi sebanyak 45% daripada jumlah FDI. FDI dalam sektor perkilangan pula mencakup bahagian sebanyak 33% manakala sektor minyak dan gas, 22%. Kebanyakan daripada pelaburan ke dalam sektor perkhidmatan telah disalurkan ke dalam sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, pelabuhan dan juga Koridor Raya Multimedia. Peminjaman oleh syarikat bukan pemastautin daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan berkurangan dengan nyata memandangkan kepada keadaan mudah tunai yang mencukupi di dalam negeri serta kadar faedah yang lebih tinggi di luar negeri.

Dari segi pelaburan di dalam sektor perkilangan, jumlah cadangan pelaburan asing yang diluluskan oleh Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia telah meningkat kepada RM19.8 bilion pada tahun 2000 (1999: RM12.3 bilion). Ini mencerminkan tahap keyakinan yang berterusan serta komitmen daripada pelabur asing sedia ada untuk terus melabur di Malaysia. Ini ditunjukkan oleh kelulusan yang tinggi bagi projek pengembangan dan pelbagaian, yang meningkat kepada RM10.9 bilion (1999: RM6.2 bilion). Beberapa industri berasaskan eksport yang sedang beroperasi pada tahap kapasiti penuh turut melaksanakan program pengembangan. Beberapa syarikat lain di Malaysia pula sedang meningkatkan kedudukan mereka dengan mengeluarkan produk yang lebih maju dan berteknologi tinggi, terutamanya produk elektrik dan elektronik serta produk petrokimia yang bernilai tinggi. Syarikat-syarikat ini juga tertarik kepada Pakej Galakan Istimewa yang telah disediakan oleh Kerajaan yang bertujuan untuk menarik pelaburan yang berkualiti bagi mengukuhkan lagi daya saing Malaysia. Dari segi sumber pelaburan, Amerika Syarikat, Jepun, Belanda dan Singapura kekal sebagai pelabur utama di negara ini. Selain daripada kelulusan yang lebih tinggi di dalam projek perkilangan, kelulusan bagi pelaburan asing di Koridor Raya Multimedia oleh Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC) telah berganda kepada RM4.2 bilion pada tahun 2000 berbanding RM2 bilion dalam tempoh 1997-1999.

Pada tahun 2000, **pelaburan di luar negeri** oleh syarikat Malaysia meningkat sebanyak RM7.7 bilion. Ini mencerminkan pelaburan yang lebih tinggi oleh syarikat milik warganegara Malaysia di dalam langkah untuk mengembangkan operasi mereka ke serata dunia atau untuk memperoleh teknologi yang lebih tinggi. Selain daripada itu, pelaburan luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan berian pinjaman yang lebih tinggi oleh syarikat yang dikawal oleh bukan pemastautin kepada syarikat berkaitan di luar negeri. Sebahagian besar daripada pelaburan oleh syarikat milik warganegara Malaysia ini dibuat oleh PABK dan telah disalurkan kepada sektor minyak dan gas serta sektor telekomunikasi, terutamanya di Sudan, Iran, Negeri Thai dan Ghana. Kebanyakan daripada syarikat lain pula melabur di syarikat pelaburan induk (bagi mendapatkan peluang pelaburan di negara lain) dan sektor pertanian.

Modal jangka panjang swasta dalam bentuk **pinjaman oleh syarikat milikan pemastautin** telah mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM0.6 bilion pada tahun 2000. Kebanyakan daripada pinjaman ini digunakan bagi tujuan penstrukturan semula hutang dan bagi membiayai pelaburan dalam negeri dan di luar negeri serta perbelanjaan modal yang lain.

Akaun modal jangka pendek terus mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM36 bilion, disebabkan oleh beberapa faktor. Sebahagian besar daripada aliran keluar ini disebabkan oleh peningkatan dalam aset luaran bank perdagangan, terutamanya dalam bentuk simpanan antara bank di luar negara. Ini mencerminkan peningkatan aktiviti lindung nilai oleh pengimport berikutan daripada import yang lebih tinggi pada tahun 2000. Terdapat juga pembayaran balik hutang jangka pendek yang nyata oleh bank-bank perdagangan. Sektor swasta bukan bank juga telah membayar balik hutang jangka pendek mereka. Selain daripada itu, berian kredit perdagangan kepada pengimport asing serta penyimpanan perolehan eksport di luar negara sehingga tempoh maksimum enam bulan dari tarikh eksport meningkat disebabkan oleh kadar faedah yang lebih tinggi di luar negara.

Rencana I

Satu Perspektif Terhadap Pelaburan Langsung Asing di Malaysia

Di dalam dua dekad yang lalu, Malaysia telah menerima aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang berterusan tinggi disebabkan oleh perkembangan antarabangsa, asas ekonomi, dasar rasmi dan perubahan struktur di dalam ekonomi. Rejim urus niaga yang terbuka dan liberal, pengurusan ekonomi makro yang utuh serta wawasan jangka panjang untuk mempercepatkan proses industrialisasi telah menghasilkan suasana pelaburan yang menggalakkan bagi kedua-dua pelabur tempatan dan pelabur asing. Selain daripada itu, proses liberalisasi peraturan dalam negeri yang berterusan juga merupakan satu faktor yang penting. Pada tahun 1986, pihak Kerajaan telah meliberalisasikan pemilikan ekuiti asing dan telah memperkenalkan Akta Galakan Pelaburan, 1986 bagi memberi insentif fiskal yang menarik. Langkah-langkah ini merupakan sebahagian daripada pakej keseluruhan bagi menggalakkan usaha menubuhkan perniagaan swasta dan keusahawanan bagi mencapai pertumbuhan dalam jangka panjang di samping terus mempelbagaikan aktiviti ekonomi. Dari segi perkembangan antarabangsa, kenaikan nilai yen yang tinggi berikutan daripada Persetujuan Plaza (1985) dan kemudiannya diikuti oleh mata wang negara perindustrian baru (NIEs), serta kos pengeluaran yang tinggi dan kekurangan buruh di negara-negara NIEs telah menyebabkan penempatan semula industri ke negara-negara membangun, termasuk Malaysia.

Graf I.1
Aliran Masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Malaysia



Pada tahap tertinggi pada tahun 1992-93, FDI telah merangkumi sebanyak 8.7% daripada KDNK. Selepas itu, aliran masuk ini telah menyederhana, tetapi kekal tinggi pada paras lebih kurang 6.6% daripada KDNK dalam tempoh tahun 1994–97. Aliran masuk FDI berkurangan pada bawah 4% daripada KDNK pada tahun 1998 disebabkan oleh gabungan beberapa faktor. Ini termasuk kapasiti global yang berlebihan, masalah dalaman yang dihadapi oleh negara pelabur utama dan ketidakpastian di dalam rantau yang berterusan. Walau bagaimanapun, kestabilan dan ketentuan yang disediakan oleh peraturan kawalan pertukaran asing tertentu dan kadar pertukaran tetap di samping komitmen Kerajaan untuk mengekalkan suasana yang menyokong perniagaan telah menyumbang kepada komitmen yang berterusan oleh syarikat multinasional kepada pelaburan jangka panjang di negara ini. Hasilnya, FDI meningkat untuk mencakup 4.9% daripada KDNK pada tahun 1999 dan kekal stabil pada paras yang lebih kurang sama pada tahun 2000. Pada tahun 2000, permohonan yang diterima untuk pelaburan perkilangan meningkat dengan nyata kepada RM29.7 bilion daripada RM9 bilion pada tahun 1999. Jumlah pelaburan dalam projek perkilangan yang diluluskan juga meningkat dengan nyata kepada RM19.8 bilion berbanding RM12.3 bilion pada tahun 1999, sementara kelulusan untuk pelaburan asing di Koridor Raya Multimedia meningkat kepada RM4.2 bilion (1999: RM1.1 bilion). Syarikat-syarikat ini tertarik kepada strategi baru yang diambil untuk menarik FDI ke dalam sektor yang digalakkan, sejajar dengan strategi pertumbuhan negara. Memandangkan kepada persaingan yang hebat untuk mendapatkan FDI, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah dan strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik dan menguntungkan.

Kebanyakan daripada aliran masuk FDI ke Malaysia pada tempoh tahun 1990-97 telah disalurkan ke sektor perkilangan yang mencakup lebih kurang 65% daripada jumlah aliran masuk FDI. Ini diikuti oleh sektor minyak dan gas (18%), perkhidmatan (10%) dan harta tanah (7%). Walaupun aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan dan minyak dan gas berterusan nyata, FDI ke dalam aktiviti berkaitan perkhidmatan telah meningkat dengan lebih pesat semenjak

Graf I.2
Pelaburan Langsung Asing
(Bahagian Mengikut Sektor)



kebelakangan ini. Semenjak tahun 1998, FDI disalurkan ke sektor yang lebih meluas. Bahagian FDI dalam sektor perkilangan telah berkurangan kepada lebih kurang 43% daripada jumlah aliran masuk FDI dalam tempoh tahun 1998-2000. Bahagian sektor minyak dan gas telah kekal tinggi pada paras 19% daripada jumlah FDI. Bahagian pelaburan dalam sektor perkhidmatan telah meningkat kepada 35%, mencerminkan terutamanya pelaburan di dalam perkhidmatan kewangan, perdagangan dan pemasaran, komunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan teknologi maklumat. Bahagian selebihnya diambil oleh pelaburan dalam sektor harta tanah.

Dari segi komponen, kebanyakan aliran masuk FDI semenjak awal tahun 1990an adalah dalam bentuk keuntungan yang tidak diagihkan, yang mencakup bahagian sebanyak 50% daripada aliran masuk FDI, diikuti oleh aliran masuk ekuiti baru (36%) dan pinjaman (14%). Bahagian besar keuntungan yang tidak diagihkan adalah hasil daripada insentif yang digubal untuk menggalakkan pelaburan semula oleh pelabur di Malaysia.

Sebelum berlakunya krisis, negara-negara pelabur utama adalah Jepun, Singapura, Amerika Syarikat, Taiwan dan United Kingdom. Setelah krisis kewangan Asia, komposisi pelabur utama ke negara berubah dengan nyata. Negara-negara yang meningkatkan pelaburan mereka ke dalam negara ini adalah Amerika Syarikat, diikuti oleh Jepun, Jerman dan Singapura.

Dari segi jumlah pelaburan swasta dalam sektor perkilangan, syarikat-syarikat asing merangkumi lebih kurang 60% daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan dalam tempoh sebelum krisis Asia, sebelum berkurangan kepada 40% dalam tempoh kebelakangan ini. Pada awal tahun 1980an, syarikat multinasional yang besar melabur dalam industri penggantian import, mengeluarkan barangan pengguna dan barangan pengantara yang mudah seperti barang perkakas elektrik rumah dan pemasangan komponen elektrik, kereta dan motosikal. Aliran masuk sebenar FDI dan intensiti modal pelaburan baru meningkat pada tahun 1990an, apabila Malaysia mula menarik lebih banyak pelaburan dalam barangan berintensif modal dan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi (Carta I.3). Peralihan struktur ini dicerminkan dalam peningkatan jumlah pelaburan asing dalam sektor perkilangan yang diluluskan, terutamanya pelaburan dalam industri elektrik dan elektronik serta industri kimia dan petrokimia.

Menjelang pertengahan tahun 1990an, keadaan pasaran buruh mengetat dan ternyata Malaysia tidak lagi mempunyai kelebihan berbanding dalam operasi perkilangan yang berintensif buruh. Strategi juga telah beralih untuk mempromosikan industri yang berteknologi tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Dalam bulan November, 1995, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian

Graf I.3
Intensiti Modal dan Saiz Projek



Graf I.4
Kelulusan Pelaburan Asing Mengikut Industri dan Eksport Barangan Perkilangan
Pada Tahun 1990 dan 2000



telah mengeluarkan satu garis panduan yang mendefinisikan industri berintensif buruh sebagai permulaan ke arah mengenal pasti projek-projek yang lebih berintensifkan modal. Sebagai panduan umum, projek yang mempunyai modal pelaburan bagi setiap pekerja yang kurang daripada RM55,000 tidak akan diberi pertimbangan untuk mendapatkan lesen perkilangan, kecuali di dalam keadaan yang tertentu. Pelan Induk Perindustrian Kedua yang telah dilancarkan pada pertengahan tahun 1990an juga merupakan satu titik tolak yang penting dalam menggerak negara ke arah industri yang mempunyai nilai ditambah dan teknologi yang lebih tinggi.

Perubahan dalam corak pelaburan dalam sektor perkilangan sepanjang tahun 1990an telah dicerminkan dalam perubahan corak eksport. Graf I.4 menunjukkan bahawa eksport barangan yang berteknologi tinggi, terutamanya barangan elektrik dan elektronik telah meningkat dengan ketara pada tahun 2000, sejajar dengan pelaburan yang lebih tinggi dalam industri tersebut.

Berbanding negara serantau, kehadiran pelabur asing di Malaysia adalah ketara walaupun sebelum bermulanya krisis. Dalam sektor perkilangan, bahagian pelabur asing tidak mempunyai had, manakala dalam sektor perkhidmatan, pelabur asing turut mempunyai bahagian yang besar. Sebagai contoh, dalam sektor kewangan di Malaysia, terdapat 14 buah bank yang dimiliki 100% oleh pelabur asing. Oleh itu, tindak balas dasar terhadap krisis tidak perlu ditumpukan kepada proses meliberalisasi atau menjual aset kepada bukan pemastautin.

Namun begitu, pemerolehan oleh pelabur asing telah digalakkan dalam beberapa bidang, contohnya seperti dalam industri telekomunikasi dan simen. Berikutan strategi ini, aliran masuk FDI ke Malaysia semenjak daripada krisis merupakan pelaburan dalam pengeluaran baru dan pengembangan kapasiti dan tidak banyak yang berkaitan dengan penggabungan dan pemerolehan. Pelaburan asing dalam sektor minyak dan gas adalah lebih nyata, mencakup lebih kurang 80% daripada jumlah pelaburan dalam sektor ini. Namun begitu, bahagian ini telah berkurangan kepada lebih kurang 70% dalam tempoh selepas krisis. Aliran masuk ini adalah untuk pelaburan dalam aktiviti mencari gali, pembangunan dan pengeluaran oleh syarikat minyak antarabangsa.

Walaupun terdapat had ke atas pemilikan ekuiti asing dalam sektor perkhidmatan, pihak Kerajaan telah meliberalisasikan had ekuiti di dalam beberapa sektor perkhidmatan, sejajar dengan keperluan ekonomi dan di dalam bidang di mana liberalisasi dikira boleh membawa kebaikan kepada ekonomi. Contoh yang terbaik adalah syarikat yang diberi status Koridor Raya Multimedia (MSC), di mana pemilikan ekuiti asing sebanyak 100% dibenarkan. Setakat ini terdapat 40 buah syarikat bertaraf antarabangsa di dalam MSC, hampir kepada sasaran Kerajaan untuk menarik sebanyak 50 buah syarikat bertaraf antarabangsa untuk beroperasi di dalam MSC menjelang tahun 2003. Sentimen pelaburan telah mengukuh pada tahun 2000. Kelulusan bagi pelaburan asing di dalam MSC yang diberikan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) telah berganda kepada RM4.2 bilion pada tahun 2000 berbanding RM2 bilion dalam tempoh tahun 1997-99.

Walaupun kemasukan baru ke dalam sektor perbankan dihadkan kepada jumlah pemegangan secara agregat sebanyak 30% dalam bank kawalan tempatan yang sedia ada, sektor kewangan di Malaysia telah pun mempunyai kehadiran asing yang ketara. Keseluruhannya, pelabur asing mencakup lebih kurang 20% daripada jumlah dana pemegang saham dalam sektor perbankan. Apa yang lebih nyata adalah bank asing telah mencakup sebanyak 25% daripada bahagian pasaran dalam sektor perbankan dari segi jumlah aset dan jumlah deposit pada akhir tahun 2000. Kehadiran pelabur asing di dalam sektor insurans di Malaysia juga adalah ketara, dengan mencakup lebih kurang 40% daripada jumlah dana pemegang saham dalam industri insurans. Walaupun mempunyai kehadiran pelabur asing yang tinggi di dalam sektor kewangan, Malaysia kekal komited kepada proses meliberalisasikan sektor kewangan dengan secara beransur-ansur dan progresif. Malaysia telah membuat komitmen yang nyata untuk meliberalisasi sektor kewangan di bawah *General Agreement on Trade in Services* di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang telah ditandatangani pada 29 Januari 1999. Antara komitmennya adalah: meningkatkan had ekuiti asing dalam syarikat insurans daripada 30% kepada 51% di bawah syarat tertentu; mengeluarkan enam lesen baru bagi insurans semula hayat membenarkan pemilikan ekuiti asing sebanyak 100% di dalam syarikat pengurusan dana; dan meliberalisasikan pelaburan perbankan, insurans serta pajakan kewangan di luar pesisir.

Dalam sektor perkhidmatan bukan kewangan, pihak Kerajaan juga telah meliberalisasikan dasar pemilikan ekuiti di dalam beberapa industri seperti telekomunikasi (daripada 30% kepada 61%)[1], agensi panghantaran (daripada 30% kepada 49%), dan agensi perkapalan (daripada 49% kepada 70%). Selain daripada itu, pihak Kerajaan juga menggalakkan penggabungan strategik atau usaha sama di antara syarikat Malaysia dan asing di dalam industri perkhidmatan yang lain. Di dalam Belanjawan 2001 baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengumumkan bahawa penglibatan pelabur asing dibenarkan bukan sahaja pada tahap milikan ekuiti tetapi juga pada tahap pengurusan pentadbiran di dalam sektor seperti tenaga, pelabuhan dan industri penerbangan. Sehubungan ini, beberapa syarikat utama dalam sektor perkhidmatan sedang dalam perundingan dengan beberapa pihak asing. Sementara keputusan muktamad belum lagi dicapai di dalam beberapa perundingan, terdapat beberapa pemerolehan dan penggabungan strategik yang berjaya dilaksanakan pada beberapa tahun kebelakangan ini. Ini termasuk pemerolehan

[1] Di dalam kes ini, ekuiti asing hendaklah diturunkan kepada 49% selepas lima tahun.

bahagian di dalam Binariang oleh British Telecom (1998), Pelabuhan Tanjung Pelepas oleh Maersk Sealand (2000) dan Wesport oleh Hutchinson Port Holdings (2000).

Mencerminkan peningkatan penglibatan asing di dalam sektor perkhidmatan, sama ada dari segi pemerolehan atau pun peningkatan pelaburan di dalam aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan, seperti perkhidmatan kewangan, perdagangan dan pemasaran dan teknologi maklumat dan komunikasi, bahagian pelaburan asing berbanding jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan meningkat dengan nyata daripada lebih kurang 5% sebelum krisis kepada lebih daripada 50% pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Kejayaan Malaysia dalam menarik jumlah pelaburan langsung asing yang nyata di dalam dua dekad yang lalu adalah disebabkan oleh kedua-dua faktor dalam negeri yang "menarik" dan faktor luaran yang "menolak". Pihak Kerajaan akan terus menyediakan suasana yang menggalakkan untuk menarik FDI, di samping menyediakan dasar untuk memastikan bahawa faedah daripada FDI dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak. Dalam menuju ke hadapan, cabaran yang dihadapi adalah untuk menarik pelaburan dalam aktiviti berpengetahuan tinggi dalam usaha untuk mengubah Malaysia kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan untuk kekal berdaya saing.

Dalam ekonomi yang didorong oleh pengetahuan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan memainkan peranan yang penting bagi membantu mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan. Sehubungan ini, selain daripada menggalakkan pelaburan dalam pengeluaran barangan yang lebih berteknologi tinggi dan lebih maju, keutamaan juga adalah diberikan untuk menggalakkan syarikat melibatkan diri dalam ICT, penyelidikan dan pembangunan (P & P), reka bentuk barangan, penjualan dan pengagihan. Pelaburan dalam aktiviti perkhidmatan seperti P & P dan reka bentuk barangan memerlukan modal intelektual yang lebih berbanding modal tetap. Sehubungan ini, terdapat peralihan dalam pelaburan asing kepada kemahiran dalam teknologi. Bagi memenuhi permintaan terhadap buruh mahir, pihak Kerajaan telah menawarkan insentif bagi menarik bakat dari luar negara.

Sementara itu, di peringkat dalam negeri, bagi menarik FDI, tumpuan adalah diberikan untuk menyediakan tenaga pekerja yang lebih mahir dalam ICT bagi memenuhi keperluan masa depan pelabur. Sumber manusia telah menjadi satu teras yang penting dalam dasar pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Kurikulum sedang diolah semula bagi memasukkan ICT dan menggalakkan P & P. Pada masa yang sama, terdapat langkah-langkah untuk menggalakkan latihan semula yang berterusan oleh pihak sektor swasta dan awam.

Dengan persaingan yang semakin meningkat bagi menarik FDI dan pembukaan rejim pelaburan oleh negara-negara yang lain, pihak Kerajaan akan terus memperkemaskan dasar pelaburan dan strategi untuk menarik FDI yang dikehendaki dari pelabur asing baru dan yang sedia ada. Dari segi ekonomi makro, keutamaan dasar adalah kestabilan dalam pasaran kewangan dan keadaan inflasi yang rendah. Ini adalah penting untuk melindungi nilai pelaburan asing dalam jangka panjang di Malaysia.

Pendirian dasar Kerajaan pada masa ini ialah FDI bukan sahaja setakat meningkatkan stok modal negara tetapi juga memainkan peranan bagi meningkatkan daya saing negara. Beberapa bidang yang dikenal pasti bagi pertumbuhan seterusnya termasuklah pembuatan barangan berasaskan sumber yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, barangan elektronik dan petrokimia dan pelaburan di Koridor Raya Multimedia. Satu Jawatankuasa Tertinggi telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan bagi merangka pakej galakan khas bagi memenuhi kehendak khusus pelabur tertentu yang berminat untuk melabur di bidang keutamaan yang telah dikenal pasti. Melalui cara ini, Malaysia berhasrat untuk menarik pelaburan dalam bidang khusus yang dikenal pasti.

Kerajaan juga telah menubuhkan satu unit pelaksanaan dan penyelarasan khas di Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan Malaysia bagi memastikan pelaksanaan yang lancar dalam perancangan, operasi, pengembangan, pelbagaian dan kelulusan projek perkilangan dalam negara. Di samping itu, usaha juga sedang dijalankan untuk

mempromosi Malaysia sebagai pusat serantau bagi operasi multinasional dan perkhidmatan berkaitan perkilangan, termasuk penubuhan Pusat Pemerolehan Antarabangsa (IPC), Ibu Pejabat Operasi (OHQ) dan pejabat untuk aktiviti serantau.

Memandangkan kebanyakan industri berintensifkan modal telah pun ditubuhkan di Malaysia, adalah dijangka bahawa projek pelaburan yang besar akan berkurangan dalam tempoh terdekat ini. Malaysia kini sedang berusaha untuk menarik FDI dalam aktiviti yang mempunyai pengetahuan tinggi seperti dalam MSC dan dalam industri bersaiz sederhana yang mempunyai teknologi khusus yang melibatkan modal intelektual yang tinggi dan modal pelaburan yang rendah. Oleh yang demikian, dari segi nilai, aliran masuk FDI mungkin tidak sebesar seperti pada tahun 1990an. Namun begitu, aliran masuk FDI yang dikehendaki bersama-sama dengan produktiviti yang lebih tinggi serta peningkatan kecekapan akan membolehkan penjanaan nilai ditambah yang lebih tinggi yang seterusnya akan menyumbang kepada paras pertumbuhan yang mapan pada masa hadapan.

Aliran keluar di dalam akaun modal jangka pendek juga meliputi aliran keluar bersih modal portfolio. Dalam lima bulan pertama tahun 2000, aliran masuk bersih dana bagi tujuan pelaburan portfolio berjumlah sebanyak RM8.3 bilion. Aliran masuk dana ini didorong oleh kemasukan semula Malaysia ke dalam Indeks Morgan Stanley Capital International pada penghujung Mei tahun 2000. Walau bagaimanapun, kebimbangan pelabur terhadap ketidakpastian dan ketidaktentuan di dalam pasaran kewangan antarabangsa serta perkembangan di dalam negeri telah mengakibatkan pengaliran keluar modal portfolio berjumlah RM12.3 bilion dalam tempoh Jun hingga Disember 2000.

Hutang Luar Negeri

Dua tahun selepas berlakunya krisis di Asia, kedudukan hutang luar negeri Malaysia terus bertambah baik dan kekal rendah berbanding negara-negara ekonomi baru muncul yang lain. Bahagian sektor awam dalam hutang luar negeri juga kekal rendah. Pendekatan yang diambil oleh kerajaan Malaysia adalah untuk mengimbangi keperluan untuk membendung tahap hutang demi mengurangkan pendedahan kepada kejutan luaran, dan pada masa yang sama memberikan fleksibiliti kepada sektor swasta untuk memperoleh kos pembiayaan yang paling rendah bagi membiayai aktiviti ekonomi.

Dalam perspektif ini, rangka kerja Malaysia dalam pengurusan hutang luar negerinya adalah berpandukan kepada dasar berhemat berdasarkan perspektif makro untuk mengurangkan pendedahan kepada risiko kejutan kadar faedah antarabangsa, pergerakan kadar pertukaran asing yang negatif serta perubahan sentimen para pelabur. Dalam konteks objektif ini, Malaysia terus menguruskan hutang luar negerinya dengan aktif demi memastikan tahap hutang adalah terkawal pada paras yang berpatutan tanpa menjejaskan keupayaan sektor swasta untuk memperoleh pembiayaan kewangan jangka panjang daripada sumber yang kompetitif di pasaran modal dan kewangan antarabangsa. Pengurusan hutang juga turut berpandukan kepada objektif untuk mengekalkan bayaran khidmat hutang agar selaras dengan keupayaan pembayaran khidmat hutang ekonomi dalam jangka masa sederhana, dengan memastikan bahawa hutang luar negeri ini digunakan untuk membiayai aktiviti yang produktif yang akan dapat menjanakan pendapatan pertukaran asing untuk membayar balik hutang. Syarikat–syarikat digalakkan untuk mempelbagaikan peminjaman mereka daripada segi mata wang, instrumen hutang, pasaran dan pemiutang supaya mencapai profil hutang yang lebih seimbang bagi mengurangkan risiko. Ini juga membolehkan pelanjutan profil tempoh kematangan, melicinkan kelompok pembayaran serta terus mengekalkan akses badan korporat kepada kredit di pasaran modal antarabangsa.

Polisi pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dapat dilihat daripada kedudukan hutang luar negeri Malaysia yang terus bertambah baik. Pada tahun 2000, kedudukan hutang luar negeri bertambah baik dari segi pengurangan tahap keseluruhan hutang serta pembaikan yang berterusan dalam profil kematangan. **Jumlah hutang luar negeri** yang belum dijelaskan berkurangan sebanyak 3% kepada RM157 bilion (AS$41.3 bilion) pada akhir tahun 2000, disebabkan terutamanya oleh pengurangan hutang jangka pendek dan sebahagiannya oleh keuntungan penilaian semula kadar pertukaran hasil daripada peningkatan dalam nilai ringgit. Situasi hutang yang bertambah baik pada tahun 2000 juga

Jadual 1.29
Hutang Luar Negeri yang Belum Dijelaskan

	1999		2000*a*	
	RM juta	AS$ juta	RM juta	AS$ juta
Jumlah hutang	**161,606**	**42,528**	**156,953**	**41,303**
Jangka sederhana dan panjang	138,743	36,511	139,419	36,689
Jangka pendek [1]	22,863	6,017	17,535	4,614
% daripada jumlah hutang	*14*	*14*	*11*	*11*
% daripada rizab antarabangsa	*19.5*	*19.5*	*15.4*	*15.4*
% daripada KNK				
Jumlah hutang	57.8	57.8	50.5	50.5
Hutang jangka sederhana dan panjang	49.6	49.6	44.9	44.9
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	43.4	43.4	36.2	36.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	37.3	37.3	32.2	32.2
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	6.0	6.0	5.0	5.0

[1] Merujuk kepada hutang jangka pendek bank dan sektor swasta bukan bank.
a Awalan

dicerminkan oleh beberapa penunjuk hutang. Nisbah hutang luar negeri kepada KNK dan eksport berkurangan masing-masing daripada 58% dan 43% pada akhir tahun 1999 kepada 51% dan 36% pada akhir tahun 2000. Struktur kematangan hutang juga telah dipanjangkan dengan bahagian hutang jangka pendek mencakup hanya 11% daripada jumlah hutang luar negeri, sementara 70% daripada hutang jangka sederhana dan panjang mempunyai baki tempoh kematangan yang melebihi tiga tahun. Di samping itu, nisbah mudah tunai antarabangsa yang mengukur rizab antarabangsa berbanding hutang jangka pendek (termasuk hutang jangka panjang yang tamat tempoh kematangan dalam masa setahun) adalah jauh melebihi 300%. Pengurusan hutang yang berhemat ini telah memperbaiki lagi kedudukan mudah tunai luaran justeru mengurangkan pendedahan Malaysia terhadap kejutan luaran.

Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan mencakup bahagian yang kecil daripada jumlah hutang luar negeri (12%), lantas memberikan kelonggaran yang lebih kepada Kerajaan dalam pemilihan polisinya. Perusahaan awam bukan kewangan (PABK) pula mencakup bahagian sebanyak 38% daripada jumlah hutang, sementara sektor swasta mencakup bahagian terbesar daripada hutang (50%), di mana syarikat milik bukan permastautin mencakup bahagian yang besar daripada hutang sektor ini. Syarikat-syarikat ini yang kebanyakannya berorientasikan eksport, mempunyai pelindungan nilai semula jadi terhadap risiko mata wang.

Hutang luar negeri jangka pendek secara relatifnya adalah rendah, malahan semasa ianya berada pada kemuncaknya pada tahun 1996, ia hanya mencakup 26% daripada jumlah hutang luar negeri. Pada tahun 2000, hutang luar negeri jangka pendek terus menurun untuk tahun ketiga berturut-turut sebanyak 23% kepada RM17.5 bilion (AS$4.6 bilion). Hutang jangka pendek terdiri terutamanya daripada pinjaman jangka pendek bank, kredit pusingan dan pinjaman antara syarikat. Mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan tempatan serta kadar faedah luar negeri yang lebih tinggi turut menyebabkan pengurangan permintaan untuk pembiayaan dari luar negeri. Justeru itu, nisbah hutang luar negeri jangka pendek kepada jumlah hutang luar negeri berkurangan kepada 11%

Graf 1.52
Hutang Luar Negeri



daripada 14% pada tahun 1999. Begitu juga, nisbah hutang jangka pendek kepada rizab antarabangsa merosot kepada 15.4% daripada 19.5% pada tahun 1999. Dengan mengambil kira hutang jangka sederhana dan panjang yang mempunyai baki tempoh kematangan dalam lingkungan 12 bulan, hutang jangka pendek adalah sebanyak RM32.9 bilion atau AS$8.7 bilion, kurang daripada satu pertiga daripada rizab antarabangsa.

Pada tahun 2000, pinjaman hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang mencatatkan pengaliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM4.7 bilion (1999: RM5.1 bilion). Sektor awam yang merangkumi Kerajaan Persekutuan dan PABK, mencatatkan pengaliran masuk bersih sebanyak RM4 bilion (1999: RM6.8 bilion) sementara sektor swasta mencatat pengaliran masuk bersih dana yang kecil sebanyak RM0.7 bilion setelah mencatatkan pembayaran balik pinjaman bersih pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, keuntungan penilaian semula mata wang

sebanyak RM4 bilion hasil daripada peningkatan dalam nilai ringgit berbanding yen Jepun serta mata wang utama yang terpilih, telah menyederhanakan peningkatan dalam nilai hutang dalam sebutan ringgit. Justeru itu, jumlah **hutang jangka sederhana dan panjang** telah mencatatkan peningkatan yang sedikit sebanyak 0.5% kepada RM139.4 bilion pada akhir tahun 2000. Dalam sebutan dolar Amerika Syarikat, hutang jangka sederhana dan panjang bernilai AS$36.7 bilion.

Dari segi **komposisi mata wang**, sebahagian besar hutang jangka sederhana dan panjang adalah dalam denominasi Amerika Syarikat, yang merupakan 72% daripada hutang luar negeri yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2000. Mencerminkan peningkatan dalam pengeluaran pinjaman dalam mata wang dolar AS dan proses mempelbagaikan pinjaman kepada pinjaman euro serta susutan nilai yen, bahagian hutang yang didenomisasikan dalam mata wang yen merosot kepada 18% (1999: 21%). Baki hutang sebanyak 10% adalah dalam sebutan mata wang antarabangsa yang lain termasuk franc Perancis, dolar Singapura, euro dan pound sterling. Komposisi mata wang tanggungan pada amnya berpadanan dengan komposisi pendapatan, justeru memberikan perlindungan nilai semula jadi ke atas risiko mata wang.

Jumlah **pembayaran khidmat hutang** (termasuk prabayaran) meningkat sebanyak 5.8% kepada RM24 bilion disebabkan oleh pembayaran balik hutang serta faedah hutang yang lebih tinggi. Peningkatan dalam pembayaran balik nilai prinsipal hutang adalah disebabkan sebahagiannya oleh prabayaran beberapa pinjaman PABK yang lebih mahal serta perlaksanaan opsyen jualan bon Kerajaan Persekutuan serta tamat tempoh kematangan bon yang diterbitkan pada awal tahun 1990an. Selaras dengan pertumbuhan eksport yang lebih tinggi, nisbah khidmat bayaran hutang (tidak termasuk prabayaran) merosot kepada 5% daripada 6% pada tahun 1999.

Hutang luar negeri sektor awam: Hutang luar negeri **Kerajaan Persekutuan** meningkat sebanyak 2.5% kepada RM18.8 bilion pada akhir tahun 2000 untuk mencakup bahagian sebanyak 12% daripada jumlah hutang luar negeri. Pinjaman kasarnya adalah stabil pada tahap RM4.8 bilion, terutamanya dengan terbitan AS$500 juta melalui pembukaan semula Nota-nota AS$1 bilion yang matang pada tahun 2009, terbitan Nota-nota Euro650 juta yang matang pada tahun 2005 dan pengeluaran pinjaman di bawah Inisiatif Miyazawa serta pinjaman projek daripada institusi pelbagai hala. Pembayaran balik hutang pada tahun 2000 meningkat dengan nyata kepada RM3.9 bilion, termasuk tamat tempoh kematangan Bon Yankee AS$200 juta serta penebusan kebanyakan (AS$617.17 juta) daripada AS$650 juta nota kadar terapung yang diterbitkan pada tahun 1985.

Sepertimana di tahun-tahun yang lepas, keperluan pembiayaan Kerajaan diperoleh daripada sumber tempatan yang tidak bersifat inflasi. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menceburi pasaran modal antarabangsa pada bulan September dan November 2000, untuk mewujudkan kehadiran pasaran, mempelbagaikan asas pelaburan negara serta membentuk satu penanda aras untuk memudahkan syarikat Malaysia menceburi pasaran modal Eropah dan pasaran modal antarabangsa yang lain. Disebabkan tawaran pembukaan semula ini telah menerima lebihan langganan sebanyak tiga kali ganda, saiz terbitan telah ditambah daripada tawaran awal sebanyak AS$350 juta kepada AS$500 juta. Kerajaan Persekutuan juga menerbitkan Nota-nota Euro650 juta yang mempunyai tempoh matang selama lima tahun dengan kadar kupon 102 mata asas di atas kadar swap Euribor. Terbitan ini telah menerima lebihan langganan dua kali ganda.

Mencerminkan asas ekonomi Malaysia yang bertambah baik, *Standard and Poor's* telah mengubah penilaian prospek hutang mata wang asing Kerajaan Malaysia kepada "positif" daripada stabil pada bulan September 2000 di samping mengesahkan penilaian BBB terhadap hutang mata wang asing Malaysia. Begitu juga pada Oktober tahun 2000, *Moody's Investor Services* juga telah mengesahkan penilaian hutang mata wang asing Malaysia sebanyak satu tahap kepada Baa2 dan memberikan penilaian stabil ke atas prospeknya. Tebaran kadar faedah sekuriti tanda aras Malaysia secara relatifnya kekal stabil pada mata asas 225 di atas Perbendaharaan Amerika Syarikat pada akhir tahun 2000.

PABK terus mendapatkan dana jangka panjangnya dari pasaran modal antarabangsa untuk membiayai pelaburan modal mereka, termasuk perkembangan perniagaan di luar negeri serta untuk tujuan membiayai semula pinjaman di luar pesisir sedia ada yang lebih mahal. Walaupun terdapat pinjaman baru ini, hutang PABK yang belum dijelaskan hanya meningkat sedikit iaitu sebanyak 1.4% kepada RM59.5 bilion pada akhir tahun 2000. Ini mencerminkan pembayaran balik hutang yang tinggi pada tahun 2000, dalam keadaan kadar faedah luar negeri yang tinggi. Hutang PABK juga telah disederhanakan oleh keuntungan penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM2.3 bilion. Aliran masuk pinjaman luar negeri kasar meningkat kepada RM6.9 bilion (1999: RM6.1 bilion), terutamanya disebabkan oleh pengeluaran pinjaman oleh Telekom Malaysia Berhad, Petronas, Tenaga Nasional Berhad, dan 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd. Telekom melalui unit milikan sepenuhnya TM Global Inc, telah melancarkan bon global AS$300 juta (RM1.1 bilion) dengan tempoh matang selama sepuluh tahun pada kadar kupon 8% untuk memenuhi keperluan modal kumpulan Telekom. Sementara itu, pinjaman di bawah Inisiatif Miyazawa yang dikeluarkan oleh Bank Industri dan Bank Pembangunan untuk kemudahan pembiayaan eksport dan projek infrastruktur tidaklah begitu ketara (RM398 juta). PABK sebagai satu kumpulan telah mencatatkan pengaliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.1 bilion memandangkan pembayaran balik meningkat sebanyak 70%, mencerminkan pembiayaan semula beberapa pinjaman untuk mengambil kesempatan tebaran kadar faedah yang lebih baik hasil daripada penilaian kredit Malaysia yang bertambah baik.

Hutang luar negeri sektor swasta: Biarpun terdapat aktiviti ekonomi yang pesat serta peningkatan dalam aktiviti pelaburan, permintaan untuk pinjaman luar negeri jangka panjang telah merosot kepada RM8.8 bilion (1999: RM9.6 bilion) dalam keadaan di mana kadar faedah luar negeri adalah lebih tinggi serta terdapat peningkatan dalam dana tempatan termasuk dana dalaman yang diperoleh daripada pendapatan eksport yang lebih tinggi. Syarikat milik bukan pemastautin yang mencakup kira-kira 56% daripada pinjaman ini, memperoleh sebahagian besar pinjamannya daripada para pemegang saham di luar pesisir dan syarikat sekutu. Pinjaman seumpama ini pada amnya mempunyai tempoh kematangan yang lebih panjang dengan syarat pinjaman yang lebih fleksibel dan kadar faedah yang lebih rendah. Sebahagian besar daripada pinjaman luar negeri adalah untuk membiayai projek pelaburan serta pelaburan usaha sama di luar negeri. Pinjaman luar negeri sebegini adalah dilindung nilai secara semula jadi, di mana pendapatan dalam mata wang asing digunakan untuk membayar khidmat hutang. Sementara itu, sebagai sebahagian daripada dasar pengurusan hutang untuk mengurangkan kos khidmat hutang, sesetengah syarikat terus menstruktur semula hutang luar negeri yang lebih mahal melalui dan terbitan sekuriti hutang swasta. Pembayaran balik telah berkurangan pada tahun ini (RM8.2 bilion; 1999: RM11.3 bilion), menyebabkan pengaliran masuk pinjaman luar negeri bersih yang kecil sebanyak RM0.7 bilion berbanding pembayaran balik bersih sebanyak RM1.7 bilion pada tahun 1999. Mencerminkan perkembangan ini dan juga keuntungan penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM1.3 bilion, hutang luar negeri sektor swasta yang belum dijelaskan merosot sebanyak 1% kepada RM61.1 bilion pada akhir tahun 2000.

Untuk memperbaiki ketelusan data, langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki penyebaran data berkenaan hutang. Buletin Perangkaan Bulanan Bank Negara Malaysia turut mengandungi data hutang Kerajaan Persekutuan mengikut klasifikasi tempoh baki kematangan dan mata wang. Di bawah Piawaian Khas Penyebaran Data (SDDS) bagi rizab antarabangsa, data mengenai pengaliran masuk dan keluar rizab yang telah ditentukan lebih awal lagi yang disebabkan oleh hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan, disebarkan kepada awam setiap bulan dengan lat satu bulan. Selain itu, tanggungan kontinjen hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan yang tempoh kematangannya tamat dalam masa dua belas bulan, juga disiarkan.

Polisi hutang luar negeri juga diperlengkapkan dengan rangka kerja untuk memantau tahap hutang luar negeri Malaysia. Sistem pemantauan hutang membolehkan pihak berkuasa mengetahui tahap jumlah hutang keseluruhan, struktur hutang serta tanggungjawab khidmat hutang kedua-dua sektor awam dan swasta. Syarikat swasta dan

PABK juga dikehendaki menghantar laporan suku tahunan kedudukan hutang luar negeri mereka kepada BNM. Bagi menyediakan liputan statistik hutang luar negeri yang lebih komprehensif untuk membolehkan para penggubal dasar menilai pendedahan negara kepada sektor luaran, BNM telah menyediakan satu sistem statistik yang baru. Sistem baru ini akan meningkatkan lagi pengumpulan, penyusunan dan penyebaran data mengenai hutang luar negeri untuk memenuhi keperluan data SDDS yang baru yang berkaitan dengan hutang luar negeri, selaras dengan rangka kerja statistik kedudukan pelaburan antarabangsa mengikut edisi kelima Manual Imbangan Pembayaran. Kategori data hutang luar negeri yang berasingan di bawah SDDS akan diperkenalkan oleh IMF untuk tujuan melaporkan kedudukan hutang pada akhir bulan Jun 2003, menjelang akhir bulan September 2003.

Jadual 1.30
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir			Perubahan
	1998	1999	2000	2000
	RM juta			
Milikan SDR	793.9	330.3	418.7	88.4
Kedudukan rizab dengan IMF	2,379.2	3,168.2	3,310.9	142.7
Emas dan pertukaran wang asing	96,265.0	113,766.0	109,835.4	–3,930.6
Rizab antarabangsa kasar	99,438.1	117,264.5	113,565.0	–3,699.5
Tolak Tanggungan luar negara BNM	13.7	21.0	23.7	2.7
Rizab antarabangsa bersih	99,424.4	117,243.5	113,541.3	–3,702.2
Nilai dalam AS$	26,164.3	30,853.6	29,879.3	–974.3
Bulan import tertangguh	5.7	5.9	4.5	
Rizab/Hutang luar negara jangka pendek	3.1	5.1	6.5	

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM [terdiri daripada emas, pertukaran mata wang asing, kedudukan rizab dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)] meningkat dengan ketara pada empat bulan pertama tahun 2000 sebelum menurun pada bulan-bulan yang berikutnya. Bagi tahun 2000 secara keseluruhannya, rizab antarabangsa bersih menurun sebanyak RM3.7 bilion atau AS$1 bilion kepada RM113.5 bilion (AS$29.9 bilion) pada akhir tahun 2000. Paras rizab kekal tinggi dan telah meningkat sebanyak AS$9.7 bilion sejak bulan Ogos 1998. Namun, apa yang penting ialah rizab negara boleh diguna dan tidak membebankan, memandangkan BNM tidak terlibat dalam urus niaga opsyen mata wang asing berbanding ringgit dan tidak mempunyai pinjaman mata wang asing yang bersertakan opsyen. Tambahan pula, BNM tidak mengambil kemudahan kredit yang tidak bersyarat atau memberi kemudahan kredit dari/kepada bank pusat yang lain, organisasi antarabangsa, bank dan institusi kewangan yang lain.

Graf 1.53
Rizab Antarabangsa Bersih



Pada tahun ini, terdapat pengaliran masuk dagangan dan modal jangka panjang yang tinggi yang telah dapat mengimbangi pengaliran keluar rizab. Pengaliran masuk pada tahun 2000 mencerminkan lebihan dagangan yang kukuh, peningkatan ketara dalam pelaburan portfolio pada awal tahun dan pengaliran masuk modal jangka panjang. Pengaliran masuk modal jangka panjang termasuk pengaliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) (RM14.7 bilion atau AS$3.9 bilion) dan peminjaman mata wang asing bersih oleh Kerajaan Persekutuan, perbadanan awam bukan kewangan (PABK), dan sektor swasta bukan bank (RM4.5 bilion atau AS$1.2 bilion). Pinjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan termasuk pembukaan semula terbitan bon dunia AS$1 bilion yang akan matang pada tahun 2009 (diterbitkan buat kali pertama pada Jun 1999) sebanyak

AS$500 juta dan terbitan Nota Euro Malaysia 650 juta yang akan matang pada tahun 2005.

Pengaliran masuk dana yang ketara pada tahun 2000 adalah memadai untuk mengimbangi pengaliran keluar dana dan pelarasan penilaian semula pertukaran mata wang asing berikutan peningkatan dalam nilai ringgit sepanjang tahun ini. Pengaliran keluar dana, terutamanya pada tempoh Mei hingga Disember, mencerminkan gabungan beberapa faktor berikut:

- Pengaliran keluar bersih yang tinggi untuk **bayaran perkhidmatan dan pindahan** (RM48.3 bilion atau AS$12.7 bilion) disebabkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan dengan perdagangan dan kenaikan secara keseluruhan prestasi ekonomi tempatan.

- **Pelaburan luar negara bersih** oleh sektor korporat Malaysia berjumlah RM7.7 bilion (AS$2 bilion), sebahagian besarnya dalam projek-projek telekomunikasi, perladangan dan janakuasa.

- **Pengaliran keluar dana portfolio** sebanyak RM4 bilion (AS$1.1 bilion) daripada Akaun Luaran/Akaun Luaran Khas. Pada lima bulan pertama, terdapat pengaliran masuk dana bersih (RM8.3 bilion atau AS$2.2 bilion) sebelum kepastian kemasukan semula Malaysia ke dalam indeks MSCI pada akhir bulan Mei. Pengaliran keluar modal portfolio antara bulan Jun dan Disember (RM12.3 bilion atau AS$3.2 bilion) adalah disebabkan oleh kebimbangan para pelabur ke atas kesan daripada kemerosotan ekonomi AS terhadap rantau ini secara amnya dan khususnya kesan kepada syarikat-syarikat Asia; keutuhan permintaan elektronik dunia dan kemeruapan di pasaran kewangan sedunia; serta kebimbangan terhadap isu-isu korporat serantau dan tempatan.

- **Pembayaran semula hutang luar negara** oleh Kerajaan Persekutuan, PABK dan sektor swasta berjumlah RM15.8 bilion (AS$4.2 bilion).

- **Pembayaran hutang luar negara jangka pendek oleh sektor swasta bukan bank dan peningkatan harta luar negara oleh institusi perbankan** sebanyak RM8.8 bilion (AS$2.3 bilion). Ini mencerminkan simpanan dana antara bank yang lebih tinggi di luar negara untuk tujuan perlindungan nilai aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan.

- Kadar faedah yang lebih tinggi di luar negara telah mempengaruhi para pengeksport Malaysia untuk menyimpan perolehan eksport mereka di luar negara dalam jangka masa enam bulan daripada tarikh eksport dan juga telah menggalakkan peningkatan **kredit perdagangan** yang diberikan kepada para pengimport. Perolehan eksport juga disimpan dalam akaun mata wang asing di bank-bank di Malaysia, yang mana jumlahnya telah meningkat pada tahun ini.

- **Kerugian penilaian semula pertukaran asing** sebanyak RM5.3 bilion (AS$1.4 bilion) berikutan peningkatan nilai dolar AS berbanding mata wang asing utama yang lain.

Keutuhan rizab Malaysia dicerminkan oleh kecukupan rizab untuk membiayai 4.5 bulan import tertangguh (5.9 bulan pada akhir tahun 1999) dan 6.5 kali hutang luar negara jangka pendek (5.1 kali pada akhir tahun 1999). Dari segi pendedahan luar negara, risiko kepada ekonomi berhubung dengan hutang luar negara jangka pendek telah dikurangkan dengan pembayaran bersih serta pengurangan tanggungan bank-bank perdagangan. Pembayaran hutang luar negara yang besar pada tahun 2000 telah mengurangkan pendedahan hutang luar negara Malaysia dengan ketara kepada hanya 51% daripada KNK pada akhir tahun 2000 (58% pada akhir tahun 1999), sekaligus terus mengukuhkan kedudukan luar negara Malaysia (sila rujuk bahagian *Hutang Luar Negara*). Pelaburan luar negara yang lebih tinggi akan pasti menyumbang kepada peningkatan aktiviti sektor korporat Malaysia di samping meningkatkan prospek eksport barangan dan perkhidmatan pada masa depan. Tambahan lagi, masih terdapat lebihan mudah tunai dalam negara yang mencukupi untuk membiayai pelaburan di Malaysia.

Milikan rizab Malaysia dalam bentuk **Hak Pengeluaran Khas** (SDR) meningkat sebanyak RM88.4 juta kepada RM418.7 juta pada akhir tahun 2000. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh penerimaan imbuhan

daripada IMF berikutan kedudukan Malaysia sebagai pemberi kredit bersih dengan IMF serta keuntungan penilaian semula ke atas milikan SDR. Pada tahun 2000, kedudukan rizab Malaysia dengan IMF tidak berubah. Walau bagaimanapun, jika dinilai dalam nilai ringgit, kedudukan rizab dengan IMF mencatat peningkatan sebanyak RM142.7 juta kepada RM3,310.9 juta pada akhir tahun 2000 atas sebab keuntungan penilaian semula pertukaran pada tahun ini.

Malaysia adalah antara kumpulan pertama 47 buah negara (20 negara maju dan 27 negara membangun) yang melanggan kepada Piawaian Khas Penyebaran Data (SDDS) IMF untuk meningkatkan ketelusan dalam penyusunan dan penyebaran statistik pada tahun 1996. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk meningkatkan ketelusan dalam sistem kewangan antarabangsa, SDDS telah memperkenalkan satu syarat baru, bermula pada 31 Mei 2000, yang memerlukan penzahiran terperinci data bulanan rizab antarabangsa. Dalam melanggan kepada syarat baru tersebut, BNM kini bukan sahaja menyebarkan maklumat dahuluan tentang jumlah rizab, tetapi juga jenis dan kebolehgunaan rizab serta aliran keluar masuk pertukaran asing pada masa hadapan dan potensinya dalam tempoh 12 bulan akan datang. Maklumat tersebut akan memudahkan penilaian terhadap pendedahan luar negara dan risiko pertukaran asing. Buat masa ini, data SDDS tersebut disebarkan kepada orang awam pada akhir setiap bulan (dengan kelewatan data satu bulan). Data tersebut juga boleh didapati daripada laman web BNM *(www.bnm.gov.my/stats/reserves.htm).* Untuk perbandingan dengan pelanggan-pelanggan SDDS yang lain, data tersebut juga boleh diperoleh daripada laman web IMF *(http://dsbb.imf.org/ediscird.htm).* Bermula daripada bulan Mac 1996, BNM telah menyebarkan Penyata Harta dan Tanggungan setiap dua minggu sekali dengan kelewatan data satu minggu.

Aliran Dana

Pada tahun 2000, ekonomi negara mencatatkan jumlah lebihan sumber yang lebih kecil sebanyak RM31.2 bilion atau 10% daripada KNK (lebihan sumber sebanyak RM47.9 bilion atau 17.1% daripada KNK pada tahun 1999).

Sementara lebihan sumber yang lebih rendah mencerminkan eksport bersih berbanding import yang lebih rendah, ia juga mencerminkan penyederhanaan dalam simpanan bersih oleh kedua-dua sektor swasta dan awam. Aliran dana di antara sektor-sektor ekonomi pada tahun 1999 dan 2000 adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.31 dan 1.32.

Mengkaji lebihan sumber daripada perspektif akaun semasa imbangan pembayaran, lebihan yang lebih kecil mencerminkan pertumbuhan import yang lebih tinggi berbanding eksport. Walaupun eksport barangan dan perkhidmatan meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu sebanyak 16.7% (11.5% pada tahun 1999), import meningkat pada kadar yang lebih pesat iaitu sebanyak 23.8% (9.3% pada tahun 1999), hasil daripada pemulihan dalam aktiviti ekonomi yang kukuh pada tahun ini.

Lebihan sumber juga boleh dianalisa dari segi jurang tabungan-pelaburan. Keseluruhan lebihan sumber yang lebih rendah adalah hasil daripada simpanan bersih yang lebih rendah oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Walaupun sektor awam mempunyai pendapatan boleh guna yang lebih besar, ianya telah diimbangi oleh pelaburan awam yang lebih besar bagi menyokong pemulihan ekonomi. Ini menyebabkan lebihan sumber sektor awam bersih yang rendah sebanyak RM2.8 bilion pada tahun 2000 (+RM12.4 bilion pada tahun 1999). Lebihan sumber yang lebih rendah adalah hasil daripada lebihan sumber oleh Perusahaan Awam Bukan Kerajaan (PABK) sebanyak RM15.4 bilion, yang diimbangi oleh jurang sumber Sektor Kerajaan sebanyak RM12.6 bilion. Sebahagian besar daripada jurang sumber Sektor Kerajaan dibiayai melalui pinjaman bersih domestik (+RM12.7 bilion) dan pinjaman bersih daripada sistem perbankan (+RM4.3 bilion). Memandangkan PABK mempunyai lebihan sumber, mereka merupakan penyumbang utama dana kepada sektor swasta. Sejumlah RM11.1 bilion telah disalurkan kepada sektor swasta pada tahun ini.

Sementara itu, pemulihan aktiviti ekonomi yang kukuh telah membolehkan sektor swasta mencatatkan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi sebanyak RM217.6 bilion pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh dan perbelanjaan pelaburan swasta yang lebih

Jadual 1.31
Aliran Dana 1999

	Akaun negara	Ekonomi domestik			Negara-negara lain	Jumlah
		Sektor awam	Sektor swasta	Sistem perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan boleh guna	−273.0	80.5	192.4			0
Penggunaan	158.2	−33.5	−124.8			0
Pelaburan	66.5	−34.5	−32.0			0
Perubahan dalam stok	0.3	−0.2	−0.2			0
Eksport barangan dan perkhidmatan	365.4				−365.4	0
Import barangan dan perkhidmatan	−290.1				290.1	0
Bayaran faktor luar negara bersih	−20.9				20.9	0
Pindahan bersih	−6.5				6.5	0
Imbangan bukan kewangan	0.0	12.4	35.5	0.0	−47.9	0
Pembiayaan asing						
Pelaburan korporat			5.9		−5.9	0
Peminjaman asing bersih		6.7	-25.5		18.8	0
Perubahan bersih dalam aset asing						
BNM				−17.8	17.8	0
Sistem perbankan				−12.2	12.2	0
Pembiayaan domestik						
Perubahan dalam kredit domestik		2.2	−6.8	4.5		0
Perubahan dalam bekalan wang, M3			−33.1	33.1		0
Peminjaman bersih daripada sektor bukan bank		−21.4	21.4			0
Kesilapan dan ketinggalan			2.7	−7.6	4.9	0
Jumlah		0	0	0	0	

Jadual 1.32
Aliran Dana 2000

	Akaun negara	Ekonomi domestik			Negara-negara Lain	Jumlah
		Sektor awam	Sektor swasta	Sistem perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan boleh guna	−303.1	85.5	217.6			0
Penggunaan	180.4	−36.2	−144.2			0
Pelaburan	87.1	−44.3	−42.9			0
Perubahan dalam stok	4.4	−2.2	−2.2			0
Eksport barangan dan perkhidmatan	426.5				−426.5	0
Import barangan dan perkhidmatan	−359.0				359.0	0
Bayaran faktor luar negara bersih	−28.6				28.6	0
Pindahan bersih	−7.7				7.7	0
Imbangan bukan kewangan	0.0	2.8	28.4	0.0	−31.2	0
Pembiayaan asing						
Pelaburan korporat			7.5		−7.5	0
Peminjaman asing bersih		4.0	−29.7		25.8	0
Perubahan bersih dalam aset asing						
BNM				3.7	−3.7	0
Sistem perbankan				−6.3	6.3	0
Pembiayaan domestik						
Perubahan dalam kredit domestik		4.3	25.6	-29.9		0
Perubahan dalam bekalan wang, M3			−22.1	22.1		0
Peminjaman bersih daripada sektor bukan bank		−11.1	11.1			0
Kesilapan dan ketinggalan			−20.7	10.4	10.3	0
Jumlah		0	0	0	0	

tinggi telah menyebabkan simpanan bersih yang lebih rendah sebanyak RM28.4 bilion oleh sektor swasta (+RM35.5 bilion pada tahun 1999). Dengan mengambil kira aliran masuk modal jangka panjang (+RM7.5 bilion), pinjaman daripada sistem perbankan (+RM25.6 bilion) serta pinjaman bersih daripada sektor awam (+RM11.1 bilion), sumber yang sedia ada untuk sektor swasta berjumlah RM72.6 bilion.

Sebahagian besar daripada sumber-sumber sektor swasta telah digunakan untuk penyimpanan bersih deposit sebanyak RM22.1 bilion dalam sistem perbankan (termasuk pegangan mata wang). Aliran keluar adalah terutamanya dalam bentuk dana swasta berjangka pendek (-RM29.7 bilion), termasuk pembayaran semula hutang jangka pendek oleh sektor swasta bukan bank serta peningkatan dalam kredit perdagangan yang diberikan kepada pengimport asing. Di samping itu, aliran keluar juga ditunjukkan oleh pengurangan di dalam tanggungan luar negara bersih sistem perbankan (-RM6.3 bilion). Walau bagaimanapun, aliran masuk dana jangka panjang yang berterusan - bagi kedua-dua pinjaman rasmi dan pelaburan korporat - berserta dengan lebihan akaun semasa yang besar, telah dapat menampung sebahagian besar daripada aliran keluar dan ini telah dapat mengekang kejatuhan rizab antarabangsa bersih yang menurun sebanyak RM3.7 bilion pada tahun ini.